

SISTEM SOSIAL DALAM TEKS SEUNTAIAN  
*NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI  
PENGKALAN DATU, KELANTAN: PENELITIAN  
TEORI PENGKAEDAHAAN MELAYU*

MUHAMMAD IHAD BIN YAHYA

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

SISTEM SOSIAL DALAM TEKS SEUNTAIAN NARATIF  
*LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,*  
KELANTAN: PENELITIAN TEORI PENGKAEDAHAH  
MELAYU

MUHAMMAD IHAD BIN YAHYA

UNIVERSITI  
TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh.....sehingga.....       |         |   |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)  |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

TandatanganTandatangan Penyelia

---

Muhammad Ihad Bin Yahya  
C20A1121  
Tarikh: / / 2024

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob  
Tarikh: / / 2024

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim,*

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

Terlebih dahulu rasa syukur ke hadrat ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya serta puji-pujian kepada Allah SWT pemilik segala alam, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, dengan kesempatan ruang dan peluang yang diberikan oleh-Nya, maka dapatlah saya menyelesaikan penulisan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Akan tetapi kejayaan dalam menyiapkan penulisan ini bukan hanya datang dari pengorbanan diri saya sendiri malah turut melibatkan halangan dan rintangan dan turut melibatkan beberapa pihak sama ada secara langsung mahupun tidak dalam memberikan sokongan, dorongan dan pandangan kepada saya sepanjang proses penulisan ini.

Saya dengan rendah diri ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob selaku pensyarah dan penyelia dalam menyiapkan penulisan projek penyelidikan ini. Beliau tidak jemu dan tidak mengenal erti lelah dalam memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan kata-kata semangat bahkan sabar dalam menyemak penulisan projek ini. Sesungguhnya, setiap bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan dan jasa yang telah beliau lakukan. Semoga kehidupan seharian beliau dan keluarga sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat-Nya. Ribuan terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada beliau.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan ucapan ribuan terima yang tidak terhingga khususnya kepada kedua ibu bapa saya iaitu Roslina Binti Awang dan Yahya Bin Muhammad kerana telah banyak memberikan sokongan, dorongan yang jitu dan juga kata-kata semangat di samping iringan doa yang tidak putus-putus sepanjang saya menyiapkan penulisan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Segala jasa dan budi yang diberikan amatlah saya hargai. Akhir kata, segala yang baik itu datang dari Allah SWT dan segala kekurangan dan kelemahan sepanjang penulisan projek ini adalah datangnya dari kelemahan diri saya sendiri.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Ihad Bin Yahya  
No 734B Kuarters Guru,  
Sek Keb Batu Mengkebang,  
18000 Kuala Krai,  
Kelantan.  
01125589071 / 0105741921  
Emel: [c20a1121@siswa.umk.edu.my](mailto:c20a1121@siswa.umk.edu.my)

<b>JADUAL KANDUNGAN</b>		<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGESAHAN TESIS			i
PENGHARGAAN			ii
JADUAL KANDUNGAN			iii
SENARAI JADUAL			v
SENARAI RAJAH			vi
ABSTRAK			vii
ABSTRACT			viii
BAB 1	PENDAHULUAN		
1.1	Pengenalan		1
1.2	Penyataan Masalah		6
1.3	Persoalan Kajian		9
1.4	Objektif Kajian		10
1.5	Batasan Kajian		11
1.6	Kepentingan Kajian		17
1.7	Definisi Operasional		20
1.7.1	Sistem Sosial		20
1.7.2	Naratif Lisan		22
1.7.3	Teori Pengkaedahan Melayu		23
1.8	Organisasi Kajian		24
1.9	Penutup		26
BAB 2	SOROTAN KAJIAN LEPAS		
2.1	Pengenalan		27
2.2	Pengkajian terhadap Naratif Lisan di Malaysia		28
2.3	Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-Karya Sastera		60
2.4	Penutup		81
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan		82
3.2	Reka Bentuk Kajian		82
3.3	Kaedah Kajian		82
3.3.1	Kajian Kepustakaan		83
3.3.2	Rujukan Teks		83
3.4	Teori Pengkaedahan Melayu		84
3.4.1	Pengkaedahan Alamiah		85
3.4.1.1	Pendekatan Gunaan		87
3.4.1.2	Pendekatan Moral		88
3.4.1.3	Pendekatan Firasat		89
3.4.2	Pengkaedahan Keagamaan		90
3.4.2.1	Pendekatan Dakwah		91
3.4.2.2	Pendekatan Kemasyarakatan		92
3.4.2.3	Pendekatan Seni		93
3.5	Kerangka Konseptual		94
3.6	Penutup		95
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan		96
4.2	Politik		
4.2.1	Hubungan Diplomatik		98
4.2.2	Perkahwinan		103
4.2.3	Pengaruh Kuasa		108

	4.2.4 Kewibawaan Pemimpin	177
	4.2.5 Inovasi	122
4.3	Ekonomi	
	4.3.1 Tuntutan Sistem Pemerintahan	128
	4.3.2 Pemodenan Infrastruktur	134
	4.3.3 Ufti Bunga Emas	139
4.4	Keagamaan	
	4.4.1 Penyebaran Dakwah	146
	4.4.2 Berpegang Teguh Pada Agama	154
	4.4.3 Penyebaran Agama Islam	158
4.5	Budaya	
	4.5.1 Masyarakat Yang Mempercayai Kejadian Alam	163
	4.5.2 Masyarakat Berilmu	169
	4.5.3 Masyarakat Arif Ilmu Perubatan	172
	4.5.4 Adat Resam	176
4.6	Penutup	180
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	181
5.2	Rumusan	182
5.3	Cadangan	185
5.4	Penutup	188
BIBLIOGRAFI		189
BIODATA PENULIS		203

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

SENARAI JADUAL	HALAMAN
Jadual 1.5: Senarai Tajuk Naratif Lisan dan Sistem Sosial	15



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

	SENARAI RAJAH	HALAMAN
3.4	Teori Pengkaedahan Melayu	85
3.4.1	Jenis Pengkaedahan Alamiah	87
3.4.2	Jenis Pengkaedahan Keagamaan	91
3.5	Kerangka Konseptual	94

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Sistem Sosial Dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu

**ABSTRAK**

Naratif lisan merupakan sebuah karya agung yang tergolong dalam kesusasteraan Melayu tradisional kerana telah lama wujud sejak zaman berzaman lagi dan dipertuturkan dari mulut ke mulut dan sekaligus menjadi hak milik masyarakat. Cerita rakyat ini sememangnya dihadirkan dalam pelbagai versi dan genre seperti cerita rakyat yang berkait dengan asal-usul atau sejarah sesuatu tempat, kisah-kisah mistik, tokoh, cerita binatang dan lain-lain lagi. Walaupun cerita rakyat ini dihadirkan dan disampaikan dalam pelbagai versi ia bertujuan untuk dijadikan nasihat, panduan dan pengajaran. Lantaran itu, sistem sosial juga merupakan salah satu perkara yang kurang diberikan perhatian di dalam cerita rakyat ini. Hal ini, kerana masyarakat menganggap bahawa sistem sosial yang terdapat dalam cerita rakyat merupakan aspek yang tidak penting sehingga menyebabkan mereka kurang peka terhadap perubahan persekitaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan sistem sosial yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, kajian ini membataskan 23 cerita rakyat yang dijadikan sebagai bahan untuk dianalisis bagi membuktikan kesahihan, kewujudan aspek sistem sosial yang terkandung di dalamnya. Selain itu, kajian ini dilaksanakan merujuk kepada reka bentuk kualitatif dan berpaksikan kepada kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian dengan menerapkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan selari dengan sistem sosial yang terkandung dalam naratif lisan yang dipilih. Hasil kajian mendapati bahwasanya teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sememangnya memiliki sistem sosial dan berjaya mengubah pandangan masyarakat Melayu. Perkara ini secara tidak langsung dapat menentukan sesuatu peraturan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Cerita Rakyat, Sistem Sosial, Teori Pengkaedahan Melayu, Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, Masyarakat Melayu*

Social System in the Text of an *Oral Narrative in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*: Research on the Theory of Malay Methodology

**ABSTRACT**

The oral narrative is a masterpiece that belongs to traditional Malay literature because it has been around for ages and is spoken from mouth to mouth and at the same time is the property of the community. These folk tales are indeed presented in various versions and genres such as folk tales related to the origin or history of a place, mystical stories, figures, animal stories and others. Although this folk tale is presented and presented in various versions, it is intended to be used as advice, guidance and instruction. Therefore, the social system is also one of the things that is given less attention in this folklore. This is so because the community considers that the social system found in folklore is an unimportant aspect that causes them to be less sensitive to environmental changes. Therefore, this study was conducted to identify and study the social system contained in the text of the Oral Narrative Chain in Pengkalan Datu River Basin, Kelantan. This study presents 23 folk tales that are used as material to be analyzed and further prove the authenticity, and the existence of aspects of the social system contained in them. In addition, this study was carried out referring to qualitative design and centered on bibliographic methods and text references. In addition, Malay Methodology Theory is used as a deductive study by applying Natural Methodology and Religious Methodology in parallel with the social system contained in the selected oral narrative. The results of the study found that the text Seutaian Naratif Lisan in Pengkalan Datu River Basin, Kelantan indeed has a social system and succeeded in changing the views of the Malay community. This matter can indirectly determine a certain rule in the life of the Malay community.

Keywords: Folklore, Social System, Malay Methodology Theory, *Oral Narrative Text in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*, Malay Society

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan merupakan sebuah karya yang dihasilkan bagi menggambarkan keindahan khususnya dari segi penggunaan bahasa. Kesusasteraan juga boleh dikategorikan sebagai hasil seni yang merujuk kepada karya yang bersifat tulisan kerana ia boleh hadir dalam bentuk prosa maupun bentuk puisi dan setiap hasil karya tersebut memiliki ciri-ciri, keunikan dan keistimewaan yang tersendiri (*Kamus Dewan*, 2017). Manakala menurut Hashim Awang (1987), beliau telah mengemukakan pandangan bahawa kesusasteraan adalah sebuah ciptaan atau hasil seni yang disampaikan melalui sebuah medium iaitu bahasa. Tambahnya lagi, apabila kesusasteraan tersebut dituturkan ia juga boleh dikenali sebagai sastera lisan dan kesusasteraan yang bertulis dikenali sebagai sastera tulisan. Sehubungan itu, karya kesusasteraan ini memiliki keindahan dalam aspek bahasa atau dari segi pengucapannya.

Selain itu, kesusasteraan merupakan sebuah karya yang terdiri dari dua jenis bentuk iaitu karya berbentuk lisan dan karya berbentuk tulisan yang didalamnya terkandung penggunaan bahasa yang indah yang dapat menarik minat khalayak untuk membaca, (Muhammad Haji Salleh, 1995). Hal ini, kerana kesusasteraan merupakan sebuah perkataan yang mengalami apitan iaitu *ke* dan *an* pada awal dan hujung perkataan. Di samping itu, imbuhan *ke* dan *an* telah membuktikan bahawasanya kata kesusasteraan mengandungi kesenian persuratan yang bersifat halus, indah dan suci. Tambahan pula, perkataan sastera juga bererti ‘*castra*’ yang bermaksud suci. Oleh itu, sastera merujuk kepada sesuatu nilai keindahan yang bertunjangkan terhadap aspek bahasa dalam penghasilan sesebuah karya. Hal ini, sastera memperlihatkan betapa bijaksana

seseorang pengkarya atau penulis untuk mencetuskan segala apa-apa jua nilai pemikiran yang berkait rapat dengan nilai keindahan dan kehalusan, antaranya sesuatu yang digambarkan melalui perasaan serta emosi (Harun Mat Piah, 2006).

Rentetan itu, kesusasteraan turut mendasari terhadap karya naratif lisan yang merupakan suatu hasil penyampaian dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional dan sangat akrab dalam kehidupan mereka. Menerusi bidang kesusasteraan Melayu Tradisional, naratif lisan merujuk kepada kisah-kisah yang disampaikan atau dipertuturkan dari mulut ke mulut sejak nenek moyang terdahulu dan kemudian ia diperturunkan dari generasi ke generasi. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), beliau telah menegaskan bahawasanya naratif lisan merupakan suatu khazanah warisan bangsa yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu pada masa dahulu dan semakin hari ia makin terpinggir dalam benak pemikiran masyarakat hari ini. Pada awalnya, naratif lisan ini disebarluaskan oleh penglipurlara sebagai medium hiburan dan ia disampaikan dalam bentuk lisan sahaja. Walau bagaimanapun, naratif lisan bukan hanya tertumpu kepada hiburan semata-mata, malah ia juga berfungsi sebagai salah satu bentuk hiburan, teguran sebagai medium dalam menyampaikan pengajaran kepada anak cucu atau generasi pada masa akan datang.

Kebiasaannya, karya-karya yang berbentuk naratif lisan ini disampaikan oleh pencerita yang profesional dan kebiasanya dikenali sebagai tukang cerita, tukang karut, penglipurlara dan sebagainya. Kini, penyebaran naratif lisan melalui penglipur lara semakin berkurangan. Akan tetapi, penyebarannya masih diteruskan oleh anggota keluarga. Hal ini, kerana melalui penceritaan mengenai naratif lisan kepada anak-anak, ia bukan sahaja dapat merapatkan lagi hubungan anak dengan ibu bapa, malah pada masa yang sama dapat mendidik anak-anak menyemai rasa cinta akan naratif lisan dan kenyataan ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2017).

Menurut Utley (1965) pula menyatakan bahawa penceritaan secara lisan dengan menggunakan medium bahasa dikenali sebagai naratif lisan dan ia diperturunkan dari generasi ke generasi. Naratif lisan ini juga biasanya digunakan oleh masyarakat kontemporari sebagai alat hiburan, sumber didaktik, pengajaran moral dan sebagai pendidik kepada anggota masyarakat khususnya masyarakat Melayu (Fatimah Md. Yassin, 1990). Tidak ketinggalan, menurut Othman Puteh (1996) pula memberikan pernyataan bahawa penghasilan sesebuah naratif lisan itu berkait rapat dengan faktor persekitaran dan juga budaya masyarakat atau sejarah pada sesuatu masa. Oleh hal yang demikian, naratif lisan ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu naratif lisan berbentuk mitos, lagenda dan cerita rakyat. Kepelbagaiannya genre yang ada dalam naratif lisan tersebut mempunyai kepentingan dan ciri-ciri tersendiri dalam memberikan nilai tambah kepada khalayak.

Seterusnya, cerita rakyat atau juga dikenali sebagai *folklore* atau *folktale* merupakan sebuah cerita atau kisah dari masa lampau yang kebiasaannya mempunyai hubungan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat termasuk ekonomi, politik, sosial, kepercayaan, nilai dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa cerita rakyat ini telah lama wujud sejak berzaman lagi dan ia memiliki keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Hal ini, kerana walaupun dunia semakin pesat membangun dan penggunaan teknologi semakin meningkat, namun cerita rakyat masih lagi tersebar dan malar hijau dalam sesebuah golongan masyarakat. Oleh itu, menurut Utley (1965) menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan sebuah cerita yang dihadirkan dalam bentuk tutur kata atau ucapan. Manakala, menurut Othman Puteh (1984) pula memberikan pandangan mengenai cerita rakyat kerana ia merupakan sebuah naratif lisan yang diturunkan dari satu kumpulan ke satu kumpulan lain dan naratif tersebut kebiasaannya bertunjangkan kepada faktor persekitaran dan juga gaya hidup sesebuah masyarakat.

Di samping itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) juga memberikan pandangan berkaitan cerita rakyat kerana cerita-cerita rakyat ini sememangnya diperturunkan dari nenek moyang dan disebarluaskan menggunakan media komunikasi kerana pada ketika itu masyarakat masih berada dalam konteks primitif. Oleh yang demikian, cerita rakyat boleh diertikan sebagai sebuah karya kreatif yang terhasil daripada ciptaan dalam kalangan masyarakat desa khususnya masyarakat tani yang mempunyai kehidupan yang sederhana dan menjadikan cerita rakyat ini sebagai selingan untuk berhibur selepas kepenatan sehari-hari bekerja, malah pada masa yang sama turut menyelitkan unsur pengajaran dan nasihat serta teguran kepada masyarakat dalam bentuk yang tidak formal. Tambahan pula, cerita rakyat yang disampaikan secara turun temurun bukanlah sekadar hiburan semata-mata malah turut menyelitkan unsur nilai dan moral yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan sekaligus dapat mendorong manusia membentuk akhlak dan perilaku baik serta akhirnya dapat melahirkan melahirkan masyarakat harmoni juga keperibadian elok (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2016).

Seterusnya, sistem sosial merupakan sebuah sistem yang berbeza-beza pada setiap negara dan ia terhasil akibat daripada pembentukan jaringan interaksi antara satu dengan lain secara berseragam yang akhirnya akan membawa kepada pembentukan sesebuah budaya yang disepakati secara bersama yang dikenali sebagai norma dalam masyarakat. Oleh itu, menurut Johnson (1986) telah memberikan pandangan bahawa sistem sosial merupakan sebuah kelompok yang terbentuk hasil daripada tindakan sosial sama ada tindakan secara individu maupun kelompok masyarakat. Tambahnya lagi, pembentukan sistem sosial ini merupakan satu pola perulangan ataupun kebiasaan yang menjadi landasan masyarakat sehingga membentuk satu bentuk sistem sosial yang kukuh dalam sesebuah masyarakat. Sistem menurut *Kamus Dewan* (2017), merujuk kepada suatu kaedah atau cara yang teratur dalam melakukan sesuatu perkara dan juga boleh dijadikan sebagai pegangan dalam sesebuah organisasi. Manakala,

sosial pula merujuk kepada segala jenis bentuk yang berkaitan dengan perihal atau tindakan masyarakat. Berdasarkan definisi tersebut dapat dirumuskan bahawa sistem sosial merupakan satu interaksi yang berlaku antara individu dengan masyarakat yang kemudiannya berkembang dan mendapat penilaian secara bersama oleh masyarakat yang akhirnya membentuk norma-norma dalam masyarakat. Sistem sosial yang terdapat dalam naratif lisan sememangnya memaparkan perilaku dan norma masyarakat yang wujud pada ketika itu. Walau bagaimanapun, sistem sosial tersebut tidak boleh dipandang ringan kerana dalam sistem sosial terselitnya perkara positif yang boleh digunakan oleh masyarakat kini.

Berbalik kepada konteks kajian ini, dapat disimpulkan bahawa naratif lisan merupakan salah satu warisan bangsa yang boleh dikategorikan sebagai warisan tidak ketara dan ia telah pun wujud sejak zaman nenek moyang lagi. Sekiranya naratif lisan ini tidak dipertahankan atau didedahkan kepada khalayak, maka ia berpotensi untuk pudar dari ingatan masyarakat. Oleh hal yang demikian, naratif lisan ini haruslah dipertahankan kerana ia sarat dengan ilmu dan sejarah tentang pembentukan sesebuah tamadun manusia. Rentetan itu, kepelbagaian cerita rakyat yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sememangnya kaya dan sarat dengan kepelbagaian sistem sosial yang dapat dilihat melalui teks tersebut.

## 1.2 Penyataan Masalah

Setiap kajian atau penyelidikan yang dilakukan semestinya akan timbul pernyataan masalah yang tersendiri. Oleh itu, melalui projek penyelidikan ini, pengkaji telah mendapati bahawa adanya permasalahan yang muncul sepanjang pengkaji menjalankan kajian.

Pertama, masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu telah berjaya menghasilkan sebuah karya yang begitu berharga dan tidak terhitung nilainya dan karya itu dikenali sebagai naratif lisan. Naratif lisan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu terdahulu jelas menunjukkan betapa kreatifnya mereka dalam menghasilkan karya-karya yang mengandungi unsur keindahan walaupun pada ketika itu kebanyakan dari mereka terdiri dari golongan yang buta huruf. Naratif lisan ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori genre iaitu lagenda, mitos dan cerita rakyat. Walaupun penghasilan naratif lisan ini berada dalam genre yang berbeza, namun tujuan penghasilan naratif lisan tersebut adalah sama iaitu berfungsi sebagai alat dalam memberikan pendidikan moral khususnya kepada individu mahupun kelompok masyarakat pada ketika itu di samping sebagai alat hiburan bagi masyarakat yang ingin menghilangkan penat selepas seharian bekerja. Walau bagaimanapun, sistem sosial dalam naratif lisan seringkali dipandang enteng oleh masyarakat. Hal ini, kerana sistem sosial yang digunakan oleh masyarakat Melayu terdahulu merupakan salah satu penyumbang kepada pembangunan negara sehingga kini. Justeru, kajian berkaitan sistem sosial juga tidak kurang pentingnya kerana melalui sistem sosial dapat menunjukkan gambaran masyarakat Melayu tradisional pada waktu itu.

Kedua, berdasarkan proses pengamatan yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian sarjana lepas mendapati bahawa kajian berkaitan naratif lisan yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik terdahulu lebih menjurus ke arah kajian yang berkaitan dengan aspek moral dan nilai-nilai yang terdapat dalam konteks naratif lisan.

Manakala kajian berkaitan sistem sosial yang terdapat dalam naratif lisan kurang dititikberatkan. Hal ini dapat ditegaskan melalui kajian yang bertajuk *Nilai-nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* oleh Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), *Nilai-nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), *Nilai-nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Penemuan Nilai-nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Karya Dan Khalayak* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021), *Nilai-nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* Oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Cerminan Nilai-nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar et al. (2021) dan *Nilai-nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022).

Melalui hasil daripada pemerhatian berkaitan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa kajian berkaitan cerita rakyat masih dikaji dan mendapat tempat di hati sarjana-sarjana lepas. Namun, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas tersebut lebih menumpukan kajian terhadap aspek nilai dan juga aspek moral. Tidak dinafikan bahawa kajian berkaitan nilai dan moral sememangnya merupakan salah satu kajian yang boleh menyumbang, membentuk akhlak dan keperibadian

seseorang. Namun begitu, sistem sosial juga merupakan salah satu bahagian penting yang boleh dijadikan sebagai kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa masih terdapat kelompongan berkaitan kajian lepas khususnya aspek sistem sosial yang terkandung dalam naratif lisan berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati bahawa teks yang digunakan merupakan sebuah teks cetakan pertama dan teks tersebut masih belum dikaji sepenuhnya oleh sarjana-sarjana lepas. Tuntasnya, projek penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengisi kelompongan yang wujud melalui kajian lepas dan kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada sistem sosial berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* di samping memupuk semangat dan minat masyarakat untuk terus menghargai cerita rakyat.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.3 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang muncul dalam kajian yang dijalankan:

- 1.3.1 Apakah bentuk sistem sosial yang terdapat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*
- 1.3.2 Bagaimanakah bentuk sistem sosial yang terdapat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu?

#### 1.4 Objektif Kajian

Tujuan pengkaji melakukan kajian ini adalah bagi memenuhi objektif yang timbul dalam kajian yang dilakukan:

- 1.4.1 Mengenal pasti sistem sosial dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*
- 1.4.2 Menganalisis sistem sosial dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.5 Batasan Kajian

Menerusi kajian ini, pengkaji telah membataskan beberapa batasan kajian agar ia tidak terpesong dari matlamat kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih satu buku yang mengandungi naratif lisan. Buku tersebut bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Buku ini ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob yang merupakan pengarang kepada teks tersebut. Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini merupakan terbitan Penerbit UMK dan kemudiannya dicetak oleh Percetakan Mesbah Sdn. Bhd. Teks ini dikeluarkan pada bulan Disember 2020 dalam bentuk E-buku dan mula dikeluarkan secara cetakan pada 1 Disember 2021. Teks ini juga mengandungi sebanyak 120 halaman bercetak. Manakala dari segi isi kandungan pula, teks ini mengandungi 51 buah cerita rakyat yang dipecahkan kepada beberapa bab iaitu cerita asal usul, mistik, ketokohan dan juga cerita berkaitan binatang. Teks yang digunakan oleh pengkaji merupakan teks versi Bahasa Melayu.

Berbalik kepada tajuk projek penyelidikan ini, terdapat beberapa justifikasi yang telah mendorong pengkaji untuk melakukan penyelidikan dan telah menjadikan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai sumber rujukan utama kepada pengkaji bagi menyempurnakan kajian ini. Antaranya, bahasa. Penggunaan bahasa dalam sesuatu teks atau karya juga merupakan salah satu faktor yang memberikan kesan kepada orang ramai, pembaca, mahupun pengkaji. Hal ini, kerana penggunaan bahasa dan kosa kata yang bersesuaian dan tidak kompleks akan menjadikan sesebuah teks atau karya itu lebih mudah dibaca dan difahami. Bukan itu sahaja, penggunaan laras bahasa yang kurang sesuai dan tinggi akan memberikan beban kepada pembaca dan sekaligus menyebabkan sesebuah maklumat yang cuba disampaikan melalui teks tersebut akan tergendala. Oleh itu, penggunaan bahasa dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini dilihat menggunakan bahasa yang sesuai dan amat relevan untuk dijadikan bahan ilmiah dan

bacaan bagi setiap lapisan umur. Hal ini, kerana bahasa yang digunakan dalam teks mudah untuk difahami apabila pengkaji mahupun khalayak membacanya. Penggunaan bahasa yang sesuai dan relevan juga menggambarkan bahawa pengarang teks tersebut amat menitikberatkan penggunaan bahasa agar setiap cerita, mesej atau amanat yang cuba disampaikan melalui cerita-cerita tersebut sampai kepada pembaca. Selain itu, faktor lain yang turut menjadi tarikan pengkaji adalah dari segi penggunaan bahasa yang ringkas, padat dan gramatis juga merupakan salah satu daya penarik yang dilakukan oleh pengarang agar pembaca tidak bosan dan jemu untuk membaca sesebuah cerita dalam teks tersebut.

Alasan kedua pengkaji memilih teks ini sebagai rujukan utama adalah dari segi struktur dalaman teks itu sendiri. Jika dilihat pada teks tersebut sememangnya tidak dapat dipertikaikan akan susunan setiap isi kandungan dan juga makluman yang ada dalam teks tersebut sangatlah tersusun bermula dari muka hadapan hingga akhir. Bukan itu sahaja, pengklasifikasian cerita-cerita rakyat juga merupakan salah satu struktur yang dapat dilihat secara tidak langsung yang ada pada teks tersebut. Hal ini telah memudahkan pembaca untuk mencari dan mengenal pasti kisah-kisah yang ingin dibaca. Sebagai contoh, pada bab 1 dalam teks tersebut mengisahkan tentang cerita-cerita rakyat yang berkait dengan asal usul sesuatu kawasan atau peristiwa yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Contoh, *Asal Usul Wakaf Aik*.

Selain struktur dalaman, kepelbagaian variasi berkaitan naratif lisan yang terdapat dalam teks tersebut juga merupakan salah satu asbab yang menyebabkan pengkaji memilih teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaian genre dan jenis naratif lisan yang ada dalam teks tersebut amatlah sesuai dan boleh menarik minat untuk membaca kisah-kisah tersebut khususnya ketika waktu luang. Sebagai contoh, dalam teks ini, adanya empat jenis genre cerita rakyat yang dimulakan dengan cerita berkaitan *asal usul*, *cerita-cerita mistik*, *cerita-cerita tokoh* dan *cerita-cerita binatang*. Sebagai contoh, daripada

keempat-empat genre cerita rakyat, pengkaji lebih meminati genre mistik. Jelas dapat dilihat bahwasanya, setiap pembaca itu mempunyai minat terhadap genre naratif lisan yang berbeza-beza dan bergantung kepada pembaca itu sendiri. Dengan adanya kepelbagaiannya naratif lisan ini juga menyebabkan pengkaji mahupun membaca tidak jemu malah lebih seronok untuk membaca di samping dapat memberikan nilai tambah atau ilmu baru kepada pengkaji mahupun membaca berkaitan naratif lisan yang berbeza-beza.

Justifikasi keempat pula dilihat menerusi plot cerita yang termuat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini demikian kerana plot dalam sesebuah cerita atau kisah amatlah penting kerana plot merupakan landasan atau jalur sesebuah peristiwa yang berlaku dalam sesebuah cerita mahupun kisah. Oleh yang demikian, dengan adanya plot cerita yang tersusun dan sistematik akan memudahkan pengkaji dan juga pembaca untuk memahami jalan cerita yang cuba disampaikan oleh pengkarya pada satu-satu kisah. Justeru itu, plot dalam sesebuah cerita itu haruslah disusun dengan teliti agar tidak berlakunya kekeliruan dalam penceritaan. Plot dalam sesebuah cerita ini boleh dipecahkan kepada beberapa peringkat mengikut susunan yang dimulai dengan peringkat permulaan, perkembangan, konflik, klimaks dan peleraian. Sebagai contoh cerita *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu*. Peringkat permulaan diceritakan mengenai sebuah pokok tanjung gergasi dan juga sekumpulan pemuda yang meminati persembahan tradisional. Plot perkembangan pula dilihat apabila wujudnya watak sampingan seperti ketua kampung kerana memerintahkan sekumpulan pemuda tadi untuk membuat persembahan di pokok tanjung sebelum pertandingan. Konflik dalam cerita ini pula berlaku apabila alat muzik yang dimainkan oleh sekumpulan pemuda tadi tidak mengeluarkan bunyi sewaktu mereka melakukan persembahan. Manakala, plot peleraian pula memperlihatkan kekesalan dari tingkah laku mereka yang tidak mengikuti nasihat Tok Ketua yang menyuruh mereka untuk melakukan persembahan di hadapan pokok tanjung. Dari kisah

yang disebutkan tadi jelas menunjukkan bahawa pengarang meneliti akan penyusunan plot dalam sesebuah cerita agar tidak menjaskan nilai dan mutu sesebuah cerita rakyat.

Di samping itu, gaya penulisan yang digunakan oleh pengarang juga merupakan salah satu aspek yang menyebabkan pengkaji memilih teks ini. Hal ini, kerana cerita yang disampaikan melalui teks tersebut mudah difahami dan pengarang bijak dalam memilih kata-kata dan apabila pembaca membaca cerita tersebut seakan-akan membawa pembaca ke dunia lain dan menyelami dengan lebih lagi akan sesebuah cerita tersebut. Walaupun teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini tidak memiliki ilustrasi bagi sesebuah cerita rakyat, namun dengan kehebatan pengarang, ia mampu membuatkan pembaca untuk mencipta ilustrasi dan imaginasi bagi sesebuah cerita yang terkandung dalam teks tersebut. Pada masa sama turut mendorong pembaca untuk menghayati cerita dengan lebih baik dan dapat memahami apakah mesej, amanat mahupun kisah yang cuba disampaikan melalui sesebuah cerita rakyat tersebut.

Seterusnya, pengkaji memilih teks ini kerana ia kaya dengan aspek nilai, moral, pedagogi dan sebagainya yang dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi pembaca. Jika dihayati dan ditelusuri setiap kisah-kisah dan cerita yang terkandung dalam teks tersebut ia tidak lari dari fungsi cerita rakyat itu sendiri yang sememangnya banyak memperkenalkan nilai-nilai positif yang boleh memberikan didikan kepada seseorang. Malah, pada masa yang sama juga ia berupaya untuk mempengaruhi minda pembaca agar berfikir secara lebih matang dan rasional di samping mengambil iktibar, amanat, pesan mahupun pengajaran yang cuba disampaikan melalui cerita-cerita yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Berdasarkan teks yang dipilih iaitu teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* pengkaji telah membataskan kepada beberapa buah naratif lisan sahaja yang mengandungi sistem sosial bagi menjawab objektif kajian. Sebanyak

23 buah naratif lisan yang dijadikan sebagai sumber kajian kepada pengkaji. Antara tajuk naratif lisan yang terpilih adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Naratif Lisan	Sistem Sosial
1.	<i>Asal Usul Datu</i>	Politik
2.	<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>	Politik
3.	<i>Kota Jembal</i>	Politik
4.	<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>	Politik
5.	<i>Nik Mat Keturunan Raja Banjar</i>	Politik
6.	<i>Pengunduran Raja Patani</i>	Politik
7.	<i>Pertahanan Benteng Pengkalan Datu</i>	Politik
8.	<i>Asal Usul Kampung Babong</i>	Politik
9.	<i>Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani</i>	Politik
10.	<i>Asal Usul Kampung Babong</i>	Politik
11.	<i>Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas</i>	Politik
12.	<i>Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu</i>	Politik
13.	<i>Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu</i>	Ekonomi
14.	<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>	Ekonomi
15.	<i>Kepesatan Pengkalan Parit</i>	Ekonomi
16.	<i>Asal Usul Datu</i>	Ekonomi
17.	<i>Tengku Mahmud Muhiyuddin</i>	Ekonomi
18.	<i>Che Deraman</i>	Keagamaan
19.	<i>Pertahanan Benteng Pengkalan Datu</i>	Keagamaan
20.	<i>Asal Usul Kampung Babong</i>	Keagamaan
21.	<i>Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta</i>	Keagamaan
22.	<i>Asal Usul Wakaf Aik</i>	Keagamaan
23.	<i>Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu</i>	Keagamaan
24.	<i>Misteri Gajah Berkaki Enam</i>	Budaya
25.	<i>Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu</i>	Budaya
26.	<i>Pemujaan Pantai</i>	Budaya
27.	<i>Pengunduran Raja Patani</i>	Budaya
28.	<i>Keasyikan Suara Buluh Perindu</i>	Budaya
29.	<i>Kehebatan Bomoh Siam</i>	Budaya
30.	<i>Kehebatan Pawang Ali</i>	Budaya
31.	<i>Simbolik Rebana</i>	Budaya
32.	<i>Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu</i>	Budaya

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Naratif Lisan dan Sistem Sosial

Di samping itu, bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi kajian, pengkaji menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu yang bertujuan menjawab kepada analisis kajian terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Teori ini diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dan beliau juga merupakan salah seorang daripada pengkritik sastera yang terkenal di tanah air. Teori yang dikemukakan oleh beliau merupakan sebuah teori yang berlandaskan bahawa ke semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi gaya dan corak hidup masyarakat Melayu itu sendiri sehingga berjaya melahirkan karya yang memiliki identiti masyarakat Melayu itu

sendiri. Disebabkan teori ini merangkumi ke semua aspek kehidupan manusia maka teori ini telah dibahagikan kepada dua bahagian pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dan setiap pecahan pengkaedahan ini dibahagikan lagi kepada beberapa bahagian. Pengkaedahan Alamiah terdiri dari tiga pendekatan utama iaitu Pendekatan Moral, Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Firasat. Manakala, dalam Pengkaedahan Keagamaan pula juga terdapat tiga jenis pendekatan iaitu Pendekatan Seni, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Dakwah. Kesemua unsur yang termuat dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini sememangnya mempunyai kegunaan serta fungsi yang tersendiri. Malahan, teori ini dianggap sebuah teori yang bersesuaian, mempunyai makna sehingga mampu digunakan sebagai alat dalam menganalisis sesebuah karya khususnya karya Kesusasteraan Melayu yang dihasilkan oleh pengkarya tanah air. Tuntasnya, pengkaji akan mengaplikasikan teori ini sebagai kayu ukur dalam menyempurnakan kajian ini berdasarkan cerita-cerita rakyat terpilih.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6 Kepentingan Kajian

Disamping itu, setiap projek atau kajian yang berkaitan dengan penyelidikan sememangnya akan ada kepentingan dan kebaikan yang tersendiri bergantung kepada jenis kajian tersebut. Oleh hal yang demikian, melalui projek penyelidikan ini, ia bukan sahaja memberikan kepentingan kepada satu pihak sahaja, malah turut mendatangkan kesan yang baik serta impak yang positif kepada masyarakat tidak kira sama ada mereka terlibat secara langsung mahupun tidak, kesemuanya akan mendapatkan hasil daripada kajian ini.

Berbalik kepada kajian-kajian yang telah diselesaikan oleh para sarjana lepas telah mendapati bahawa isu berkaitan sistem sosial kurang diberikan perhatian dan penekanan oleh pengkaji lepas. Justeru, kajian yang dilakukan ini adalah penting dalam mengisi kelomongan kajian lepas di samping mengangkat isu berkaitan sistem sosial yang terdapat dalam naratif lisan terpilih. Sistem sosial yang terdapat dalam naratif lisan mungkin dianggap perkara yang biasa untuk dijadikan sebagai kajian di mata masyarakat. Namun begitu, sistem sosial juga turut memiliki perkara yang positif dalam satu-satu penceritaan yang disampaikan melalui cerita rakyat. Hal ini, kerana sistem sosial dalam sesebuah cerita tidak akan berlaku sekiranya dalam cerita tersebut hanya memiliki satu watak sahaja. Malah, sistem sosial ini merupakan cantuman daripada ke semua unsur sosial kerana ia saling membentuk jaringan antara satu dengan yang lain sehingga wujud dan memberikan pengaruh kepada kesatuan sosial. Justeru itu, kajian berkaitan sistem sosial ini amat penting untuk memberikan kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat khususnya berkaitan sistem sosial dalam sesebuah masyarakat di samping mengubah pola pemikiran berkaitan sistem sosial itu sendiri.

Lain dari itu, penyelidikan yang dilaksanakan ini juga dapat memberikan nilai tambah kepada pengkaji itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kajian ini, pengkaji secara tidak langsung didedahkan dengan ilmu pengetahuan berkaitan sistem sosial

yang terdapat dalam naratif lisan di samping dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Selain pengkaji, kajian ini juga turut memberikan faedah dan sumbangan kepada masyarakat luar samada dalam bentuk akademik atau sebaliknya. Bukan itu sahaja, kajian berkaitan sistem sosial dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini juga boleh mendatangkan kepentingan kepada institusi pengajian tinggi (IPT). Hal ini, kerana setelah kajian ini selesai, maka kajian yang dilakukan ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji baharu yang ingin melakukan kajian berkaitan cerita rakyat mahupun kajian-kajian lain. Ini kerana, apabila pengkaji baharu ingin melakukan kajian, maka mereka akan melihat bagaimanakah cara, teknik dan kaedah yang digunakan bergantung kepada jenis kajian atau penyelidikan yang dijalankan oleh mereka.

Di samping itu juga, kajian ini turut memberikan kepentingan kepada pihak sekolah rendah mahupun menengah. Hal ini, kerana kajian berkaitan cerita rakyat ini khasnya melalui penggunaan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sememangnya sesuai diaplikasikan dalam pelbagai peringkat umur kerana naratif lisan ini sememangnya sarat dengan nilai moral dan pengajaran yang boleh diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, apabila pelajar pada peringkat rendah dan menengah telah didedahkan dengan naratif lisan, ia secara tidak langsung dapat memupuk semangat dan menyemai rasa cinta akan naratif lisan yang merupakan salah satu identiti masyarakat Melayu itu sendiri.

Pemilihan dan penggunaan teori dalam kajian ini juga merupakan salah satu aspek penting kepada kajian kajian. Hal ini, kerana Teori Pengkaedahan Melayu merupakan sebuah teori tempatan yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989) kerana teori ini akan diaplikasikan oleh pengkaji ke dalam penyelidikan ini. Tuntasnya, Teori Pengkaedahan Melayu ini digunakan adalah untuk menganalisis dapatan kajian yang diperolehi melalui naratif lisan terpilih dengan memberikan penekanan dan memfokuskan kepada sistem sosial yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan*

*Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Tujuan pengkaji menggunakan teori juga adalah penting bagi memastikan dapatan kajian yang diperoleh berada dalam keadaan tersusun dan bersesuaian dengan penyelidikan yang dijalankan. Pemilihan teori ini juga adalah kerana ia bersesuaian dengan kajian yang menggunakan teks karya tempatan berbanding teori-teori Barat yang tidak begitu menyentuh berkaitan karya Kesusasteraan Melayu. Di samping itu, melalui penggunaan teori ini juga diharapkan dapat mengangkat lagi teori ini setanding teori-teori Barat dan pengkaji juga berharap agar penggunaan teori tempatan ini dapat memberikan faedah dan juga sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang akan menggunakan teori ini dalam kajian mereka.



## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah salah satu dari penelitian kajian kerana ia akan menjelaskan maksud terhadap sesuatu perkataan dengan lebih jelas berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh para sarjana. Oleh itu, pengkaji akan mengemukakan perkataan yang akan diberikan pendefinisian iaitu sistem sosial, naratif lisan dan juga teori.

### 1.7.1 Sistem Sosial

Menurut Christine M. Johnson dan Kenneth S. Norris (1986), sistem sosial merupakan sebuah sistem yang boleh dertiakan sebagai kumpulan yang terbentuk akibat daripada tindakan dalam kelompok itu sendiri sama ada tindakan tersebut hasil dari individu ataupun kelompok masyarakat itu sendiri. Dengan kata lain, pembentukan sesebuah sistem sosial itu bertitik tolak dari tindakan-tindakan sosial kerana tindakan tersebut dilakukan secara berulang-ulang yang akhirnya membawa kepada pembentukan pola sistem sosial yang teratur. Manakala, pendapat yang dikemukakan oleh Elly M. Setiadi (2011), mendefiniskan sistem sosial sebagai satu jaringan yang terbentuk antara unsur mahupun elemen yang wujud dalam kehidupan masyarakat yang meliputi tindakan sosial, norma dan sebagainya.

Berdasarkan kepada pandangan dari para sarjana, dapat disimpulkan bahawa sistem sosial merupakan sebuah jaringan yang berkait antara satu dengan lain kerana ia melibatkan individu-individu atau kelompok dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, sistem sosial ini juga turut mempengaruhi faktor lain seperti politik, ekonomi dan budaya yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Jelaslah bahawa sistem sosial merupakan sebuah sistem yang dapat membentuk jaringan dalam masyarakat yang melibatkan aspek ekonomi, politik, agama dan budaya.

Manakala, sosial pula membawa maksud segala perkara dan hal yang saling berkait dengan perihal masyarakat. Mohd Taib Osman (1988) pula menjelaskan sosial sebagai suatu perkara yang merujuk kepada cerminan atau gambaran yang berlaku terhadap sesebuah institusi masyarakat kerana perihal tersebut menyentuh pelbagai aspek. Antaranya politik, ekonomi, pendidikan, kekeluargaan, agama, kepercayaan dalam sesebuah masyarakat dan lain-lain lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentukan sosial manusia itu berlaku disebabkan oleh faktor dalaman dan juga luaran yang diterima atau didedahkan kepada mereka. Dengan kata lain, apa-apa sahaja pendedahan yang diterima oleh seseorang individu itu mampu mencerminkan bagaimana seseorang itu dibentuk. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu mendapat pendedahan berkaitan cara bergaul, maka pendedahan tersebut akan digunakan untuk bergaul dengan masyarakat luar dan akhirnya membawa kepada satu pembentukan jaringan baru antara masyarakat.

Selain itu, sosial juga boleh diertikan sebagai sebuah hubungan yang berlaku di antara khalayak dengan karya sehingga membawa kepada satu proses penghasilan pergolakan sosial antara masyarakat dalam sesebuah kawasan tersebut. Namun begitu, sosial manusia boleh berlaku perubahan dan juga boleh berubah-ubah bergantung kepada faktor persekitaran mereka. Hal ini, kerana setiap manusia itu mempunyai sudut pandang yang berbeza-beza dan juga turut mendapat pendedahan yang berbeza bergantung kepada bagaimana mereka dididik dan dibesarkan. Contoh, sekiranya mereka dibesarkan dalam persekitaran yang terbuka dan memiliki keterbukaan minda, maka secara tidak langsung sosial mereka juga akan memiliki sifat yang jauh lebih terbuka (Umar Yunus, 1989).

Tuntasnya, berdasarkan pendefinisian yang diberikan oleh para sarjana dapat ditafsirkan bahawa sosial merujuk sebuah perilaku atau tindakan yang berlaku ke atas seseorang manusia atau masyarakat kerana tindakan atau perilaku tersebut merupakan hasil daripada faktor persekitaran yang dilihat atau diajarkan kepada mereka sedari kecil.

### 1.7.2 Naratif Lisan

Naratif lisan pula merupakan sebuah kisah yang diperturunkan dari seorang individu kepada individu yang lain secara lisan. Naratif lisan ini juga dikatakan sebagai sebuah cerita yang berkisarkan tentang pertubuhan sesebuah tempat atau kejadian unik sehingga memberikan kesan kepada sesebuah kawasan tersebut (Ismail Hamid, 1986). Menurut Mohd Taib Osman (1988) pula memberikan pandangan bahawa naratif lisan adalah cerita lisan yang disebarluaskan melalui mulut ke mulut dan cerita-cerita yang disampaikan tersebut tidak berhak untuk dipersoal oleh sesiapa kerana cerita-cerita tersebut merupakan hak milik masyarakat dan ia dimiliki secara bersama. Halimah Hassan (1989), naratif lisan ialah cerita yang berkisarkan tentang kebudayaan dan adat yang wujud dalam masyarakat Melayu tradisional kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur hiburan dan juga pendidikan dalam konteks yang tidak formal kepada masyarakat. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyokong kenyataan ini kerana beliau berpendapat bahawa naratif lisan merupakan sebuah hasil karya sastera yang kaya dengan adat, nilai dan budaya masyarakat Melayu yang disampaikan dalam bentuk penceritaan atau secara lisan.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan pandangan yang telah diberikan oleh para sarjana dapat disimpulkan bahawa naratif lisan merupakan sebuah hasil karya kreatif ciptaan masyarakat Melayu dan karya tersebut dimiliki secara bersama. Hal ini dikatakan demikian kerana, naratif lisan merupakan sebuah cerita yang tidak diketahui siapakah pemilik asal kepada kisah cerita tersebut dan biasanya cerita tersebut disampaikan dengan menggunakan mulut sebagai medium penyebaran. Walau bagaimanapun, naratif lisan yang disampaikan tidak lari dari berlakunya tokok-tambah dan ia juga hadir dalam pelbagai versi dan variasi, bergantung kepada tempat sesebuah cerita itu berkembang. Akan tetapi, walaupun naratif lisan dihadirkan dalam pelbagai variasi dan aneka gaya penyampaian, namun fungsi asalnya adalah tetap sama iaitu untuk memberikan hiburan disamping menyelitkan unsur-unsur seperti nasihat, pengajaran,

pendidikan, moral, budaya dan sebagainya. Oleh itu, jelaslah apa yang dimaksudkan dengan pengertian naratif lisan.

### 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Pada tahun 1989 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi telah berlangsungnya sebuah seminar yang dikenali sebagai Seminar Antarabangsa Kesusastraan Melayu. Dalam seminar tersebut, Hashim Awang telah membentangkan sebuah teori yang dikenali sebagai Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan teori ini diperkenalkan adalah kerana kebanyakan teori kritikan Barat tidak seimbang dan berat sebelah dan juga dilihat kurang sesuai untuk diaplikasikan dan digunakan untuk menganalisis karya-karya sastera Melayu kerana karya sastera Melayu ini berlandaskan kepada identiti diri bangsa Melayu dan Islam. Rentetan itu, teori ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Manakala kedua-dua pengkaedahan ini dipisahkan oleh cabang-cabang yang dikenali sebagai pendekatan. Pengkaedahan Alamiah ini bahagikan lagi kepada tiga bahagian iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan dan pendekatan moral. Manakala Pendekatan Keagamaan pula terdiri dari pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Tuntasnya, kedua-dua pengkaedahan ini saling berkait antara satu dengan lain dan saling kukuh memperkuuhkan.

## 1.8 Organisasi Kajian

Bahagian ini akan menerangkan berkaitan ringkasan kajian yang dilakukan pada setiap bab. Hal ini, kerana kandungan yang ada dalam setiap bab adalah berbeza-beza. Justeru, keseluruhan ini terdiri dari lima bab sahaja.

### Bab Satu

Pada bab ini akan menerangkan berkaitan pendahuluan kepada kajian. Antara aspek yang dibincangkan pada bab ini adalah pengenalan, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian. Bukan itu sahaja ia juga mengandungi definisi operasional, organisasi kajian dan penutup. Natijahnya, bab ini, pengkaji akan memperincikan secara menyeluruh berkaitan tajuk kajian.

### Bab Dua

Bab kedua akan membincangkan topik kajian sebelumnya dan bab ini akan melibatkan proses pembacaan dan penyelidikan terhadap kajian lepas oleh para sarjana. Proses ini dijalankan bagi menentukan sama ada kajian dalam konteks sistem sosial telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini atau sebaliknya. Selain itu, kajian terdahulu digunakan turut sebagai rujukan kepada pengkaji berdasarkan konteks kajian. Bagi menguatkan lagi kajian, pengkaji akan membahagikan sorotan kajian kepada dua bahagian iaitu kajian terhadap naratif lisan di Malaysia dan kajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya sastera.

### Bab Tiga

Seterusnya, pada bab ketiga pula pengkaji akan membahas dan membincangkan berkaitan metodologi kajian. Pada bab ini, pengkaji telah menetapkan metodologi kajian

yang akan diaplikasikan oleh pengkaji dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pengkaji juga akan menghuraikan secara terperinci berkaitan kaedah yang dipakai oleh pengkaji dalam mengumpulkan data dan maklumat berkaitan kajian. antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pemilihan metodologi juga amatlah penting agar kajian yang dijalankan lebih kemas, teratur dan sistematis.

#### Bab Empat

Pada bab ini pula pengkaji akan membahaskan dan mengemukakan berkaitan hasil yang diperolehi melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Berdasarkan analisis yang dibuat, pengkaji mendapati wujudnya aspek sistem sosial naratif lisan terpilih dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu. Sistem sosial yang wujud dalam masyarakat Melayu secara tidak langsung telah memberikan sumbangan kepada negara sehingga kini.

#### Bab Lima

Bab lima merupakan bab terakhir dalam projek penyelidikan ini atau dikenali sebagai bab kesimpulan. Pada bab ini, pengkaji akan memberikan rumusan berkaitan keseluruhan penghasilan kajian yang diperoleh melalui analisis dengan bertunjangkan kepada objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji di awal kajian. Bab ini merangkumi pengenalan, rumusan, cadangan dan penutup.

## 1.9 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini membahaskan berkaitan sistem sosial yang wujud dalam masyarakat Melayu dan hanya memfokuskan skop kajian berdasarkan cerita rakyat yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sahaja. Melalui sistem sosial yang terkandung dalam cerita rakyat ini ia secara tidak langsung dapat memberikan penjelasan berkaitan sistem sosial secara lebih jelas dan terperinci khususnya dari sudut agama, kebudayaan, ekonomi dan politik yang wujud dalam masyarakat Melayu sama ada secara langsung ataupun tidak. Selain itu, bahagian-bahagian yang terdapat dalam bab satu di atas merupakan aspek yang menjadi landasan kepada pengkaji untuk melakukan perbahasan dan perbincangan pada bab-bab yang seterusnya. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini berjalan dengan lancar, mencapai matlamatnya dan disempurnakan sebaik mungkin.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan melaksanakan tinjauan dan melakukan pengamatan terhadap kajian-kajian lepas atau artikel yang telah dilakukan sama ada oleh para sarjana atau pengkaji. Tujuan pengkaji melakukan proses penyelidikan berdasarkan kajian-kajian lepas adalah bagi melihat sama ada kajian berkaitan sistem sosial ini pernah dilakukan atau masih memiliki kelompongan terhadap kajian tersebut. Oleh hal yang demikian, dalam bab sorotan kajian lepas ini, pengkaji telah mengkategorikan kepada dua bahagian sorotan kajian. Bahagian pertama memberikan fokus terhadap kajian lepas berkaitan naratif lisan di Malaysia. Manakala, bahagian kedua pula akan memfokuskan pada kajian lepas yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya-karya sastera. Tuntasnya, sorotan kajian lepas bakal dipilih oleh pengkaji akan pengkaji terangkan dengan lebih terperinci.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.2 Pengkajian terhadap naratif lisan di Malaysia

Melalui penyelidikan yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) dengan kajian bertajuk *Nilai-nilai Murni Dalam Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengetahui nilai murni yang terkandung dalam teks *Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013) dengan memberikan penekanan pada kenal pasti dan membahasakan nilai-nilai yang diperoleh melalui teks tersebut. Kuantitatif merupakan reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini di samping pengaplikasian Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai landasan kajian. Sebanyak 52 buah cerita telah ditetapkan oleh pengkaji bagi menyingkap nilai-nilai murni. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 16 nilai murni yang ditonjolkan melalui kebudayaan masyarakat Melayu. Tuntasnya, melalui nilai murni yang dipaparkan melalui cerita-cerita tersebut ia secara tidak langsung menggambarkan norma masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai dan boleh dijadikan sebagai wadah dalam membentuk seseorang insan.

Seterusnya, kajian bertajuk *Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun* yang disempurnakan oleh Minah Sintian (2015). Tujuan kajian yang dijalankan ini menekankan kepada sifat dan sikap ibu bapa yang dipaparkan melalui cerita rakyat Kadazan Dusun. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan melibatkan penggunaan teori Hierarki Keperluan Maslow dan Psikoanalisis Sigmund Freud untuk mengukuhkan hujahan dan memantapkan analisis. Pengkaji hanya melibatkan sebanyak enam buah cerita rakyat. Dapatkan kajian menunjukkan ibu bapa sememangnya mempunyai kecemasan dan emosional yang tinggi contoh kecewa, gelisah, takut dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini akan secara tidak langsung melihat watak ibu bapa dalam cerita Kadazan Dusun.

Kajian bertajuk *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara* yang merupakan hasil penyelidikan Ezzah'afiffah Nasrudin dan Che' Ibrahim Salleh (2015). Cerita lipur lara termasuk dalam cerita rakyat Melayu dan ia harus dipertahankan. Kajian ini telah menetapkan tiga matlamat iaitu mengetahui, menganalisis dan meringkaskan pemikiran yang terkandung dalam cerita lipur lara dengan lebih terperinci. Pengkaji telah membataskan kepada empat buah cerita lipur lara kerana ia melibatkan analisis teks dan rujukan kepustakaan. Penggunaan pendekatan Sosiologi pula dijadikan sebagai landasan agar kajian lebih sistematis dan menghasilkan hujah yang kukuh. Aspek sosiopolitik, sosioekonomi, moral, budi, keagamaan, kepahlawanan dan kepimpinan merupakan hasil yang diperoleh melalui pemikiran masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita lipur lara.

Di samping itu, dalam kajian bertajuk *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* yang telah dilengkapkan oleh Siti Zuhaidah Zakeria (2015). Fokus kajian ini adalah melihat bagaimana cara cerita rakyat Melayu disampaikan kepada kanak-kanak dalam *Majalah Dewan Pelajar*. Dalam kajian ini, analisis teks digunakan sebagai kaedah kualitatif. Selain itu, pengkaji menggunakan teori Psikologi Perkembangan Kanak-kanak untuk memantapkan lagi analisis dan hujahan kajian. Sebanyak 21 kisah rakyat digunakan sebagai rujukan untuk mencapai matlamat kajian. Hasil menunjukkan bahawa gaya penyampaian cerita rakyat adalah sangat kreatif dan boleh menarik minat khalayak untuk membacanya. Ia juga boleh digunakan sebagai bahan dan instrumen untuk membantu pembelajaran.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015) telah menyempurnakan penulisan bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Perkembangan teknologi dilihat telah mengugatkan cerita rakyat Melayu. Rentetan itu, penulisan kajian ini bertujuan untuk memartabatkan kembali cerita rakyat Melayu agar tidak hilang oleh arus kemodenan. Penulisan ini memfokuskan kepada dua matlamat

utama iaitu kenal pasti dan menghuraikan tentang jati diri dalam cerita rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan Teori Ekologi Budaya sebagai landasan dalam memperkuuhkan hujahan dan analisis. Bagi merungkai kemunculan jati diri dalam kalangan masyarakat, sebanyak 12 buah cerita telah dijadikan sebagai rujukan utama. Antara nilai jati diri dalam masyarakat Melayu ialah keberanian, kerjasama, kasih sayang, berhemah tinggi, rajin dan rasional. Natijahnya, melalui nilai jati diri yang diperoleh, jelas memperlihat cerminan budaya yang ada dalam kebudayaan Melayu dan perkara ini mampu dijadikan sebagai daya tarikan kepada khalayak untuk membacanya.

Kajian bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Satu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* yang disempurnakan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015). Tujuan kajian ini dijalankan bagi memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu mampu menjadi alat dalam memperkuuhkan hubungan masyarakat Melayu dalam dunia kesusasteraan walaupun dunia kian pesat dengan pembangunan teknologi. Kajian ini telah menetapkan dua matlamat utama iaitu membahaskan dan membincangkan nilai-nilai khususnya jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Pengkajian ini hanya membataskan kepada cerita rakyat yang diselenggara oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif seperti kepustakaan dan analisis teks. Penerapan Teori Ekologi Budaya juga turut diaplikasikan dalam kajian ini bagi memperkuuhkan lagi analisis maklumat dan hujahan yang lebih mantap. Melalui kajian ini juga dapat membuktikan bahawa cerita rakyat sememangnya tersemai dalam jati diri masyarakat Melayu dan ia masih diamalkan sehingga kini, bahkan sehingga kini dijadikan sebagai landasan dalam mendidik dan membentuk anak-anak mereka supaya menjadi insan yang bermanfaat kepada masyarakat.

Selain itu, kajian bertajuk *Awang Batil Dan Pura Taman Iaitu Suatu Perbandingan Tradisi Penglipurlara Melayu Dan Orang Asli* yang disempurnakan oleh Mohamad Luthfil Abdul Rahman (2015). Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetengahkan cerita lisan yang

dijadikan bahan perbincangan orang ramai khususnya berkaitan cerita lisan yang disampaikan oleh penglipur lara Melayu dalam konteks Nusantara. Berdasarkan kajian lepas juga mendapati adanya kelompongan berkaitan tokoh penglipurlara yang belum lagi dikaji iaitu Awang Batil dan Pura Taman. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui bagaimana kemunculan seseorang tukang cerita dan memperincikan dengan lebih rinci berkaitan peranan yang harus digarap oleh tukang cerita tersebut. Kaedah kajian yang digunakan sepanjang kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa tukang cerita sama ada masyarakat Melayu atau orang asli sememangnya mempunyai gaya dan fungsi yang tersendiri dalam menyampaikan atau menyebarkan sesebuah cerita rakyat. Tuntasnya, melalui kajian ini pengkaji dapat mengetahui apakah fungsi yang dimiliki oleh seseorang penglipur lara dalam menyampaikan sesebuah kisah atau cerita.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2015) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Cerita Rakyat Membentuk Nilai Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati adanya kelompongan kajian dan kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut. Kajian ini memfokuskan kepada nilai-nilai positif yang dapat membentuk nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini melibatkan kaedah rujukan teks dan kepustakaan. Pengkaji hanya membantaskan kepada teks 366 *Cerita Rakyat Malaysia* sebagai rujukan utama kajian. Akhir kajian mendapati bahawa nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Malaysia senangnya dapat membentuk nilai dan moral yang positif dalam diri kanak-kanak. Natijahnya, nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat sememangnya mampu untuk membentuk moral kanak-kanak bahkan teks yang dijadikan sebagai rujukan juga banyak digunakan khususnya dalam penulisan ilmiah dan pendidikan.

Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi (2016) telah menyempurnakan kajian berjudul *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melibat bagaimanakah kesan konflik terhadap kanak-kanak melalui cerita rakyat. Kajian ini hanya menggunakan *majalah Dewan Pelajar* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini hanya membataskan kepada empat buah cerita rakyat sahaja dan mengaplikasikannya dengan Pendekatan Psikologi bagi memperkuuhkan lagi hujahan dan analisis dalam menjawab objektif yang ditetapkan. Di akhir kajian mendapati adanya beberapa konflik yang terkandung menerusi cerita rakyat dalam majalah Dewan pelajar. Antaranya konflik dalam diri, konflik dalam keluarga dan konflik dalam institusi masyarakat.

Selain itu, *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema* yang dilengkapkan oleh Clarice dan Low Kok On (2016). Cerita rakyat sememangnya dihadirkan dalam pelbagai variasi dan mempunyai pengaruh yang tersendiri berdasarkan penempatan cerita tersebut berasal. Begitu juga dengan masyarakat di sabah khususnya etnik Dusun Liwan yang sememangnya masih kaya dengan cerita rakyat yang masih belum diterokai sepenuhnya oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada tema yang ada dalam cerita rakyat etnik Dusun Liwan. Sebanyak 33 buah tangon yang berjaya dikumpulkan untuk di analisis dalam kajian ini. Cerita-cerita yang dikumpulkan tersebut akan disusun dan dianalisis mengikut tema. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan temu bual dan analisis. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 11 tema yang berjaya dikenalpasti berdasarkan 33 tangon terpilih. Antara tema yang berjaya dikesan adalah asal usul, penipuan, kesaktian dan dalin-lain. Natijahnya, setiap tangon yang dimiliki oleh etnik Dusun Liwan ini mempunyai tema yang berlainan dan mempunyai mesej yang berlainan. Namun tujuan penyampaian adalah sama iaitu dalam menyampaikan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat.

Lagi, penyelidikan bertajuk *Students' Perception Towards Malay Folklore Song* yang dilengkapkan oleh Normaliza Abd Rahim dan Nik Ismail Harun (2016). Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk melihat tanggapan pelajar khususnya terhadap lagu-lagu cerita rakyat Melayu. Oleh hal demikian, kajian ini akan membuat tafsiran dan ringkasan berkaitan tanggapan pelajar terhadap lagu-lagu cerita rakyat Melayu. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini yang melibatkan sebanyak 200 orang sebagai Universiti Putra Malaysia untuk dijadikan sebagai sampel. Manakala, untuk lagu cerita rakyat pula, pengkaji telah membataskan sebanyak 5 buah lagu cerita rakyat Melayu sahaja. Di akhir kajian, dapatkan menunjukkan bahawa majoriti bersetuju menyatakan bahawa lagu cerita rakyat Melayu ini mudah difahami, penggunaan musik yang bersesuaian dan ia mendatangkan aura positif kepada pendengar. Natijahnya, melalui kajian ini ia secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai ilmu tambah dalam pengetahuan di samping pendedahan terhadap lagu rakyat lebih dikenali dengan lebih lagi.

Normaliza Abd Rahim et al., (2016) dalam penyelidikan bertajuk *Wahana Cerita Rakyat melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea*. Fokus utama penyelidikan ini dijalankan adalah bagi melihai sudut pandang dari pelajar-pelajar Korea mengenai cerita rakyat Melayu. Kajian ini akan menilai dan merumuskan berkaitan maklum balas yang diperoleh dari pelajar Korea. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan persampelan. Sebanyak 30 buah cerita rakyat dan seramai 20 orang pelajar Korea yang terlibat. Penyelidikan ini hanya tertumpu pada pelajar di Universiti Hankuk Pengajian Asing, Korea. Bagi mengukuhkan analisis dan maklumat yang diperoleh, penyelidik menjadikan teori Analisis Wacana sebagai landasan kajian. Hasil kajian berdasarkan maklum balas pelajar Korea memperlihatkan cerita-cerita rakyat Melayu boleh dikategorikan dalam pelbagai bentuk seperti andaian, kesan kepada pembaca, konsep dan gaya penyampaian.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi (2016) dalam kajian bertajuk *Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan*. Cerita rakyat sememangnya kaya dan sarat dengan nilai. Oleh hal demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk merungkai dan membahaskan nilai khususnya nilai sosiobudaya sama ada tersurat atau tersirat. Reka bentuk dalam kajian ini melibatkan kepustakaan, analisis teks dan soal selidik. Hasil kajian jelas membuktikan bahawa cerita kanak-kanak sememangnya mengandungi nilai sosiobudaya yang berpengaruh seperti kasih sayang, menghargai jasa, berbakti dan sebagainya memang banyak dijumpai dalam cerita kanak-kanak dan perkara ini secara tidak langsung dapat membentuk akhlak kanak-kanak.

Seterusnya, kajian yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) dengan tajuk *Impak Cerminan Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat*. Kajian ini akan membahaskan kesan yang berlaku terhadap seni budaya berfikir dalam masyarakat Melayu berdasarkan ke dalam teknologi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat dan menilai hasil seni budaya berfikir oleh masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat terpilih. Kedah kualitatif digunakan akan analisis lebih tepat dan menjawab kepada objektif yang ditetapkan. Akhir kajian mendapati bahawa seni budaya berfikir yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu telah mendatangkan nilai positif khususnya dalam konteks cerita rakyat dan ia bersesuaian digabungkan dengan teknologi multimedia. Melalui penggunaan teknologi yang lebih canggih dan kreatif akan lebih menarik minat dan memberikan kesan yang lebih kepada khalayak.

Seterusnya, kajian bertajuk *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* yang disempurnakan oleh Sesilia Seli (2016). Kajian ini telah didorong oleh kurangnya kefahaman dalam masyarakat Dayak Kanayatn melalui cerita rakyat yang disampaikan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana kearifan masyarakat melalui cerita rakyat milik Dayak Kanayatn. Reka bentuk

kajian melibatkan kaedah temu buah, lapangan dan kepustakaan. Agar kajian tidak tersasar dari landasan, pendekatan Hermeneutik digunakan bagi memperkuuhkan analisis kajian. Kajian ini hanya membataskan sebanyak 16 buah cerita rakyat sahaja. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat setempat di komuniti Dayak Kanayatn semengnya arif dan tahu akan cerita-cerita rakyat. Antara kearifan yang diperoleh seperti pengetahuan tempatan, nilai-nilai tempatan, sumber daya dan kemahiran penggunaan teknologi.

*Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* yang disempurnakan oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Perkembangan pembangunan dan teknologi dilihat mendatangkan kesan yang kurang baik khususnya terhadap nilai budaya itu sendiri yang kini semakin terkesan. Ada juga segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa sekiranya nilai budaya masih diamalkan ia akan menyebabkan kelembapan perkembangan teknologi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi membantah persepsi tersebut. Kajian ini memberikan penekanan pada menilai dan merincikan berkaitan kesinambungan warisan budaya yang ada dalam cerita rakyat. *Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Melayu* dijadikan sebagai rujukan utama dan cerita tersebut hanya membataskan kepada cerita dalam konteks Pantai Timur sahaja. Kajian ini melibatkan analisis teks dan kepustakaan. Sebanyak 68 buah cerita rakyat Pantai Timur yang melibatkan negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu. Hasil kajian membuktikan adanya tiga unsur dominan yang menjadi nilai budaya dan pegangan masyarakat antaranya seni budaya ekspresif, perubatan dan kepercayaan. Natijahnya, melalui kajian ini dapat menjelaskan bahawa nilai budaya bukanlah penghalang kepada sesebuah kemajuan teknologi malah nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat ini mampu untuk membuka minda kanak-kanak agar lebih kreatif dan inovatif.

Seterusnya kajian yang disempurnakan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) bertajuk *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19*. Konflik merujuk kepada yang sering dikaitkan dengan percanggahan, ketidaksefahaman atau persengketaan yang timbul dalam sesebuah organisasi. Oleh hal demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat bagaimana masyarakat nusantara menguruskan konflik yang berlaku dalam komuniti. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks. Rentetan itu, pengkaji hanya membataskan kepada sembilan buah cerita rakyat nusantara sahaja. Hasil kajian membuktikan bahawa masyarakat Melayu nusantara sememangnya mempunyai cara, kaedah dan langkah tertentu dalam menguruskan sesuatu konflik yang timbul dalam komuniti. Natijahnya, konflik sememangnya tidak lari dalam kehidupan sehari-harian sama ada secara terus atau tidak. Bahkan, konflik ini merupakan salah satu lumrah dalam kehidupan manusia.

Kajian diteruskan lagi dengan *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun* yang disempurnakan oleh Florina Jumil dan Norijietta Julita Taisin (2017). Tanon merupakan gelaran yang digunakan oleh masyarakat Kadazandusun yang bermaksud cerita rakyat. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk meneliti aspek nilai pendidikan yang dipaparkan melalui cerita rakyat terpilih. Justeru itu, pengkaji telah menetapkan sebanyak lapan buah cerita rakyat yang diambil dari *Himpunan Cerita Kadazandusun* untuk dianalisis. Kajian ini sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks. Selain itu, bagi memperkuuhkan lagi analisis dan hujahan, pengkaji telah menggunakan teori Pendekatan Moral dan teori Formalistik sebagai landasan kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa, nilai pendidikan sememangnya wujud dalam cerita rakyat Kadazandusun antaranya seperti rajin, bijaksana, tidak berputus asa dan lain-lain. Melalui nilai-nilai pendidikan yang dipaparkan melalui cerita rakyat ia secara tidak langsung dapat memberikan pendidikan yang tidak formal khususnya kepada kanak-

kanak dalam membentuk nilai dan jati diri di samping melahirkan kanak-kanak yang berfikiran kreatif.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Melayu*. Perkembangan teknologi merupakan salah satu hal yang positif kerana ia secara tidak langsung telah membuka ruang dan peluang dalam memperluaskan lagi penyebaran cerita-cerita rakyat. Rentetan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat perkaitan antara akal budi dan juga buah fikiran masyarakat Melayu terdahulu dengan menggabungkan penggunaan teknologi. Kajian ini sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan perincian maklumat. Justeru itu, pengkaji telah mengambil secara rawak beberapa buah cerita rakyat Melayu yang diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Di akhir kajian, pengkaji berjaya membuktikan bahawa melalui pengaplikasian multimedia ke dalam cerita rakyat juga mampu untuk memberikan kesan positif kepada khalayak. Bukan itu sahaja, penggunaan multimedia ini juga dilihat mampu menjaga cerita rakyat daripada hilang ditelan arus kemodenan. Tuntasnya, melalui penggunaan teknologi ini juga mampu untuk menyampaikan mesej yang ada dalam cerita rakyat kepada khalayak agar dapat melahirkan masyarakat yang harmoni.

Kajian *Kesan Cerita Rakyat Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci* oleh Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Masyarakat Orang Asli Temiar merupakan sekumpulan masyarakat yang dianggap sebagai mundur dan terkebelakang disebabkan oleh faktor geografi dan petempatan yang menjadi tempat tinggal mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka hanya hidup pada satu tempat sahaja dan menganggap bahawa hutanlah satu-satunya tempat tinggal mereka bagi menjalani kehidupan sehari-harian. Walaupun tidak maju dan berkembang seperti mana masyarakat bandar, namun mereka masih kaya dengan nilai budaya, gaya pemikiran

tinggi dan juga kaya dengan kisah-kisah yang berkait dengan cerita rakyat. Justeru itu, pengkajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menilai, mentafsir dan menterjemahkan kesan-kesan yang berlaku terhadap masyarakat Orang Asli Temiar berdasarkan cerita-cerita rakyat yang mereka miliki. Kaedah kajian lapangan digunakan dalam penyelidikan ini agar data dan maklumat yang dikumpulkan amat relevan dan bertepatan dengan matlamat kajian. Bagi mengukuhkan lagi pengkajian, teori Konseptual Kata Kunci digunakan dalam kajian ini. Akhir kajian mendapati bahawa cerita-cerita rakyat yang dimiliki oleh mereka ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kehidupan seharian mereka bahkan ada yang mengaplikasikan cerita rakyat tersebut sebagai amalan dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, cerita rakyat yang dimiliki ini haruslah dipertahankan dan diwariskan kepada generasi akan datang kerana ia merupakan salah satu khazanah yang tidak ternilai dan harus dijaga.

Seterusnya, Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menjalankan kajian yang bertajuk *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan*. Cerita rakyat merupakan cerminan budaya dan lambang pada sesebuah masyarakat. Akan tetapi ada yang beranggapan bahawa cerita-cerita tersebut merupakan rekaan dan mitos semata-mata. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat nilai budaya yang wujud dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Kajian lapangan dan kepustakaan digunakan oleh pengkaji agar maklumat yang didapati dan diperolehi merupakan maklumat yang sahih, tepat dan relevan. Seterusnya, bagi mengukuhkan lagi hujan dan analisis, kajian ini menerapkan teori Sastera Warisan sebagai gagasan dan rujukan kepada pengkaji dalam melakukan hujahan. Akhir kajian menunjukkan bahawa nilai menghormati orang lain, muafakat, kesejahteraan dan lain lagi merupakan nilai budaya yang wujud dalam cerita rakyat Masyarakat Melayu Orang Asli Temiar. Hal ini jelas membuktikan betapa kayanya masyarakat Orang Asli Temiar akan cerita rakyat bahkan menjadi lambang dan identiti kepada masyarakat mereka.

*Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu merupakan sebuah penyelidikan yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2018). Cerita rakyat merupakan salah satu khazanah yang dimiliki secara bersama oleh masyarakat Melayu. Akan tetapi, terdapat segelintir masyarakat yang meremehkan tentang cerita rakyat dan mengatakan cerita rakyat tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada masyarakat. Rentetan itu, pengkaji telah terdorong untuk melakukan kajian bagi membuktikan pernyataan yang dilemparkan tersebut adalah salah. Kajian ini memberikan fokus kepada dua matlamat utama iaitu menganalisis dan membuat ringkasan berkaitan nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu terpilih. Sebanyak enam buah cerita telah ditelusuri oleh pengkaji dengan mengaplikasikan konsep menjana minda yang diambil dari Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan analisis teks. Hasil dapatan mendapati adanya nilai murni seperti sifat rasional dan kerajinan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu yang sekaligus dapat merangsang intelektual dan jiwa setiap insan yang membaca cerita rakyat tersebut disamping mendorong mereka untuk memiliki sebuah wawasan yang jelas.*

Seterusnya, *Adaptasi Kesusastraan Rakyat Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* oleh Hazrul Mazran Rusli (2018). Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk menghasilkan sebuah karya visual berdasarkan adaptasi dari cerita jenaka terpilih atau dengan kata lain adaptasi dari verbal ke visual kerana pengkaji akan menghasilkan satu karya cetakan blok kayu berdasarkan dari cerita jenaka tersebut. Kajian ini juga memberikan fokus kepada satu objektif utama iaitu mengenal pasti unsur pengajaran yang terdapat dalam cerita jenaka terpilih. Seterusnya, kajian yang dilakukan ini juga turut menerapkan Teori Adaptasi. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif yang terdiri dari analisis teks dan kaedah temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat dalam konteks jenaka sememangnya sarat dengan

nilai dan potensi yang boleh diadaptasikan dalam bentuk visual. Tuntasnya, karya kesusasteraan khususnya cerita rakyat boleh diserap ke dalam mana-mana bidang.

Selain itu, *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu Yang Terpilih Dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia* yang disempurnakan oleh Wan Muhammad Aiman Aziz (2018). Tujuan penyelidikan ini dibuat adalah untuk melihat dan membahaskan berkaitan pemikiran yang wujud dalam masyarakat Melayu berdasarkan teks terpilih. Himpunan 366 Cerita Rakyat Rakyat merupakan bahan utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Bagi menjadikan kajian lebih tersusun dan teratur, kaedah kualitatif dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan hasil dan analisis kajian yang lebih kukuh. Akhir kajian mendapat bahawa cerita-cerita rakyat yang disampaikan merupakan cerminan yang wujud dalam masyarakat Melayu terdahulu yang sememangnya mempunyai daya pemikiran yang kreatif di samping dapat menjadikan cerita rakyat sebagai medium dalam membentuk keperibadian insan.

Di samping itu, *A Malaysian Folklore Game Design As A Tool Of Culture Preservation And Entertainment: Toyol* yang disempurnakan oleh Ng Peng Jue dan Mohd Fairuz Ali (2018). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencipta satu permainan yang didasari oleh cerita rakyat yakni *Toyol*. Kajian ini memberikan fokus kepada watak perwatakan dan ciri-ciri yang dimiliki oleh *Toyol* melalui bantuan multimedia sebagai interaktif. Kedah kualitatif digunakan oleh pengkaji yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks seperti karya sastera, filem, novel dan lain-lain serta aplikasi-aplikasi yang berkaitan dalam proses pembuatan permainan maya. Hasil kajian mendapat bahawa cerita rakyat berkaitan *Toyol* ini bukan sahaja sebagai alat hiburan dan kepercayaan semata, bahkan boleh juga dijadikan sebagai alat hiburan digital.

Lanjutan daripada itu, *Narasi Cerita Rakyat Riau Asal Mula Penamaan Pulau Matang dan Pulau Keras* hasil penyelidikan Laras Anindya dan Ahmad Jum'a Khatib Nur Ali (2019). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui peranan dan sistem yang ada dalam Cerita Rakyat Riau di Pulau Matang dan Pulau Keras. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian lapangan dan temubual bagi mendapatkan maklumat dan info yang sahih. Hasil penyelidikan membawa kepada gaya penceritaan yang seakan sama dengan cerita rakyat dalam konteks asal-usul. Tuntasnya, cerita rakyat mampu untuk memberikan nilai tambah kepada pembaca mahupun khalayak.

*Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif* hasil penelitian Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Muhammad Effendi (2018). Perwatakan bodoh yang dipaparkan melalui cerita jenaka Melayu telah mendapat pandangan negatif dari segelintir masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh hal yang demikian, pengkaji terpanggil untuk menghasilkan sebuah penelitian bagi menyangkal pernyataan di tersebut. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk merungkai perwatakan positif yang terkandung dalam cerita jenaka. Penyelidikan ini telah dibataskan kepada lima buah cerita jenaka Melayu dengan menggunakan kajian kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori Psikologi Humanistik digunakan dalam kajian ini agar analisis yang dikemukakan lebih kukuh dan tersusun. Tuntasnya, kajian mendapati bahawa cerita jenaka Melayu tidak memaparkan kekurangan dan kelemahan masyarakat Melayu melainkan gambaran tersebut hanya sebagai pesanan kepada khalayak di samping membentuk jati diri insan ke arah yang lebih positif.

Norfarizah Mohd Bakhir, Mohamad Omar Bidin dan Ahmad Amirul Abdul Aziz (2018) dalam kajian *Preserving And Promoting Malay Folklores And Legends Using Interactive Motion Comic: The Fang King (Raja Bersiong)*. Kemajuan dan perkembangan teknologi kian rancak telah memberikan kesan kepada cerita rakyat. Hal ini, kerana anak-anak muda lebih meminati filem-filem barang berbanding cerita rakyat Melayu. Bertitik tolak

dari itu, tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk menjaga dan mengiklankan cerita rakyat dan lagenda melalui penggunaan komik bergerak. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengangkat cerita *Raja Bersiong* atau *The Fang King* sebagai topik utama kepada pembentukan komik bergerak. Penyelidikan ini menggabungkan kajian kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan data yang lebih jelas dan sahih. Hasil kajian mendapati bahawa projek tersebut harus dijalankan kerana ia mempunyai nilai dan kepentingan yang tersendiri di samping menaikkan cerita rakyat Melayu. Akan tetapi, untuk menghasilkan sesbuah yang berkualiti, sudah tentu mempunyai halangan, rintangan dan beberapa lagi kelemahan lain yang harus ditambah baik. Walaupun menghadapi halangan dan rintangan, namun maklum balas berkaitan projek ini adalah positif. Bukan itu sahaja, melalui projek ini juga secara tidak langsung dapat membuat penambahaikan pada komik bergerak dan pada masa yang sama dapat mengekalkan kewujudan cerita rakyat.

Kajian diteruskan lagi oleh Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) bertajuk *Integration Of Value And Culture In Malay Folklore Animation*. Kajian ini memfokuskan kepada integrasi nilai dan budaya yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu yang telah dianimasikan. Objektif kajian adalah untuk mengamati dan membahaskan nilai dan budaya dalam cerita rakyat berbentuk animasi. Kajian ini telah membataskan kepada 10 buah animasi yang terkandung dalam *The Kingfisher Stories*. Bagi mengukuhkan lagi hujahan agar lebih kukuh dan bernas, pengkaji telah menerapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil penyelidikan mendapati bahawa cerita rakyat yang dijadikan animasi masih mempunyai nilai dan budaya. Antara integrasi nilai dan kebudayaan yang diperoleh adalah seperti berdikari, kasih sayang, baik hati dan lain-lain lagi. Tuntasnya, walaupun cerita rakyat telah dijadikan dalam bentuk animasi, namun nilai dan budaya yang terkandung dalam cerita rakyat masih dikekalkan. Bahkan, apabila cerita rakyat ini dianimasikan ia akan menarik

perhatian khususnya generasi baharu di samping dapat memahami apa mesej yang cuba disampaikan melalui cerita rakyat yang telah melalui proses animasi.

Selain itu, kajian oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019) yang diberi tajuk *Dari Pada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia*. Perkembangan dan penggunaan teknologi dalam kehidupan harian dilihat semakin rancak selari dengan peralihan revolusi. Namun, kepesatan dalam perkembangan ini mempunyai baik buruknya dan salah satu adalah berkait dengan cerita rakyat yang dilihat semakin membimbangkan. Rentetan itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui cara dan gaya penyebaran cerita rakyat melalui medium teknologi. Bukan itu sahaja, pengkaji juga turut menelaah dan menghurai cerita-cerita rakyat pernah ditayangkan di media elektronik. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat dalam bentuk animasi masih terkebelakang berbanding perkembangan teknologi di negara ini. Justeru itu, semua pihak yang berkepentingan haruslah memainkan peranan dalam memberikan perhatian yang lebih agar cerita rakyat Melayu boleh dipertahankan di samping mempelbagaikan medium penyampaian.

Seterusnya, penelitian yang bertajuk *Kisah Sang Kancil dan Memerang* sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019). Cerita Rakyat dalam genre fabel ini banyak digunakan untuk menarik minat kanak-kanak khususnya untuk lebih meminati cerita rakyat. Kajian ini memberikan fokus kepada dua aspek utama iaitu untuk mengetahui adab yang dipaparkan melalui cerita binatang dan kesan adab tersebut kepada masyarakat Melayu berdasarkan. Batasan kajian hanya tertumpu kepada *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dengan berlandaskan pendekatan Adab yang dikemukakan oleh Syed Naquib. Reka bentuk kajian pula melibatkan kajian kualitatif dengan pengaplikasian kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat yang asli dan sahih. Dapatkan kajian mendapati bahawa cerita binatang juga seakan-akan mempunyai perwatakan seperti manusia kerana binatang tersebut dapat berfikir menggunakan akal

sama seperti manusia secara amnya. Tuntasnya, cerita binatang dan cerita rakyat tidak jauh beza dan masing-masing mempunyai persamaan seperti watak dan perwatakan, namun tujuannya masih sama sebagai medium dalam menyampaikan pengajaran dan rujukan kepada masyarakat.

Noramizah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2019) dalam penyelidikan bertajuk *Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat Melayu Tradisi Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional*. Mitos merupakan perkara yang dianggap benar-benar terjadi dan dipercayai oleh sesebuah masyarakat. Mitos ini juga biasanya berkisarkan tentang dewa dewi, kuasa sakti, agama dan ada juga yang berkaitan tentang pertubuhan sesebuah tempat. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah bagi menyingkap unsur mitos yang dipercayai oleh masyarakat Melayu Tradisional. Agar kajian yang dijalankan tidak terlampau umum, pengkaji telah menghadkan kepada tiga buah karya sastera Melayu Lama. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan adalah berbentuk kualitatif yang rujukan teks dan kepustakaan. Teori Sosiologi Sastera juga diaplikasikan dalam penyelidikan ini agar kajian dan analisis lebih kukuh dan relevan. Akhir penyelidikan mendapati bahawa masyarakat terdahulu mempercayai bahawa watak Merong Mahawangsa merupakan dewa yang turun ke bumi. Natijahnya, masyarakat terdahulu benar-benar mempercayai mitos selain pengaruh kuat dari agama Hindu.

Seterusnya, kajian bertajuk Mahsuri dan *Puteri Lindungan Bulan Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih* yang disempurnakan oleh Asniza Zakaria (2019). Tujuan kajian ini dijalankan kerana adanya kelompongan berdasarkan kajian-kajian lepas. Kajian ini memfokuskan kepada maksud disebalik darah putih daripada kedua cerita yang terpilih. Kajian ini hanya melihat kepada dua buah teks iaitu *Mahsuri* dan *Puteri Lindungan Bulan* kerana kedua-dua karya tersebut berasal dari negeri yang sama. Kaedah kualitatif yang melibatkan analisis dokumen dan kepustakaan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa darah putih yang mengalir keluar dari watak-watak tersebut membawa erti kesucian dan kesempurnaan yang dimiliki oleh

watak tersebut. Natijahnya, cerita tersebut merupakan siri teladan kepada masyarakat untuk berbuat baik dalam semua perkara di samping memartabatkan lagi cerita rakyat.

*Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* yang disempurnakan oleh Norazimah Zakaria et al., (2019). Kajian yang dijalankan ini adalah bagi memberikan fokus mengenai unsur mitos yang dipaparkan melalui teks Sastera Melayu Tradisional. Kajian ini memberikan penekanan pada mengenalpasti dan memperincikan unsur mitos yang terkandung dalam teks. Kajian ini hanya menggunakan satu rujukan utama iaitu cerita *Hikayat Merong Mahawangsa* yang melibatkan kaedah kualitatif seperti kepustakaan dan analisis teks. Teori Sosiologi Sastera pula diaplikasikan sebagai landasan dalam memperkuuhkan hujahan. Hasil kajian mendapati bahawa unsur-unsur mitos yang terkandung dalam dalam teks tersebut dijadikan sebagai panduan dan teguran kepada masyarakat dan pada masa yang sama sebagai cerminan masyarakat pada ketika itu.

Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajian *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu*. Cerita Rakyat Melayu sememangnya terkenal dan kaya dengan nilai-nilai moral dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan. Oleh itu, cerita rakyat yang disampaikan merupakan cerminan kepada budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Berdasarkan hasil tinjauan dan analisis terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa kajian berkaitan cerita rakyat khususnya aspek nilai moral dan nilai murni lebih mendapat tempat di hati para sarjana. Rentetan itu, pengkaji terdorong untuk melakukan kajian berdasarkan perspektif Islam. Kajian ini akan memfokuskan kepada nilai Islam yang dapat membentuk akhlak dan keperibadian insan ke arah yang lebih mulia. Kajian ini juga hanya membataskan terhadap Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia kerana hanya sembilah buah cerita sahaja yang terpilih untuk dikaji dengan lebih teliti. Pengaplikasian teori Takmilah sebagai landasan turut digunakan dalam kajian ini agar dapat memperkuuhkan lagi hujah yang menyokong nilai Islam. Pendekatan kualitatif iaitu

analisis teks dan kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan adanya lima nilai Islam yang berjaya ditemukan antaranya, taat, persahabatan, tawakkal, merendah diri dan bersyukur merupakan antara nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat terpilih. Tuntasnya, walaupun masyarakat terdahulu tidak begitu didedahkan dengan aspek keagamaan, namun ia mampu membentuk akhlak seorang insan untuk lebih menjaga perilaku sesuai dengan tuntutan Islam.

Seterusnya, kajian diteruskan oleh Hazrul Mazran Rusli (2020) dalam kajian bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan*. Matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk mengubah cerita bertulis dalam bentuk cetakan yang boleh disesuaikan kepada orang ramai. Selain itu, melalui kajian ini juga secara tidak langsung dapat melihat sejauh manakah kebolehan seseorang pelukis dalam menterjemah dan mentafsir cerita rakyat yang bakal diaplikasikan ke dalam cetakan. Bagi menghasilkan kajian yang baik, pengkaji telah mengaplikasikan dua pendekatan yang terdiri dari Eksplorasi Visual dan teori Adaptasi. Di akhir kajian, pengkaji berjaya menghasilkan 10 edisi cetakan blok kayu yang diterjemah melalui cerita *Si Luncai*. Melalui kajian dari verbal ke visual juga merupakan salah satu usaha dalam memastikan kesusasteraan rakyat terus kekal dan dipertahankan.

Selain itu, kertas kerja yang bertajuk *Perspektif Melayu Malas dan Melayu Bodoh oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* yang berjaya disempurnakan oleh Rahimah Hamdan dan Alya Batrisya Annuar (2020). Disebabkan Tanah Melayu pernah dijajah oleh Barat, maka masyarakat beranggapan bahawa masyarakat Melayu bodoh dan malas kerana mereka membuat perspektif tersebut berdasarkan cerita jenaka seperti *Pak Kaduk, Si Luncai, Pak Pandir dan Pak Belalang*. Oleh itu, tujuan kertas kerja ini dijalankan adalah untuk membangunkan perspektif negatif yang telah dilontarkan terhadap masyarakat Melayu. Kaedah kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kepustakaan digunakan dalam menyempurnakan kertas kerja ini.

Hasil akhir menunjukkan bahawa tanggapan negatif yang dilontarkan terhadap masyarakat Melayu sememangnya salah. Hal ini, kerana cerita jenaka yang disampaikan oleh masyarakat terdahulu menggambarkan betapa bijaknya masyarakat terdahulu dalam menegur sesuatu tindakan yang dilakukan oleh masyarakat tanpa mengaibkan sesiapa dan perkara ini dijelaskan dengan lebih terperinci oleh pengkaji.

*Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif* yang dijayakan oleh Nur Ezatul Fadtehah Hедel dan Mari Fatimah Subet (2020). Fokus utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat peristiwa aneh yang dipaparkan melalui cerita rakyat terpilih. Pengkaji hanya memfokuskan kepada satu cerita sahaja iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* yang termuat dalam teks *Antologi Enam Hikayat*. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif yang melibatkan kaedah rujukan teks dan kepustakaan. Bagi memantapkan lagi hujahan dan analisis, pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang diterapkan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 10 kejadian aneh yang menjadi kepercayaan masyarakat pada waktu itu berdasarkan *Hikayat Nakhoda Muda*.

Seterusnya, kajian bertajuk *Nilai-nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* yang telah disempurnakan oleh Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sama ada nilai-nilai Islam yang dipaparkan dalam cerita rakyat mampu untuk membentuk sosiobudaya kanak-kanak. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini agar analisis dan dapatan kajian lebih sistematik dan tersusun. Kaedah kualitatif yang digunakan merangkumi kaedah kepustakaan dan temubual bersama penglipur lara bagi mendapatkan maklumat yang lebih sahih dan relevan. Hasil kajian mendapati adanya terdapat lima nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu seperti kepercayaan kepada Allah, tawakkal, bersyukur, pemaaf dan merendah diri dan nilai-nilai Islam ini diperoleh melalui cerita rakyat yang diperoleh di Kampung Rusa, Bachok, Kelantan. Pengkaji juga turut menerapkan teori Takmilah

dengan memfokuskan kepada prinsip hubungan khalayak dengan karya agar dapat membentuk hujahan analisis yang kukuh. Tuntasnya, cerita-cerita rakyat yang mengandungi nilai-nilai Islam ini mampu untuk membentuk perilaku yang lebih elok di samping menarik minat kanak-kanak dengan kisah penceritaan yang menarik.

Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Takmilah*. Kajian ini dijalankan adalah untuk memaparkan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan terpilih. Kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Bagi memantapkan lagi hujah pada bahagian analisis, pengkaji menggunakan teori Takmilah yang merupakan salah satu teori tempatan yang sesuai digunakan bagi menjawab kepada kajian yang berkaitan dengan Islam. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang melibatkan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih akurat. Pengkaji hanya membataskan sepuluh buah cerita rakyat yang terkandung dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Antaranya, *Bawang Putih Bawang Merah, Angsa Berbulu Emas, Ular dan Gurunya, Buluh, Besi dan Tukang Kayu, Raja Kuyuk* dan lain-lain. Akhir kajian membawa kepada paparan nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, persahabatan, bersyukur, percaya kepada tuhan, merendah diri, pemaaf dan murah hati. Kesemua nilai yang diperoleh dari cerita rakyat tersebut mampu untuk membentuk sahsiah masyarakat ke arah yang lebih harmoni dan sejahtera.

Seterusnya, *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Karya dan Khalayak* dijayakan oleh Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita rakyat sering dipandang rendah oleh masyarakat dan menganggap ia sebuah karya yang tidak bermutu, rekaan dan membosankan dan tidak memiliki nilai-nilai Islam yang yang boleh dijadikan panduan atau pedoman. Bertitik tolak dari perkara tersebut telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Penyelidikan ini memberikan memfokuskan kepada kemunculan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pengaplikasian teori Takmilah berdasarkan prinsip pendekatan karya dengan khalayak dijadikan sebagai landasan utama dalam menyempurnakan analisis kajian. Manakala, kaedah kepustakaan dan analisis teks merupakan reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji berjaya memaparkan nilai-nilai Islam yang dalam cerita lisan tersebut. Anataranya nilai yang diperoleh adalah seperti percaya kepada Allah, sentiasa bersyukur, pemaaf, tawakal dan merendah diri. Berdasarkan nilai-nilai Islam yang diperoleh jelas memaparkan bahawa cerita rakyat juga memiliki nilai-nilai Islam yang boleh mendatangkan manfaat dan membentuk akhlak serta sahsiah dalam diri masyarakat.

Bukan itu sahaja, Mohd Firdaus Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah dan Tuan Siti Nurul Suhadah (2021) dalam penyelidikan bertajuk *The Values Of Heroism In Tok Tangok Folklore As A Symbol Of Personality And Identity Of Malay Community: Research On The Perception Students In University Malaysia Kelantan Through Kahoot Application*. Penyelidikan ini memfokuskan kepada menentukan dan membahaskan berkaitan nilai kepahlawanan yang ditonjolkan oleh watak *Tok Tangok* menerusi cerita rakyat bertajuk *Tok Tangok* menerusi pandangan daripada pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Penyelidikan ini sepenuhnya menggunakan kajian berbentuk kualitatif yang membabitkan penggunaan aplikasi *Kahoot*, soal selidik dan kepustakaan. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa nilai-nilai kepahlawanan yang ditonjolkan oleh watak tersebut sememangnya mencerminkan jati diri dan akhlak yang dimiliki oleh warga Melayu. Di samping itu, melalui data yang diperoleh juga membuktikan bahawa pelajar-pelajar secara tidak langsung terdedah akan cerita rakyat di samping mengetahui nilai kepahlawanan yang ditonjolkan oleh Tok Tangok.

Asiah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*, spiritual merujuk kepada suatu keadaan yang tidak mampu dilihat dengan mata kasar dan tidak dapat ditafsir oleh pemikiran manusia.

berdasarkan sorotan terhadap kajian-kajian lepas mendapat bahawa kajian berkaitan unsur spiritual kurang mendapat tempat di hati pengkaji dan menyebabkan adanya kelompongan terhadap kajian. Bertitik tolak dari itu, kajian ini dilakukan adalah bagi menelaah unsur spiritual yang berkaitan dengan sumpahan yang wujud dalam cerita rakyat terpilih. *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* merupakan rujukan utama kepada pengkaji dan hanya membataskan kepada 12 buah cerita rakyat sahaja. Metodologi kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan rujukan teks merupakan reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji dan dikukuhkan lagi dengan penerapan teori Budaya. Pemilihan teori ini sememangnya bertepatan dengan tajuk kajian akan dilaksanakan. Hasil kajian mendapat unsur spiritual dalam konteks sumpahan sememangnya wujud dalam cerita rakyat Melayu. Antara contoh sumpahan yang dikenalpasti dalam cerita rakyat terpilih adalah manusia yang disumpah menjadi pokok, gunung, batu, burung dan lain-lain lagi. Tuntasnya, melalui dapatan kajian yang diperoleh jelas menggambarkan bahawa bentuk sumpahan yang dipaparkan melalui kisah cerita rakyat merupakan sebuah sindiran dan teguran kepada manusia mahupun pembaca agar sentiasa menjaga adab, keperibadian dan tingkah-laku.

Lagi, kajian yang telah diselesaikan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid dan Siti Aisyah Jusoh (2021) bertajuk *Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan dan mempertimbangkan unsur polemik yang dikenalpasti dalam cerita rakyat terpilih yang boleh dijadikan sebagai alat dalam membentuk moral dalam kalangan kanak. *Koleksi 366 Cerita Rakyat Di Malaysia* merupakan rujukan utama kepada kajian ini dan pengkaji hanya membataskan kepada enam cerita rakyat terpilih sahaja. Bagi mengukuhkan dan menjadikan kajian lebih sistematik, penerapan Teori Takmilah berdasarkan prinsip hubungan karya dengan khalayak diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Dari segi reka bentuk kajian pula, kajian ini kaedah kualitatif yang terdiri dari kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian

mendapati adanya unsur polemik seperti dendam, hasad dengki, pergaduhan dan lain-lain sememangnya merupakan tingkah laku yang negatif, namun jika dilihat dari sudut positif ia merupakan teguran yang cuba disampaikan kepada kanak-kanak agar tidak melakukan perbuatan sedemikian di samping membantu pembentukan sahsiah kanak-kanak sedari kecil.

Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang,Malaysia*. Cerita rakyat semenagnya mempunyai pelbagai versi dan genre. Kajian ini dijalankan dengan memberikan fokus kepada dua aspek iaitu mengenal pasti dan membincangkan tentang tradisi yang terkandung dalam cerita rakyat Mukim Bebar. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian kerana ia melibatkan kaedah lapangan dan temu bual bagi mendapatkan beberapa buah cerita. Cerita rakyat yang dikumpulkan hanya terbatas dalam Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Bagi memperkuatkan lagi hujahan, pengkaji menggunakan teori Fungsionalisme sebagai sebuah kerangka dalam menyempurnakan kajian ini. Kesimpulan, melalui kajian ini dapat dibuktikan bahawa unsur ritual sememangnya menjadi kepercayaan dan adat masyarakat terdahulu. Antara unsur ritual yang dipaparkan melalui cerita rakyat yang dikumpulkan adalah manusia berkembar, mengkarung ekor bercabang, nyimoh pantai dan mandi Safar merupakan unsur ritual yang menjadi kepercayaan oleh masyarakat di daerah Pekan sehingga kini.

Seterusnya, kajian bertajuk *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* yang disempurnakan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek dan Muhammad Asyraf Mansor (2021). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat bagaimana cara dan gaya penyampaian cerita rakyat kepada kanak-kanak agar dapat membentuk kefahaman melalui cerita rakyat yang disampaikan. Kajian ini akan memfokuskan kepada pedagogi yang digunakan dalam menyampaikan cerita rakyat kanak-kanak pada peringkat awal. Kajian ini melibatkan

kaedah temu bual dalam kalangan ahli kumpulan. Kajian yang dijalankan ini hanya membataskan kepada pedagogi budaya yang terdapat dalam cerita rakyat sahaja bagi melihat kosa kata baharu yang wujud dalam diri kanak-kanak. Hasil kajian mendapati bahawa pedagogi responsif budaya merupakan salah satu kaedah yang digunakan khususnya oleh para guru dalam memberikan pendidikan di peringkat awal kanak-kanak. Natijahnya, melalui pedagogi responsif budaya ia telah membantu para guru khususnya dalam membentuk jati diri, nilai dan moral kanak-kanak sedari kecil lagi.

Seterusnya, kajian bertajuk *Masyarakat Orang Asli Jakun Di Romping, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan* yang disempurnakan oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun dan Mohamad Rodzi Abd Razak (2021). Cerita lisan yang terdapat pada masyarakat Orang Asli Jakun dilihat semakin terhakis dan diancam kepupusan. Rentetan itu, rentetan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui asbab cerita lisan Orang Asli Jakun diancam kepupusan. Matlamat yang menjadi fokus kajian adalah cara-cara dan usaha yang boleh dilakukan agar cerita lisan tersebut terus kekal dalam kalangan masyarakat. Kajian ini hanya tertumpu di Kampung Sungai Mok, Rompin Pahang sahaja. Reka bentuk kajian yang digunakan terdiri dari kaedah temu bual separa dan kaedah kepustakaan. Bagi memperkuuhkan lagi kajian, pengkaji mengaplikasikan kaedah analisis tematik agar data dan maklumat yang diperoleh merupakan data yang tepat dan sahih. Berdasarkan kajian ini, pengkaji berjaya membuktikan adanya beberapa faktor yang menyebabkan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun semakin terancam dan pengkaji juga berjaya menemukan cara dan langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat agar cerita lisan tersebut terus kekal dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Natijahnya, melalui kajian ini ia secara tidak langsung dapat memberikan manfaat khususnya terhadap usaha dalam pemuliharaan cerita lisan Orang Asli Jakun di samping dapat menambahkan ilmu pengetahuan khususnya berkaitan cerita lisan masyarakat orang asli.

Kajian bertajuk *Satu Analisis Pemikiran Mantera Pakaian Diri Orang Asli Di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan* yang dilengkapkan oleh Siti Aishah Jusoh dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Mantera sering dikaitkan dengan peristiwa pemujaan terhadap perkara ghaib. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sudut pandang masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Rual berkaitan mantera pakaian diri. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji melibatkan kaedah temu bual dan kepustakaan. Bagi memperkuuhkan lagi hujahan dan analisis, pengkaji mengaplikasikan Teori Sastera dan Budaya sebagai deduktif agar mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian mendapat sebanyak sembilan mantera yang masih lagi digunakan digunapakai dalam kalangan Orang Asli Sungai Rual. Tujuan mereka mengamalkan mantera diri adalah untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam kalangan komunitinya. Natijahnya, mantera pakaian diri telah menjadi salah satu adat yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat sehingga kini.

Suhaini Md Noor dan Mohd Faizal Musa (2021) telah melakukan kajian yang bertajuk *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat*. Makanan merupakan salah satu keperluan kepada manusia dalam membekalkan tenaga untuk kegunaan sehari-harian. Setiap makanan itu mempunyai fungsi dan kepentingan tersendiri dalam menyumbangkan tenaga kepada badan manusia. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti jenis makanan yang ada dalam cerita rakyat terpilih. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis teks. Pengkaji hanya memfokuskan jenis makanan yang ada dalam teks *Musang Berjanggut* sahaja dan dijadikan sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Di akhir kajian, pengkaji mendapat sebanyak 29 jenis makanan telah berjaya dikenal pasti oleh pengkaji dan setiap makanan tersebut mempunyai fungsi dan makna yang tersendiri kepada masyarakat. Natijahnya, melalui kajian ini dapat membuktikan bahawa jenis-jenis makanan yang terkandung dalam teks tersebut mempunyai makna yang tersendiri bahkan juga dijadikan sebagai simbolik dalam masyarakat terdahulu kerana jenis

makanan yang dimakan akan melambangkan status dan kedudukan atau darjat seseorang dalam masyarakat. Kesimpulannya, melalui makanan juga turut berfungsi sebagai alat dalam menentukan status seseorang dalam kalangan masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian bertajuk *Perwatakan Prtagonis Dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak* yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka dan menyimpulkan watak dan perwatakan yang dipaparkan oleh watak protagonis sahaja yang termuat dalam cerita rakyat terpilih. Kajian ini hanya melihat kepada empat buah cerita rakyat dengan memberikan fokus kepada watak utama. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan data melalui temubual, kepustakaan dan analisis cerita rakyat terpilih. Bagi mengukuhkan kajian, pengkaji telah menerapkan prinsip hubungan karya dengan khalayak sebagai landasan kepada kajian ini. Hasil yang diperoleh berdasarkan penyelidikan ini mendapati watak protagonis mengajarkan nilai seperti pengampunan, persahabatan, kerendahan hati dan bertanggungjawab. Tuntasnya, melalui pengaplikasian prinsip yang bersesuaian dapat menyerlahkan lagi sifat-sifat yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat dalam membentuk insan yang seimbang.

Di samping itu, kajian bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dilengkapkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyingkap dan membahaskan berkaitan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita legenda di *Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini melibatkan kaedah kerja lapangan dan kepustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Pengkaji juga turut melibatkan aspek rakaman audio dan video agar tidak berlakunya ketirisan maklumat. Kajian ini berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan hanya memfokuskan kepada aspek rohani sahaja. Sebanyak 11 buah cerita rakyat dalam

genre legenda telah dibataskan oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa nilai baik hati, pemurah, ramah mesra, menghormati orang tua dan lain-lain merupakan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat terpilih. Kesimpulan, cerita rakyat legenda sememangnya mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan manusia khususnya masyarakat Melayu berdasarkan perilaku yang ditunjukkan melalui cerita rakyat tersebut.

Seterusnya, Dilah Tuah (2022) telah melengkapkan kajian bertajuk *Sastera Rakyat Daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensi Kepada Pelancongan Budaya Di Sarawak*. Tidak dinafikan, sastera rakyat merupakan sebahagian dari khazanah kehidupan sesebuah masyarakat. Oleh hal demikian, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana sesebuah cerita rakyat itu difahami oleh masyarakat dalam komunitinya dan melihat bagaimana cerita rakyat dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Sarawak. Kajian ini menggunakan teks *Antologi Cerita Rakyat Sarawak* dan sebanyak empat buah cerita telah ditetapkan untuk dijadikan bahan analisis. Kajian berbentuk kualitatif melibatkan rujukan teks dan kepustakaan. Hasil kajian membuktikan bahawa cerita rakyat sememangnya boleh dijadikan sebagai salah satu daya tarikan pelancongan dalam mempromosikan budaya yang ada di Sarawak. Selain itu, masyarakat juga turut memaparkan kearifan tentang cerita rakyat Sarawak dan berpotensi untuk dipasarkan sebagai nilai komersial dalam masyarakat.

*Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan* yang disempurnakan oleh Tuan Siti Nurul Suhada Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan membincangkan berkaitan pendidikan moral dalam konteks Falsafah Pendidikan Kebangsaan khususnya kepada kanak-kanak. Pengkaji hanya membataskan kepada lima buah cerita rakyat terpilih di Bachok, Kelantan sahaja. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif merangkumi kajian lapangan dan kaedah kepustakaan. Bagi memperkuuhkan hujahan dan analisis penerapan Falsafah Pendidikan

Kebangsaan sebagai deduktif kajian. Hasil kajian membuktikan nilai moral seperti berdikari, berterima kasih dan bertanggungjawab merupakan nilai moral yang memainkan peranan dalam membentuk moral kanak-kanak agar dapat melahirkan generasi yang lebih bermoral dan beretika pada masa akan datang.

Lagi, *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan* yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et al. (2022). Tujuan kajian ini dijalankan adalah mengetahui dan membahaskan berkaitan nilai murni baik hati berdasarkan cerita rakyat Melayu yang ada di Bachok berdasarkan keunikan dialek Kelantan. Kaedah kualitatif yang merangkumi kepustakaan dan temu bual merupakan reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah temu bual hanya tertumpu di Pulau Rusa, Bachok, Kelantan sahaja. Kajian ini juga hanya membataskan kepada tujuh buah cerita rakyat Melayu dan bagi memperkuuhkan lagi hujahan, Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan digunakan sebagai deduktif untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian membuktikan bahawa nilai baik hati seperti belas kasihan, berimbang rasa dan murah hati sememangnya terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok. Tuntasnya, melalui kajian ini ia dapat memperlihatkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam masyarakat dan pada masa yang sama dapat mengangkat penggunaan dialek Kelantan sebagai salah satu medium bahasa dalam menyampaikan cerita rakyat di Kelantan.

Seterusnya, kajian yang disempurnakan oleh Tuan Siti Nurul Suhada Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dengan kajian bertajuk *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja*. Kajian ini dijalankan kerana terdapatnya kelompongan terhadap kajian-kajian lepas. Kajian yang dijalankan ini bertunjangkan kepada meneliti dan membahaskan berkaitan interaksi sosioekonomi yang terdapat dalam cerita rakyat dengan memberikan fokus kepada aspek kepimpinan. Kajian ini hanya membataskan kepada cerita rakyat *Kilatan Emas* yang diperoleh melalui hasil temu bual. Reka bentuk

kajian yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan kajian lapangan. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai landasan dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian membuktikan bahawa aspek kepimpinan seperti berhemah, berfikiran rasional dan tutur kata yang baik dapat mendatangkan kesan positif kepada kanak-kanak dan remaja di samping dapat melahirkan sifat kepimpinan dalam kalangan masyarakat agar harmoni dan aman.

Seterusnya, kajian bertajuk *Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Legenda Bukit Bagahak Menggunakan Pendekatan Moral* yang disempurnakan oleh Azimah Abdul Aziz (2023). Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengisi kelomongan berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilihat banyak memberikan fokus terhadap kajian legenda Mat Salleh. Rentetan itu, kajian ini dijalankan untuk mengetengahkan cerita rakyat yang lain yang wujud di negeri Sabah. Kajian ini akan memberikan fokus kepada dua aspek iaitu menyingkap nilai-nilai moral dan membahaskan berdasarkan cerita rakyat terpilih. Kajian ini hanya membataskan kepada satu cerita rakyat *Legenda Bukit Bagahak* sahaja sebagai rujukan utama. Kajian ini melibatkan kajian kualitatif yang melibatkan temu bual, kepustakaan dan rujukan teks. Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Moral digunakan agar analisis kajian lebih mantap dan berstruktur. Hasil kajian mendapati sebanyak 10 nilai moral yang berjaya dijumpai antaranya nilai taat setia, muafakat, tolong-menolong dan lain-lain. Natijahnya, cerita *Lagenda Bukit Bagahak* bukan hanya sebagai hiburan semata malah turut memiliki nilai dan keindahan yang dapat membentuk perilaku masyarakat ke arah yang lebih baik. Melalui kajian ini juga memaparkan gambaran masyarakat di Sabah yang masing kaya dengan adat dan nilai moral.

Selain itu, kajian bertajuk *Polemik Dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Suatu Pengaplikasian Teori Takmilah* yang disempurnakan oleh Syarah Aqilah Zulfakar (2023). Cerita rakyat sememangnya kaya dengan nilai luhur dan nilai positif masyarakat Melayu. Akan tetapi, unsur polemik dalam cerita rakyat pula sering dikaitkan dengan hal-

hal negatif dan dipandang serong oleh masyarakat. Oleh hal demikian, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat dan membahaskan dengan lebih rinci berkaitan unsur polemik yang wujud dalam cerita rakyat. Kajian ini hanya memfokuskan kepada 36 buah cerita rakyat yang terkandung dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia sahaja*. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis teks dan kepustakaan. Bagi memantapkan lagi hujahan dan analisis, teori Takmilah digunakan sebagai deduktif kajian. Hasil kajian mendapat sebanyak 13 jenis polemik yang berjaya dikenalpasti antaranya, kebencian, hasad dengki, dendam, angkuh, sompong dan lain-lain. Kesimpulanya, walaupun polemik ini merupakan perkara yang negatif, namun jika ditelusuri dengan lebih mendalam ia sebenarnya memberikan gambaran dan pengajaran kepada masyarakat agar tidak menjadikan perkara buruk sebagai amalan kehidupan. Tuntasnya, polemik boleh memberikan kesan baik kepada masyarakat agar tidak meletakkan sesuatu itu sebagai suatu perkara yang negatif.

Selain itu, kajian bertajuk *Pemikiran Penglipur Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang disempurnakan oleh Anis Nazurah Md Karim (2023). Pemikiran merupakan suatu perkara yang berkait dengan aktiviti mental seseorang dalam mencari jalan penyelesaian untuk sesuatu masalah. Rentetan itu, berdasarkan sorota kajian lepas didapati masih ada kelompongan kajian terhadap pemikiran penglipur lara dalam konteks cerita rakyat. Kajian ini akan merungkai dan membahaskan berkaitan pemikiran penglipur lara dalam cerita rakyat terpilih. Reka bentuk kajian yang digunakan melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* merupakan teks yang dijadikan sebagai rujukan utama kajian dan pengkaji hanya membataskan kepada 24 buah cerita rakyat sahaja. Bagi memperkuatkan lagi analisis, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai landasan dalam mencapai objektif kajian. Di akhir kajian, pengkaji berjaya menyingkap beberapa pemikiran yang muncul dalam cerita rakyat terpilih antaranya pemikiran penglipur lara melalui aspek nilai,

sosiobudaya, rohani dan mitos. Natijahnya, setiap pemikiran penglipur lara yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut sememangnya mempunyai nilai yang tersendiri termasuklah dari segi teladan dan pengajaran dalam masyarakat agar dapat melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun.

Wan Siti Nur Aini Wan Noor Ajman (2023) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Identiti Kebudayaan Masyarakat Melayu Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui dan membincangkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat terpilih. Pengkaji hanya membataskan kepada teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan menghadkan kepada 32 buah cerita rakyat sahaja untuk dianalisis. Kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan rujukan teks digunakan dalam kajian ini. Bagi memantapkan lagi analisis dan memperkuuhkan hujahan, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa melalui cerita rakyat, sesebuah identiti kebudayaan masyarakat Melayu dapat dipelihara dan dijadikan sebagai rujukan untuk kehidupan harian. Tuntasnya, setiap cerita rakyat itu terkandung identiti atau cerminan budaya sesuatu masyarakat dan ia masih lagi menjadi norma dalam masyarakat hingga kini.

Muhamad Firdaus Kamaruzaman (2023) telah menjalankan satu penelitian terhadap *Fenomena Sosial Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Cerita rakyat sering dikaitkan dengan hal-hal yang menyumbang kepada nilai dan moral. Berdasarkan daripada sorotan kajian lepas mendapati kajian berkaitan perubahan persekitaran kurang mendapat perhatian oleh para sarjana. Oleh hal demikian, kajian ini dijalankan untuk merungkai dan membahaskan fenomena sosial yang terkandung dalam cerita rakyat. Penelitian ini melibatkan kaedah kualitatif seperti kepustakaan dan analisis teks. Penelitian ini membataskan sebanyak 49 buah cerita rakyat yang terkandung dalam teks

*Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Bagi menjadikan kajian ini lebih teratur dan sistematik, Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan sebagai deduktif kajian. Hasil kajian membuktikan sebanyak 24 jenis fenomena sosial yang berjaya dikesan dan fenomena-fenomena ini telah memberi kesan perubahan terhadap landskap masyarakat Melayu agar selari dengan perkembangan arus pemodenan. Tuntasnya, fenomena juga harus diberikan perhatian oleh masyarakat agar negara lebih baju dan berdaya saing selari dengan perkembangan sesama.

### **2.3 Pengkajian Teori Pengkaedah Melayu dalam Karya-karya Sastera**

*Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* yang disempurnakan oleh Johari Yahaya (2015). Kajian ini dijalankan adalah bagi mengisi kelomongan yang wujud berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para sarjana. Kajian ini akan memfokuskan kepada penggunaan gaya peribahasa Melayu berdasarkan teks terpilih dan menyingkap nilai-nilai yang terdapat dalam pantun terpilih. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis teks dan kepustakaan. Pengkaji hanya membataskan kajian berdasarkan teks *Pantun Peribahasa Melayu* yang diselenggara oleh Lo Mun pada tahun 1968. Kajian ini bertunjangkan kepada pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang berfungsi sebagai landasan dalam menyempurnakan kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa peribahasa digunakan dalam pantun Melayu merupakan satu bentuk teguran kepada masyarakat dan ia kaya dengan nilai-nilai yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat agar dalam melahirkan masyarakat yang lebih harmoni.

*Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2016). Cerita rakyat sememangnya kaya dengan nilai dan kebudayaan yang memaparkan tentang

sejarah dan kegiatan seharian yang dilakukan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Oleh kajian yang dijalankan ini adalah untuk menyingkap nilai murni khususnya dalam konteks kasih sayang dan keadilan. Reka bentuk dalam kajian ini menggunakan kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan analisis teks. Teks yang digunakan adalah *Himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia* dan pengkaji telah membataskan kepada empat buah cerita sahaja. Bagi mengukuhkan lagi analisis kajian, penerapan teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Secara rumusnya, melalui kajian ini dapat dijelaskan bahawa cerita rakyat sememangnya memaparkan nilai kasih sayang dan keadilan yang boleh diaplikasikan dan dijadikan rujukan dalam membentuk kehidupan yang lebih baik dan adil dalam sesuatu perkara.

Kajian diteruskan dengan tajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini dilakukan adalah untuk mengisi kelomongan berdasarkan kajian lepas. Kajian ini memfokuskan kepada aspek nilai dalam konteks baik hati yang dapat dijadikan nilai tambah kepada masyarakat Melayu itu sendiri. Penggunaan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat* telah dijadikan sebagai rujukan utama dalam kajian ini dengan hanya membataskan kepada empat buah cerita rakyat sahaja. Kaedah kualitatif melalui rujukan teks merupakan kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini. Bagi memperkuatkan analisis, penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu telah dijadikan landasan dalam menjayakan penyelidikan ini. Tuntasnya, nilai baik hati yang dipaparkan dalam cerita rakyat Melayu amat memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah masyarakat dan cerita rakyat yang dipaparkan juga merupakan cerminan masyarakat terdahulu.

Kajian bertajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* yang disempurnakan oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016). Kajian ini akan melihat cerita rakyat dalam genre fabel yang mengisahkan tentang kehidupan haiwan di hutan. Rentetan itu, kajian ini akan menilai dan membahaskan

berkaitan cara hidup dan budaya yang dipaparkan dalam cerita rakyat tersebut. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kepustakaan. Bagi memperkuuhkan lagi hujahan, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan agar kajian lebih tepat dan sistematik. Rujukan utama dalam kajian ini hanya memfokuskan pada satu cerita rakyat sahaja iaitu *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa gambaran haiwan dalam cerita tersebut merupakan cerminan kepada masyarakat Melayu yang melibatkan hubungan antara alam dan budaya.

Seterusnya kajian yang disempurnakan oleh Noraini Abd. Shukor (2016) yang bertajuk *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Unsur Alam merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat Melayu terdahulu dan ia mempunyai makna dan maksud yang tersendiri. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi memberikan kefahaman kepada masyarakat penggunaan tentang unsur alam yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini hanya membataskan kepada peribahasa Melayu yang menggunakan unsur alam seperti padi dan air. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Firasat digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian membuktikan bahawa peribahasa Melayu sememangnya kaya dengan penggunaan unsur alam dan ia dijadikan sebagai aturan dalam mengawal masyarakat agar mengamalkan nilai dan norma yang baik. Tuntasnya, penggunaan unsur alam sememangnya melambangkan kebijaksanaan orang Melayu dalam menghasilkan sesebuah peribahasa sehingga mampu dijadikan sebagai aturan dan rujukan kepada masyarakat.

Lagi, *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* oleh Fifi Anak Rinyuk (2017). Dalam kajian ini, pengkaji tertumpu kepada pemahaman nilai moral masyarakat Bidayuh. Pengkaji ingin mengetahui apakah nilai yang penting kepada masyarakat Bidayuh dalam kehidupan seharian mereka. Pengkaji menggunakan

kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan, analisis teks dan kajian lapangan untuk mengkaji nilai-nilai moral dan melihat sumber maklumat dari perspektif yang berbeza. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian agar hujah yang dikemukakan lebih kukuh dan berstruktur. Pengkaji mendapati bahawa masyarakat Bidayuh mempunyai banyak nilai moral yang penting bagi mereka dan nilai-nilai ini sering dikongsi melalui cerita dan tradisi. Pengkaji percaya bahawa pemahaman nilai-nilai ini penting untuk memahami masyarakat Bidayuh.

Rabiatal Adawiah Ab. Samad dan Low Kok On (2017) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Unsur dan Kearifan Tempatan Orang Bajau Dalam Kumpulan Puisi Iltizam*. Tujuan pelaksanaan kajian ini adalah bagi melihat unsur dan kearifan masyarakat tempatan tentang puisi *iltizam*. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif kerana pengkaji telah membataskan sebanyak 59 jenis puisi yang diambil dari *Antologi Puisi Iltizam* yang didalamnya mengandungi unsur dakwah. Bagi menjadikan kajian lebih teratur dan sistematik, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai wahana kepada kajian ini. Hasil kajian membuktikan bahawa *Puisi Iltizam* ini bukan sahaja berunsurkan Islam, malah turut menyampaikan mesej kepada pembaca. Natijahnya, puisi yang terdapat dalam *Puisi Iltizam* bukan sahaja mempunyai unsur dakwah dan kearifan tempatan Bajau, bahkan ia juga berfungsi sebagai pegangan hidup dan juga dijadikan sebagai kepercayaan dalam masyarakat Bajau.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob et al.,(2017) dalam kajian bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini dilakukan dijalankan berdasarkan kepada dua fokus utama iaitu meneroka dan meringkaskan cerminan moral yang wujud dalam cerita-cerita rakyat Melayu terpilih. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang berpaksikan kepada kaedah analisis teks dan kepustakaan. Kajian ini hanya membataskan kepada lima buah cerita sahaja yang terkandung dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Di samping itu, bagi mengukuhkan lagi hujahan, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Dakwah telah

digunakan oleh pengkaji. Akhir kajian mendapati bahawa cerita rakyat sememangnya memiliki cerminan masyarakat Melayu dan dapat mengenal pasti beberapa cerminan moral seperti bercakap benar, jujur, amanah dan keikhlasan. Kesimpulan, penggunaan Pendekatan Dakwah sememangnya bersesuaian untuk melihat cerminan moral yang dipaparkan dalam masyarakat melalui cerita rakyat terpilih.

Selain itu, Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) telah melengkapkan kajian bertajuk *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Puisi merupakan luahan jiwa penulis yang dicurahkan melalui tulisan dan ia disampaikan dalam bentuk karya sastera. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi membahaskan nilai jati diri masyarakat Melayu yang terkandung dalam *Kumpulan Puisi A. Aziz Deraman*. Kajian ini hanya membataskan kepada puisi bertajuk *Suara Gunung kehidupan* dan *Gelora Nurani*. Reka bentuk kajian adalah bersifat kualitatif kualitatif yang melibatkan analisis teks dan kepustakaan. Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, gunaan, firasat, dakwah dan kemasyarakatan digunakan sebagai landasan kajian. Hasil kajian membuktikan puisi yang dihasilkan oleh A. Aziz Deraman sememangnya memaparkan keaslian nilai jati masyarakat Melayu dan melalui puisi ini juga ia mampu dijadikan sebagai pedoman dan iktibar kepada masyarakat. Natijahnya, jati diri Melayu yang terdapat dalam puisi A. Aziz Deraman merupakan cerminan masyarakat Melayu yang sememangnya tinggi dengan nilai jati diri.

*Teori Moral Alamiah: Satu Gagasan* yang disempurnakan oleh Chong Ah Fok (2017). Pembentukan sesuatu teori Melayu ini bermula apabila teori-teori Barat dilihat tidak lagi sesuai digunakan dan berbeza dengan cara hidup masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji pemikiran baru yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini memberikan fokus kepada perkaitan antara Teori Moral Alamiah dengan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data yang lebih sistematik. Hasil kajian membuktikan bahawa karya-karya

sastera Melayu sememangnya sarat dengan ilmu yang berkait dunia dan akhirat kerana ia mampu untuk membentuk dan mendidik jiwa seseorang insan. Kesimpulan, setiap karya sastera yang dihasilkan boleh dijadikan sebagai iktibar dan pedoman kepada masyarakat dalam menjamin kehidupan yang lebih aman dan harmoni mahupun di dunia dan akhirat.

Seterusnya, Fadzil Yusoff (2017) telah melengkapkan kajian bertajuk *Pemaknaan Kosmologi Biotik Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini akan membahas dan membincangkan berkaitan pemaknaan menerusi kasih sayang, akhlak, kepimpinan, jati diri, kemiskinan, pendidikan, pertelaghanan ideologi, perpecahan dan kemanusiaan. Bagi memperkuuhkan kajian,pengkaji menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menjawab objektif yang ditetapkan Teori ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil kajian mendapati pemaknaan kosmologi melalui penerapan Teori Pengkaedahan Melayu mampu menterjemahkan pemikiran pengarang dalam mengetahui maksud tersirat yang cuba disampaikan oleh pengarang dan pada masa yang sama dapat memperlihatkan keindahan bahasa yang digunakan dalam penghasilan karya Sastera Melayu.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norsizan Jamian dan Zubir Idris (2017) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobat*. Kajian ini akan membahaskan berkaitan maksud kata kedutan (Denyutan) yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Denyutan merupakan satu fenomena yang berlaku kepada tubuh badan manusia yang merujuk kepada pergerakan tubuh badan yang bergerak secara sendiri tanpa mengetahui sebab yang jelas. Dalam konteks masyarakat Jawa, (denyutan) merujuk kepada satu petanda yang menjadikan sentiasa berwaspada dalam apa jua keadaan yang bakal dilalui oleh mereka nanti. Selain itu, perkara ini juga merupakan satu kepercayaan yang wujud dalam masyarakat Jawa dan mereka beranggapan adanya konsep (ingat dan waspada).

Bagi menjadikan kajian lebih berstruktur, Pendekatan Firasat digunakan sebagai landasan kajian bagi memperlihatkan fenomena yang sukar dijelaskan. Hasil kajian membuktikan bahawa kepercayaan ini masih lagi diamalkan dalam masyarakat Jawa yang berfungsi dalam menjaga setiap tindakan yang mereka lakukan agar tidak mendatangkan kesan yang buruk.

Kajian diteruskan lagi oleh Mohd Saberi Muda (2017) yang bertajuk *Puisi Ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali*. Marzuki Ali merupakan seorang penyair dan juga pelakon teater. Kajian ini bertunjang kepada mengenal dan membahaskan berkaitan puisi yang dihasilkan oleh Marzuki Ali. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif iaitu analisis teks. Kajian ini hanya membataskan kepada kumpulan puisi *Jeritan Satwa* dan *Dasila Rancau Satwa Luka Rimba Tropika*. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan bagi menjadikan kajian lebih sistematik dan teratur. Akhir kajian mendapati bahawa kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk memperlihatkan perbandingan yang wujud dalam proses kreatif menerusi pemindahan, penjelmaan, penyesuaian dan peniruan yang wujud dalam puisi-puisi yang dihasilkan oleh Marzuki Ali.

Nur Syuhada Md Ariffin dan Kamariah Kamarudin (2017) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Saintifik karya Farhan Hadi*. Kajian ini akan membahaskan berkaitan personaliti yang ada pada Al-Ghazali melalui perwatakan terpuji dan sebaliknya. Kajian ini bertunjang kepada dua matlamat iaitu mengenal pasti dan menganalisis personaliti Islam dalam novel terpilih. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan. Kajian ini hanya menggunakan novel *Tuhan Lebih Saintifik*. Bagi menjadikan analisis dan hujah lebih mantap, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dan Pendekatan Sosiologi dalam kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa dalam novel tersebut ada memaparkan watak terpuji dan tidak terpuji. Sebanyak empat watak terpuji yang berjaya dikenal pasti seperti redha, syukur, sabar dan tafakur. Manakala, perwatakan tidak terpuji pula seperti, hadas dengki, marah

dan riak. kesimpulan, melalui kajian ini ia secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai medium pengajaran dan pedoman kepada masyarakat agar melakukan hal kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Kajian bertajuk *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Idris (2018). Hikayat atau sirah nabi para nabi sememangnya akan menceritakan tentang perihal nabi khususnya dari segi dakwah agama Islam kepada masyarakat dengan menggunakan pelbagai medium penyampaian. Fokus utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sejarah para nabi yang termaktub dalam al-Quran dan al-hadis berlandaskan nilai-nilai Islam. Pengkaji telah membataskan kajian pada teks *Hikayat Nabi Adam* sahaja. Kajian berbentuk kualitatif merangkumi kaedah kepustakaan dan rujukan telah digunakan dalam penyelidikan ini. Bagi mengukuhkan lagi analisis kajian, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Keagamaan digunakan oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa hikayat yang dipilih sememnagnya mengandungi nilai-nilai Islam yang boleh memperkuatkan lagi ketakwaan insan terhadap Allah SWT di samping menyebarluaskan lagi agama Islam. Tuntasnya, melalui kajian ini jelas memperlihatkan bahawa teks yang berkait dengan nabi atau rasul sememangnya sarat dengan nilai-nilai Islam di samping dapat menyebarluaskan agama Islam dengan lebih luas.

Seterusnya, kajian bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* yang merupakan hasil kajian Che Abdullah Che Ya (2018). Kajian yang dijalankan adalah bagi mengisi kelomongan yang ada dalam novel *Bedar Sukma Bisu* berdasarkan sorotan kajian lepas. Kajian ini akan melihat kehidupan manusia dan juga kegiatan harian sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua. Kajian ini akan memfokuskan kepada dua matlamat iaitu melihat kehidupan manusia dan membahaskan karya *Bedar Sukma Bisu* yang dianggap sebagai salah satu cabang dalam melihat kehidupan masyarakat Melayu lampau. Kajian

ini melibatkan kaedah analisis teks dan rujukan kepustakaan. Pengkaji hanya membataskan kajian berdasarkan novel *Bedar Sukma Bisu* karya Faizal Tehrani dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka dalam menyempurnakan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa karya sastera mampu memaparkan cerminan sikap dan pegangan dalam diri seseorang malah juga berfungsi sebagai rakaman tentang sesuatu peristiwa yang telah berlaku dalam kehidupan masyarakat terdahulu.

Seterusnya, kajian bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kajian ini dijalankan kerana terdapat segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa naratif lisan merupakan bahan atau cerita yang tidak berfaedah dan tidak menyumbang kepada kehidupan. Rentetan itu, kajian ini dijalankan berpaksikan kepada dua perkara iaitu menyingkap dan membahaskan berkaitan nilai-nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif yang terdiri dari analisis teks dan kepustakaan. Kajian hanya dibataskan di kawasan Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan dan sebanyak 43 buah naratif lisan yang diperolehi melalui informan yang menetap di kawasan kajian. Bagi mengukuhkan lagi hujahan dan analisis, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian membuktikan nilai-nilai murni sememangnya terkandung dalam naratif lisan dan ia berfungsi sebagai alat dalam membentuk akhlak masyarakat Melayu dan juga bertepatan dengan norma-norma masyarakat Melayu yang begitu tinggi akan nilai dan kesopanan.

Selain itu, *Sajak-sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah* yang disempurnakan oleh Pg Haji Yakub Pg Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018). Kajian ini dijalankan kerana mendapati adanya kelompongan berdasarkan kajian-kajian lepas. Kajian ini akan merungkai aspek ketuhanan yang

terkandung dalam sajak-sajak yang mengangkat keagungan Allah SWT. Kajian ini juga akan memfokuskan kepada mengenal pasti dan menganalisis unsur ketuhanan yang terdapat dalam sajak-sajak Badaruddin H.O. Kaedah kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kepustakaan digunakan sepanjang kajian. Pengkaji telah membataskan sebanyak enam sajak yang dihasilkan oleh Badaruddin H.O antaranya, *Episode-episode Tsunami Takdir Itu Begini, Tongkat Putih, Di Malam Kudus Ramadhan, Meski Rumah Mu Di Akhirat, Istighfar Rejab dan Zat Bukan Bayangku*. Bagi memperkuatkan lagi hujahan, Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Dakwah diaplikasikan dalam kajian. Akhir kajian membuktikan bahawa sajak-sajak yang dihasilkan oleh Badaruddin H.O sememangnya kaya dengan nilai-nilai khususnya keagamaan yang dapat membentuk dan mendidik jiwa dan diri seorang manusia yang merupakan hamba kepada Allah SWT.

*Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* yang disempurnakan oleh Qurratul ‘Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2018) kerana kajian ini akan meringkaskan berkaitan pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan konteks “introspeksi” yang berkait dengan proses cerminan atau refleksi diri. Kajian ini bertitik tolak dari kelompongan kajian lepas yang kurang diberikan perhatian oleh para sarjana. Kajian ini akan memfokuskan kepada menyingkap perilaku yang digambarkan oleh Rasulullah dan membahaskan berkaitan introspeksi menerusi penggunaan diksi dan metafora. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kepustakaan. Pengkaji hanya membataskan kepada penggunaan ayat “introspeksi” menerusi puisi-puisi yang terkandung dalam *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* di samping menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan Dakwah. Hasil kajian mendapati puisi-puisi yang dihasilkan oleh Zaen Kasturi ini mampu untuk membentuk amanat melalui perkataan introspeksi yang didapati dalam puisi.

Prinsip dan Konsep Teori Moral Alamiah dalam Novel S.A.B.A yang dilengkarkan oleh Chong Ah Fok (2018). Kajian ini dijalankan bagi menerapkan prinsip dan konsep pendekatan moral berdasarkan novel S.A.B.A pada tahun 2018. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan rujukan teks di samping menerapkan Teori pengkaedahan Melayu sebagai gagasan kajian. Hasil kajian membuktikan adanya keharmonian, kepelbagaian dan keseimbangan dalam novel tersebut. Natijahnya, novel S.A.B.A sememangnya mengandungi unsur dan nilai ketuhanan yang boleh dijadikan sebagai panduan, rujukan dan iktibar kepada para pembaca dan juga pengkaji.

Seterusnya, Wan Nurzafirah Wan Zin (2019) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Matlamat kajian ini dilaksanakan adalah bagi menyingkap permasalahan yang timbul berkait nilai moral berdasarkan cerpen terpilih dan membahaskan dengan lebih rinci. Kajian ini hanya memfokuskan kepada *Cerpen Saat Terakhir* dan *Cerpen Tanah Ke Tanah*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kepustakaan. Bagi menjadikan kajian lebih sistematik Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Moral diaplikasikan dalam kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa kedua-dua cerpen yang dianalisis sememangnya terkandung nilai moral dan ia merupakan perkara yang baik. Melalui nilai moral yang terdapat dalam cerpen terpilih ia dapat dijadikan rujukan dan juga nasihat kepada masyarakat dan juga diri sendiri.

Seterusnya, Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) telah menyempurnakan kajian bertajuk *Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Novel merupakan curahan idea dan buah fikiran penulis dalam bentuk tulisan. Rentetan itu, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana keberkesanan dan ideologi yang cuba disampaikan melalui penulisannya. Kajian ini hanya menggunakan novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah sebagai rujukan utama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menerapkan Teori Pengkaedahan melayu sebagai landasan dan memperkuuhkan hujahan dan analisis kajian. Hasil kajian

membuktikan bahawa novel juga boleh dijadikan sebagai medium dalam menyampaikan dakwah dan ajaran agama Islam khususnya. Natijahnya, melalui ideologi dan penulisan yang mantap dalam sesebuah novel, ia mampu bertindak sebagai alat dan rujukan kepada masyarakat di samping membentuk perilaku yang terpuji.

Kajian seterusnya bertajuk *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* yang disempurnakan oleh Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019). Pengkaji terpanggil untuk melakukan kajian kerana adanya kelomongan daripada kajian lepas kerana novel *Ayahanda* kurang mendapat tempat di hati para sarjana. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan membahaskan berkaitan perkembangan awal sahsiah anak muda berdasarkan Surah Luqman. Pengkaji hanya membataskan kepada novel *Ayahanda* sahaja. Seterusnya, reka bentuk yang digunakan adalah bersifat kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks. Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan pula digunakan sebagai deduktif dalam mencapai objektif kajian. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa novel *Ayahanda* terselit kisah yang boleh mendidik dan membentuk masyarakat ke arah kebaikan dan pada masa yang sama juga mengajar masyarakat untuk menjauhkan diri dari perkara yang mungkar dan mendatangkan kesan negatif di dalam kehidupan.

Seterusnya, *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu* yang disempurnakan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Akal budi merupakan sebuah anugerah yang dikurniakan oleh Allah hanya kepada manusia. Rentetan dari sorotan kajian-kajian lepas mendapati bahawa kajian berkaitan akal budi dalam konteks cerita rakyat kurang mendapat tempat. Justeru, penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengisi ruang dalam kajian cerita rakyat. Kajian ini mempunyai dua matlamat yang menjadi fokus utama iaitu untuk mengetahui dan memperincikan berkaitan akal budi yang terkandung dalam naratif lisan terpilih. Penyelidikan yang dijalankan ini hanya tertumpu pada naratif lisan yang ditumpukan melalui penduduk di

Kota Bharu yakni sebnayk 10 jenis naratif lisan. Reka bentuk yang digunakan oleh pengkaji adalah kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual, kepustakaan dan kerja-kerja lapangan bagi mendapatkan kesahihan dari segi maklumat yang diperoleh. Bagi memantapkan lagi hujahan dalam penyelidikan, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan dijadikan sebagai dasar kepada kajian ini. Hasil kajian memperlihatkan bahawa akal budi seperti ikhlas, berani, rasional dan buah fikiran merupakan akal budi yang dipamerkan oleh masyarakat melalui naratif lisan di Kota Bharu. Tuntasnya, akal budi yang dipamerkan boleh menjadi asbab kepada pembentukan akhlak seseorang insan khususnya kepada kanak-kanak.

Seterusnya, Nur Shahirah Othman (2020) telah melaksanakan penelitian bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan kerana adanya kelopongan kajian lepas yang belum lagi dijalankan oleh mana-mana sarjana. Cerita Rakyat merupakan sebuah cerita yang telah wujud sejak zaman nenek moyang lagi dan ia bukan sekadar hiburan semata, malah turut menyelitkan mesej dan nilai-nilai yang berguna kepada masyarakat. Kajian ini berpaksikan kepada mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang dipaparkan melalui cerita rakyat terpilih kerana cerita rakyat tersebut hanya diambil dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks. Manakala, Teori Pengkaedahan Melayu pula dijadikan sebagai landasan dalam menyempurnakan analisis dan hujahan. Hasil kajian membuktikan bahawa akal budi yang dipaparkan dalam cerita rakyat merupakan cerminan kepada masyarakat Melayu dan bersesuaian untuk dijadikan sebagai alat dalam membangunkan nilai positif dalam kalangan masyarakat.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad (2021) telah melengkapkan kajian bertajuk *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada

unsur kedinamikan citra masyarakat berdasarkan novel-novel remaja terpilih. Tujuan kajian ini adalah bagi mengenalpasti, menganalisis dan membuat rumusan berkaitan unsur kedinamikan citra masyarakat. Pengkaji hanya membataskan kepada kepada tiga buah novel remaja antaranya, *Melaka Sinar Karya* Sunita Sahidin, *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dan *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif yang terdiri dari rujukan teks dan kepustakaan. Teori Pengkaedahan Melayu pula digunakan sebagai landasan bagi mengukuhkan hujah dan analisis kajian. Kesimpulan, hasil kajian mendapati adanya pelbagai kedinamikan citra masyarakat dalam novel yang dapat dijadikan sebagai pedoman dan panduan kepada masyarakat untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Jamail Masador, Abdul Halim dan Azhar Wahid (2021) melalui penyelidikan bertajuk *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah*. Tangon merupakan istilah yang digunakan oleh masyarakat di Sabah yang bermaksud cerita rakyat. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah kerana kurangnya perhatian dari golongan muda terhadap nilai kepimpinan yang wujud dalam *tangon*. Kajian ini hanya dibataskan kepada tiga buah *tangon* sahaja dan melibatkan kaedah temu bual dan kerja-kerja lapangan. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan Alamiah diaplikasikan oleh pengkaji bagi mendapatkan analisis yang dikukuhkan dengan hujahan yang relevan. Hasil kajian mendapati bahawa keberanian, semangat juang, berkorban dan sikap keterbukaan merupakan nilai-nilai kepahlawanan yang dipaparkan dalam cerita rakyat tersebut. Natijahnya, nilai-nilai yang ditemukan tersebut merupakan cerminan masyarakat Kimaragang yang sehingga kini berjaya mempengaruhi kaum tersebut.

*Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* yang disempurnakan oleh Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengungkap cerminan masyarakat yang dipaparkan melalui cerita rakyat terpilih. *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dijadikan sebagai rujukan utama kepada kajian ini dan pengkaji hanya

membataskan kepada 10 buah cerita sahaja. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berkonsepkan kualitatif yang membabitkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu diterapkan dalam kajian ini dan dijadikan sebagai landasan dalam menganalisis objektif kajian. Hasil kajian mendapat terdapat tiga citra masyarakat yang dipaparkan melalui cerita rakyat terpilih antaranya kepercayaan kepada tuhan, kasih sayang dan kerjasama. Natijahnya, citra masyarakat yang digambarkan melalui cerita rakyat merupakan cerminan kepada masyarakat Melayu yang mengutamakan keperibadian yang baik dan perilaku terpuji.

Seterusnya, kajian yang disempurnakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Masyarakat kini menganggap bahawa cerita rakyat merupakan sebuah cerita yang tidak mendatangkan faedah. Justeru itu, pernyataan tersebut telah mendorong kajian ini dilakukan bagi melihat akan nilai peradaban masyarakat Melayu melalui cerita rakyat yang dikumpulkan di Tumpat, Kelantan dengan membataskan kepada empat buah cerita rakyat. Metodologi bagi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan memberi penekanan terhadap kaedah kepustakaan dan temubual. Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu telah diterapkan oleh pengkaji sebagai landasan bagi menjawab objektif yang telah kemukakan. Oleh itu, kajian ini telah memperlihatkan gambaran nilai ketamadunan seperti bantu-membantu, hormat-menghormati, beriman dan rendah hati. Natijahnya, melalui nilai ketamadunan yang dipaparkan ini secara tidak langsung dapat memberikan nilai tambah kepada masyarakat dalam melahirkan masyarakat yang lebih mempunyai keperibadian yang baik.

Kajian seterusnya disempurnakan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan (2021) dengan tajuk *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi*. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah bagi melihat sejauhmanakah keberhasilan cerita rakyat yang telah dianimasikan terhadap golongan

kanak-kanak dan remaja. Teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Di Malaysia* dijadikan sebagai panduan utama kerana sebanyak lima buah cerita rakyat sahaja telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian ini berbentuk kualitatif yang tertumpu pada kaedah kepustakaan dan analisis teks. Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan gunaan merupakan teori yang digunakan oleh pengkaji agar analisis kajian yang dikemukakan lebih kukuh. Hasil kajian mendapati bahawa perwatakan seperti jujur, patuh, merendah diri, bijaksana, setia dan baik hati. Tuntasnya, watak dan perwatakan yang dianimasikan lebih menarik minat golongan kanak-kanak dan remaja untuk lebih mendekati cerita rakyat.

Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah menyempurnakan kajian berkaitan *Adat Dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu*. Teromba merupakan salah satu warisan Melayu dan di dalamnya mengandungi pelbagai unsur untuk memperlihatkan keindahan yang ada pada teromba tersebut. Oleh hal demikian, kajian ini dilakukan dengan memfokuskan kepada dua aspek iaitu mengenalpasti dan meneliti berkaitan adat yang wujud dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Pengkaji membataskan kepada teks Teromba hasil karya Mohd Rosli Saludin. Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Bagi memantapkan lagi kajian, Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian. Hasil kajian memperlihatkan wujudnya pembentukan budaya dalam masyarakat Minangkabau yang dipaparkan melalui teromba dan mereka menjadikannya sebagai salah satu adat yang harus diikuti. Natijahnya, unsur-unsur yang terdapat dalam teromba tersebut jelas mencerminkan unsur Kemelayuan yang digambarkan melalui bentuk tulisan.

Fadzillah Kassim dan Norazimah Zakaria (2021) telah melakukan kajian bertajuk *Fungsi Binatang Dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Pantang larang merupakan sebuah peraturan yang merujuk kepada larangan tentang sesuatu perkara dan diperturunkan turun-temurun. Kajian ini bertujuan untuk

mengetahui unsur dan juga fungsi binatang yang wujud dalam pantang larang Melayu. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kepustakaan. Pengkaji telah membataskan kajian terhadap teks *Pantang Larang Orang Tua-tua Kepada Anak Cucunya* (1948). Bagi menjadikan analisis lebih berstruktur, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat diaplikasikan dalam kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa binatang yang terdapat dalam pantang larang Melayu berkait rapat dengan alam dan berfungsi sebagai pembawa makna tersirat dan juga sebagai simbolik kepada kecerdikan masyarakat Melayu. Natijahnya, pantang larang dan juga binatang mempunyai perkaitan dengan alam dan juga berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian diteruskan lagi oleh Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi dan Noordiana Ab. Jabar (2022) dengan tajuk *Kisah Sang Kancil dan Harimau sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Kajian ini akan memfokuskan kepada watak binatang yang terkenal dengan kecerdikan iaitu Sang Kancil. Kajian ini telah menetapkan kepada dua matlamat iaitu menyingkap nilai budaya dan kesan nilai tersebut terhadap kanak-kanak. *Kisah Sang Kancil dan Harimau* dijadikan sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan kepustakaan dan analisis teks. Bagi mengukuhkan lagi analisis kajian, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral digunakan sebagai landasan sepanjang kajian dijalankan. Hasil kajian mendapati sebanyak 10 nilai budaya yang berjaya dikenalpasti dan nilai-nilai tersebut berpotensi dalam mempengaruhi psikologi kanak-kanak.

Kajian bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral* yang disempurnakan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini dijalankan kerana timbulnya permasalahan dalam kanak-kanak ekoran perkembangan teknologi yang kian pesat sehingga menyebabkan

munculnya beberapa perkara yang kurang elok. Rentetan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan membahaskan berkaitan nilai-nilai kemanusian yang terkandung dalam cerita rakyat terpilih agar dapat melahirkan kanak-kanak yang memiliki jati diri yang elok. Kajian ini hanya dibataskan kepada kawasan Tumpat, Kelantan sahaja dan pengkaji hanya telah memilih sebanyak enam buah cerita rakyat untuk diteliti. Reka bentuk kajian melibatkan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi mendapatkan data yang lengkap dan sahih. Bagi menjadikan kajian lebih berstruktur, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral digunakan dalam kajian. Hasil kajian membuktikan nilai kemanusiaan seperti belas kasihan, bertanggungjawab dan ikhlas terdapat dalam cerita rakyat terpilih. Natijahnya, nilai-nilai kemanusian yang dipaparkan dalam cerita rakyat boleh dijadikan sebagai pedoman dan rujukan khususnya dalam membentuk jati diri kanak-kanak ke arah yang lebih baik.

Selain itu, Tuan Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) telah melengkapkan kajian bertajuk *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kebudayaan merujuk kepada suatu peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bertunjangkan kepada mengenal dan menganalisis unsur kebudayaan yang terdapat dalam teks naratif lisan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah bersifat kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks. Pengkaji telah membataskan sebanyak sembilan buah cerita yang terdapat teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Bagi mengukuhkan lagi hujahan dan analisis, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai deduktif kajian dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian membuktikan bahawa unsur kebudayaan boleh hadir dari pelbagai sudut seperti kebudayaan dari segi kemasyarakatan, peralatan hidup, agama, pengetahuan, kepercayaan atau teknologi dan kesenian. Natijahnya, melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan

kebudayaan dan ia diceritakan secara meluas tentang bagaimana kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) telah menerbitkan sebuah makalah bertajuk *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengisi kelomongan yang wujud dalam kajian cerita rakyat khususnya dalam konteks akal budi. Kajian ini akan memberikan fokus kepada akal budi yang dipaparkan dalam cerita rakyat bagi tujuan mengenal pasti dan menganalisis. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Pengkaji hanya memfokuskan kajian cerita rakyat yang terdapat di daerah Tumpat, Kelantan sahaja. Bagi memperkuuhkan lagi analisis dan hujahan, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pengkaedahan Alamiah telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa akal budi sememangnya dipaparkan dalam cerita rakyat. Antara akal budi yang berjaya dikenalpasti seperti sabar, toleransi, saling bergantung dan mengawal hawa nafsu. Tuntasnya, akal budi yang dipaparkan dalam cerita rakyat sememangnya boleh dijadikan sebagai pedoman dan juga rujukan kepada masyarakat dalam membentuk diri dan tingkah laku ke arah yang lebih baik di samping melatih minda untuk berfikir sebelum melakukan sesbuah keputusan.

*Transkripsi Lagu Rakyat dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* yang disempurnakan oleh Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022). Kajian ini dijalankan bagi mengisi kelomongan terhadap kajian-kajian lepas. Kajian ini memfokuskan kepada transkripsi cerita rakyat kepada lagu rakyat. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif yang terdiri dari rujukan teks dan kepustakaan serta melibatkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan kajian. Hasil kajian membuktikan lirik lagu yang dihasilkan berdasarkan cerita rakyat masih mengkalkan nilai-nilai dan keindahan yang wujud dalam cerita rakyat dan pada masa

yang sama dapat memberikan pedoman kepada pendengar. Natijahnya, melalui penghasilan lagu berdasarkan cerita rakyat ia secara tidak langsung dapat menjamin kewujudan cerita rakyat dan mengurangkan berlakunya kepupusan terhadap cerita rakyat.

Mohd Saipuddin Suliman et al., (2022) telah melengkapkan kajian bertajuk *Pendekatan Moral dan Aplikasi Dalam Teks Kumpulan Drama Zaman Yang Mencabar Karya Agi*. Kajian ini dijalankan adalah untuk menginterpretasikan kumpulan Drama Zaman Yang Mencabar dengan menerapkan Pendekatan Moral sebagai deduktif kajian. Kajian ini hanya memfokuskan kepada kumpulan drama *Zaman Yang Mencabar* hasil karya Abdul Ghaffar Ibrahim. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif melalui rujukan dan analisis teks. Hasil kajian mendapati Pendekatan Moral memainkan peranan penting dalam mengenal pasti tema dan juga persoalan-persoalan yang cuba disampaikan melalui drama *Zaman Yang Mencabar*.

Seterusnya, kajian bertajuk *Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu* yang dijalankan oleh Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek dan Sara Beden (2022). Kajian ini dilaksanakan adalah dengan memberikan fokus kepada mesej keagamaan yang cuba disampaikan melalui novel *Aus Benua* karya Noor Ariff Yusoff. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis teks. Pengkaji menggunakan novel *Aus Benua* sebagai rujukan utama serta menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu yang melibatkan pendekatan gunaan, kemasyarakatan, firasat, seni dan moral. Hasil kajian membuktikan bahawa mesej agama yang disampaikan melalui novel *Aus Benua* berfungsi sebagai alat seruan kepada pembaca untuk mentaati segala perintah Allah SWT. Tuntasnya, pengarang berjaya menyampaikan mesej dan juga unsur-unsur keagamaan dalam karya yang dihasilkan sehingga mendatangkan manfaat kepada pembaca.

*Unsur Nilai dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)* yang disempurnakan oleh Eieffa Yuhanis Roslan (2022). Kajian ini bertitik tolak daripada kelompongan kajian-kajian lepas kerana teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* masih betul diterokai dengan sepenuhnya. Kajian ini akan memfokuskan kepada aspek nilai yang terkandung dalam teks tersebut. Pengkaji menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai rujukan utama. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif merangkumi kepustakaan dan teks serta penerapan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Hasil kajian menunjukkan cerita rakyat yang terkandung dalam teks tersebut sememangnya kaya nilai-nilai yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan khususnya kepada masyarakat agar dalam melahirkan masyarakat yang bersifat harmoni.



## 2.4 Penutup

Natijahnya, melalui pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas dan juga tinjauan melalui artikel-artikel atau makalah yang dihasilkan oleh para sarjana lepas khususnya dalam konteks karya sastera berkaitan cerita rakyat, puisi, novel dan sebagainya dilihat mendapat tempat di hati dan juga jiwa para sarjana. Perkara ini jelas membuktikan bahawa para sarjana atau pengkaji begitu menghargai setiap hasil karya sastera yang dihasilkan dan ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh para pengkaji terhadap satu-satu karya dan pada masa sama turut memberikan manfaat kepada orang lain. Selain itu, melalui sorotan kajian lepas ini juga dapat membuktikan bahawa kebanyakan sarjana-sarjana lepas lebih tertarik untuk mengupas, merungkai dan mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan nilai. Nilai-nilai tersebut merangkumi nilai murni, moral, Islam dan sebagainya yang wujud dalam genre cerita rakyat. Perkara ini sememangnya tidak dapat disangkal kerana cerita rakyat sememangnya kaya dan sarat dengan nilai dan perkara-perkara yang positif yang boleh dijadikan panduan rujukan dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati kajian berkaitan sistem sosial dalam cerita rakyat kurang mendapat perhatian dan masih wujud kelompongan dalam kajian ini. Justeru itu, pengkaji melaksanakan kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompongan terhadap kajian-kajian lepas.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Pada bahagian ini akan menerangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah kajian dan teori secara terperinci. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif yang mendasari terhadap kaedah kepustakaan dan teks. Selain itu, teori Pengkaedahan Melayu di jelaskan secara mampu untuk membuktikan beberapa penemuan aspek-aspek penting yang dapat dijadikan landasan untuk dianalisis terhadap aspek-aspek sistem sosial.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan teks.

#### 3.3 Kaedah Kajian

Pendekatan kualitatif merupakan kaedah yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat-maklumat yang bertepatan dengan tajuk kajian iaitu Sistem Sosial dalam *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang akhirnya akan membawa kepada satu penulisan penyelidikan yang sistematik dan berilmiah.

### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Kaedah kepustakaan telah digunakan oleh pengkaji bagi mengesan dan mengumpulkan data serta maklumat-maklumat yang berkaitan, relevan dan bersesuaian dengan tajuk kajian dengan lebih terperinci. Kaedah tersebut merangkumi pembacaan dan pencarian menerusi jurnal, teks, artikel akhbar, laman sesawang, tesis dan bahan-bahan cetakan lain. Selain itu, penggunaan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan yang bermula pada 2 April 2023 turut dijadikan sebagai tempat untuk pengkaji mendapatkan sumber, data dan bahan kajian tambahan agar dapat memperkuatkan lagi hujahan dalam analisis kajian.


### 3.3.2 Rujukan Teks Atau Dokumen

Kaedah rujukan teks merupakan pokok dan nadi utama dalam memberikan gambaran kepada penyelidikan ini. Hal ini, kerana teks yang telah dipilih oleh pengkaji merupakan teks yang bakal digunakan sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan. Melalui kaedah ini, pengkaji akan melalui beberapa proses dan fasa antaranya seperti proses membaca, memahami, meneliti dan membuat analisis khususnya berkaitan fokus utama kajian iaitu sistem sosial yang terkandung dalam naratif lisan menerusi teks yang dipilih iaitu *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021. Teks ini mengandung 120 halaman bercetak dan di dalamnya terkandung 51 buah naratif lisan yang dipecahkan kepada empat jenis genre. Di samping itu, pengkaji memilih teks ini adalah kerana kandungan yang terdapat dalam teks tersebut begitu sarat akan sistem sosial dan sebagainya. Oleh sebab itu, pengkaji memilih teks tersebut kerana didalamnya terkandung sistem sosial yang akan dikeluarkan dan dipaparkan dan seterusnya akan melalui proses analisis pada bahagian seterusnya iaitu bab empat dengan lebih mendalam.

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori yang dipilih dan dijadikan sebagai landasan oleh pengkaji dalam menyempurnakan dan mengukuhkan lagi analisis kajian. Teori ini dipelopori oleh Hashim Awang. Teori ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 kerana teori ini untuk pertama kalinya dibentangkan di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Tambah beliau, tujuan teori ini diperkenalkan adalah untuk memudahkan para sarjana atau pengkaji mengaplikasikan teori ini dalam menganalisis karya-karya sastera tempatan. Hal ini, kerana beliau menyedari akan ketidakserasan, kelemahan dan kekurangan yang ada dalam teori-teori Barat apabila ia diaplikasikan dalam kajian kesusasteraan atau karya-karya Melayu. Hal ini, kerana kebanyakan teori-teori Barat yang diperkenalkan tidak sesuai untuk digarap dengan karya tempatan kerana adanya jurang yang membezakan antara timur dan barat iaitu cara dan budaya hidup masyarakat Melayu yang amat berbeza dengan masyarakat Barat. Justeru itu, teori ini diperkenalkan bagi mengisi kelomongan yang wujud dalam teori-teori Barat. Dalam usaha untuk menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu ini telah di dalam kajian, maka teori ini telah dipecahkan kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan kerana teori ini dianggap lebih sesuai untuk mengkaji karya tempatan. Daripada kedua-dua pengkaedahan tersebut ia dipecahkan pula kepada beberapa pendekatan. Pengkaedahan Alamiah dipecahkan kepada pendekatan moral, pendekatan firasat dan pendekatan gunaan. Manakala, Pengkaedahan Keagamaan juga dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan seni.

Tuntasnya, kemunculan Teori Pengkaedahan Melayu ini telah membuka ruang dan peluang pengkaji mahupun pengkritik sastera dalam menjalankan penyelidikan terhadap karya-karya tempatan.



Carta 3.4: Teori Pengkaedahan Melayu


### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Hashim Awang (1993), mendefinisikan Pengkaedahan Alamiah ini sebagai sebuah kaedah yang didasari oleh sikap atau cara hidup masyarakat Melayu kerana mereka beranggapan bahawa alam adalah sebahagian dari keperluan dan kehidupan. Hal ini, kerana alam merupakan penyumbang utama dalam kehidupan sehari-hari mereka yang merangkumi pencarian atau pekerjaan, pengajaran, pengalaman dan kebajikan. Jika dilihat dengan lebih mendalam, masyarakat Melayu pada waktu dahulu sangat percaya akan kejadian alam yang berkait dengan animisme dan semangat kerana mereka percaya bahawa setiap alam mempunyai penunggu dan dapat memberikan semangat yang luar biasa kepada mereka.

Hashim Awang (2002), memberikan kenyataan bahawa kewujudan Pengkaedahan Alamiah ini didasari oleh corak dan gaya hidup masyarakat Melayu terdahulu yang menjadikan separuh kehidupan mereka dimiliki oleh alam atau dengan lain kata, masyarakat Melayu terdahulu mengabdikan diri pada alam. Kenyataan ini disokong oleh

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang menyatakan bahawa alam dijadikan sebagai faktor utama kepada manusia untuk mendapatkan pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan. Hal ini, kerana masyarakat terdahulu sering mengaitkan perkara-perkara yang ada di sekeliling mereka kemudian mencerahkannya ke dalam karya atau penulisan. Dalam pada itu, Pengkaedahan Alamiah ini juga boleh diertikan sebagai cara, sikap atau cerminan kehidupan masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian kehidupan. Bukan itu sahaja, jika ditelusuri, pengkaedahan ini juga merupakan gambaran perilaku masyarakat Melayu yang telah dicatatkan dalam sebuah kitab popular yang menjadi panduan dan rujukan dalam kalangan masyarakat terdahulu dan kitab tersebut dikenali sebagai *Taj al-Muluk*. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para sarjana berkaitan Pengkaedahan Alamiah sebenarnya menerangkan perkara seakan sama sahaja iaitu alam kerana alam yang diciptakan oleh Allah SWT ini sememangnya mendatangkan manfaat kepada kehidupan harian manusia sedari dulu lagi, bahkan melalui alam juga telah mendorong manusia untuk terus berinovasi sehingga kini.

Tuntasnya, bagi menjadikan Pengkaedahan Alamiah ini lebih jelas dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan, maka pengkaedahan ini telah dipecahkan kepada tiga pendekatan yang terdiri dari Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.



Carta 3.4.1 Jenis Pengkaedahan Alamiah

### 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan merujuk kepada pendekatan yang bersandarkan kepada alam sebagai ciptaan Allah SWT, manakala karya sastera pula dianggap sebagai salah satu daripada sumber alam tersebut yang terhasil daripada keizinan Allah SWT. Jika ditelusuri, pendekatan ini memfokuskan kepada kegunaan dan kewajiban yang wujud dalam sastera sama ada ia terhasil dari aspek isi mahupun tatasusila. Hashim Awang (2002) pula menyatakan bahawa Pendekatan Gunaan menyumbang peranan yang besar khususnya terhadap kegunaan dan kebajikan sastera, baik dari aspek isi atau bentuknya yang berteraskan kepada ketatasusilaan dan kebajikan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang turut membahaskan bahawa Pendekatan Gunaan merupakan pendekatan yang melihat karya-karya sastera sebagai salah satu objek alam. Dengan kata lain, Tuhan menciptakan manusia dan manusia menghasilkan karya dan karya-karya yang dihasilkan adalah dengan izin Allah SWT.

Di samping itu, melalui pendekatan gunaan juga dilihat mampu untuk menjadikan alam sebagai suatu objek dan setiap kejadian alam yang berlaku mempunyai asbab, hikmah dan tujuan yang tersendiri. Dalam pada itu, pendekatan gunaan juga ini secara tidak langsung dapat membuka ruang serta peluang kepada pengkritik dalam mengaplikasikan kritikan terhadap sesebuah karya sastera. Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa Pendekatan Gunaan itu memiliki ciri-ciri tersendiri dan ia boleh dicitrakan menerusi elemen-elemen yang berkait dengan kepercayaan yang dapat merungkai makna dalam sastera itu sendiri dengan konsep bahawa sekiranya sesuatu itu terjadi adalah disebabkan atas keinginan dan kehendakNya. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para sarjana berkaitan Pendekatan Gunaan dapat disimpulkan bahawa setiap karya sastera yang dihasilkan merupakan hasil alam. Hal ini, kerana karya sastera dan alam merupakan dua perkara yang saling berkait dan saling melengkapi yang akhirnya akan membawa kepada pembentukan pemikiran masyarakat Melayu bahawa setiap perkara yang berlaku merupakan kurniaan dan izin dari Allah SWT. Tuntasnya, Pendekatan Gunaan ini merujuk kepada kejadian atau hal yang berkaitan dengan alam dan Tuhan selaku pemilik alam dan dia lah yang berkehendak atas segala apa yang berlaku.

#### 3.4.1.2 Pendekatan Moral

Seterusnya, Pendekatan Moral yang merupakan sandaran kepada Pendekatan Gunaan tetapi kejadian alam yang dimaksudkan bukanlah kewujudan sesuatu perkara melainkan sifat dan pengalaman hidup. Berbeza dengan Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral ini bukan hanya memusatkan kepada sesuatu keadaan yang melibatkan moral tetapi turut melibatkan pengalaman dan pengetahuan manusia. Antaranya seperti kemasyarakatan, kejiwaan, kepercayaan dan lain-lain. Hashim Awang (1999) menerangkan bahawa Pendekatan Moral ini merupakan suatu perkara yang dapat mendatangkan dan memberikan manfaat yang lebih besar berbanding fungsinya

sebagai sesuatu yang membawa maksud dan perkara tersebut dapat memberikan kesan dalam pembentukan jati diri manusia. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang mentakrifkan bahawa karya sastera bukan sahaja sebagai bahan bacaan semata bahkan ia kaya dengan nilai dan tauladan yang dapat memperbaiki serta meningkatkan kehidupan ke arah yang lebih baik. Natijahnya, apa yang dapat disimpulkan berkaitan Pendekatan Moral adalah setiap karya mampu memperlihatkan dua perkara utama iaitu pengalaman dan juga ilmu sama ada melalui perkara positif maupun negatif.


#### 3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Pecahan yang terakhir dari Pengkaedahan Alamiah ini adalah Pendekatan Firasat. Pendekatan Firasat boleh diertikan sebagai suatu fenomena alam yang juga mampu untuk membawa kepada pembentukan sifat manusia. Sama seperti Pendekatan Moral. pendekatan ini juga bertunjangkan kepada fenomena atau kejadian alam yang dapat menghasilkan pengalaman dalam kehidupan seseorang insan. Fenomena alam yang dimaksudkan boleh berlaku atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kejadian alam yang berkait dengan mimpi. Manakala menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) pula menyatakan bahawa mimpi merupakan sebahagian pemberian daripada Allah SWT dan ia berkait rapat dengan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Melayu khususnya yang beragama Islam. Berdasarkan konteks masyarakat terdahulu, mereka mempercayai mimpi sebagai sebuah petunjuk sekiranya mereka berada dalam kebuntuan. Bagi masyarakat Melayu terdahulu, mereka seringkali beranggapan bahawa setiap mimpi itu mempunyai makna di sebaliknya. Pendekatan Firasat berdasarkan pandangan dari Hashim Awang (1999) dalam konteks sastera menyatakan bahawa firasat merupakan gambaran atau lambang awal yang menceritakan sesuatu kejadian. Oleh hal demikian, melalui Pendekatan Firasat ini, secara tidak langsung dapat melahirkan sebuah konsep denotasi dan konotasi kerana konsep tersebut memerlukan

tafsiran dari pembaca dalam memahami apa yang cuba disampaikan oleh karya melalui penulisanya.

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan pula boleh ditakrifkan sebagai sebuah pengkaedahan yang berasaskan kepada akidah Islam dengan memberikan tumpuan kepada nilai ketakwaan dan keimanan. Menurut Hashim Awang (1993) menyatakan bahawa Pengkaedahan Keagamaan merupakan sebuah pendekatan yang bersandarkan kepada keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Hal ini, kerana Pengkaedahan Keagamaan ini amat berkait rapat dengan agama Islam kerana pengkaedahan ini menggunakan al-Quran dan hadis sebagai rujukan utama. Hal ini secara tidak langsung akan membawa kepada pembentukan sifat-sifat kagum terhadap kekuasaan Allah di samping meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT. Pengkaedahan Keagamaan ini memberikan penekanan kepada unsur-unsur keislaman yang merangkumi, akidah, syariat dan sebagainya. Melalui pengkaedahan ini juga secara tidak langsung dapat memperlihatkan nilai-nilai keislaman yang harus diikuti khususnya oleh umat Islam sepetimana yang telah dituntut oleh syarak. Rentetan daripada pengkaedahan tersebut, maka ia dipecahkan pula kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni kerana setiap pendekatan tersebut saling berkait.



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

### 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah merupakan sebuah pendekatan yang menekankan kepada persoalan yang berkaitan dengan sifat-sifat dan keagungan Allah SWT khususnya yang terkandung dalam karya atau penulisan. Hashim Awang (1999) merincikan bahawa Pendekatan Dakwah ini merujuk kepada persoalan yang membawa kepada aspek yang berkait dengan perspektif Islam sehingga menimbulkan rasa kecintaan yang menggunung terhadap Allah SWT. Pendekatan Dakwah dalam konteks sastera merupakan suatu saluran dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Hal ini, kerana dalam Pendekatan Dakwah ini akan melihat ke dalam konteks berkait dengan keagungan, kekuasaan dan kebesaran Allah. Dalam pada itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), turut memberikan pandangan berkaitan Pendekatan Dakwah kerana pendekatan ini lebih memberikan penekanan kepada aspek-aspek yang melibatkan sifat-sifat kebesaran dan keagungan Allah SWT. Keindahan akan aspek-aspek agama yang ada dalam agama Islam telah menjadikan agama ini unggul dan kaya dengan nilai-nilai yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan

mereka yang berada dalam agama tersebut yakni agama Islam. Tuntasnya, tujuan Pendekatan Dakwah diwujudkan adalah untuk melihat aspek keislaman yang wujud dalam karya-karya sastera di samping mengenal pasti persoalan-persoalan yang mungkin timbul berkaitan agama Islam.


#### 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan seterusnya dikenali sebagai Pendekatan Kemasyarakatan kerana dalam konteks ini ia akan melihat dan mencari keadilan dalam masyarakat seperti mana yang dituntut dalam agama Islam iaitu keadilan dan kebaikan (Hashim Awang, 2002). Pendekatan ini bertujuan untuk menyingkap dan mencari kebaikan masyarakat yang wujud dalam karya sastera berdasarkan kaca mata Islam. Hal ini, kerana karya sastera juga boleh dijadikan sebagai medium dalam membentuk keharmonian dan keamanan dalam kehidupan masyarakat. Antara Pendekatan Kemasyarakatan yang boleh dilihat adalah seperti rajin, tolong-menolong, adil dalam melakukan sesuatu perkara dan sebagainya. Setiap hal-hal yang melibatkan kemasyarakatan haruslah diselesaikan dengan cara yang baik dan menjadikan perspektif Islam sebagai rujukan dalam menyelesaikan sesuatu perkara yang berlaku antara masyarakat. Tuntasnya, Pendekatan Kemasyarakatan ini merujuk kepada wadah yang menonjolkan realiti sebenar yang berlaku dalam masyarakat dari dulu hingga sekarang. Oleh hal yang demikian,dapat disimpulkan bahawa setiap isu atau persoalan yang timbul dalam masyarakat boleh dilihat dan dirujuk berdasarkan perspektif Islam dan pada masa yang sama masyarakat juga secara tidak langsung dapat melihat bagaimakah keadaan sebenar mengenai rencah hidup masyarakat.

### 3.4.2.3 Pendekatan Seni

Bila berkait dengan seni, sudah tentu ia melibatkan aspek yang mengetengahkan keindahan dan mempunyai nilai-nilai estetika. Menurut Hashim Awang (1999), Pendekatan Seni ini digunakan sebagai wadah untuk meneliti keindahan dan nilai yang ada di dalam sesebuah karya. Keindahan akan sesuatu benda itu berbeza-beza mengikut pandangan masing-masing. Keindahan yang dimaksudkan adalah keindahan yang tidak melampaui batas Islam dan tidak bertentangan dengan akidah dan fahaman Islam. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), keindahan dapat dikenalpasti melalui pelbagai aspek atau unsur dalam membentuk pembinaan harafiah dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan watak dan tema, sudut pandang dan gaya bahasa yang digunakan. Tuntasnya, apa yang boleh disimpulkan melalui Pendekatan Seni adalah setiap karya yang dihasilkan mempunyai nilai seni dan keindahan yang tersendiri, namun nilai tersebut tidak seharusnya bertentangan dengan nilai-nilai estetika Islam kerana boleh menyebabkan kejatuhan akidah dan boleh memesongkan fahaman terhadap agama Islam.

### 3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

### 3.6 Penutup

Pada bahagian ini pengkaji telah memperincikan berkenaan kaedah dan cara yang digunakan oleh sepanjang penghasilan projek penyelidikan ini. Pembatasan berkaitan reka bentuk kajian dan pengaplikasian teori amatlah penting dalam kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana penetapan kaedah kajian dan teori ini bertujuan agar kajian yang dihasilkan oleh pengkaji merupakan kajian yang mengikut susunan, teratur dan sistematis di samping mengelakkan kajian yang dijalankan terkeluar dari landasan yang sepatutnya. Selain itu, pemilihan kaedah kajian yang tepat juga penting agar maklumat yang dikumpulkan berkaitan kajian menepati objektif kajian yang telah ditetapkan dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu juga merupakan salah satu aspek penting dalam kajian ini. Hal ini, kerana pengaplikasian teori yang tepat dalam kajian dapat menghasilkan sebuah analisis yang mantap dan diperkuat dengan hujah yang kukuh. Sehubungan itu, kaedah kualitatif yang terdiri dari kaedah kepustakaan dan rujukan teks beserta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu amat bersesuaian dan dapat dikaitkan dengan sistem sosial menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* berdasarkan naratif lisan terpilih.



## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bab ini, pengkaji akan memproses data-data dan juga maklumat yang telah dikumpulkan oleh pengkaji kerana ia akan dibahaskan dengan lebih terperinci pada bab ini. Pada bab ini juga, pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan data dan maklumat yang diperoleh melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob agar ia bertepatan dengan objektif penyelidikan. Penyelidikan yang dijalankan ini sepenuhnya menggunakan reka bentuk kajian bersifat kualitatif dengan penerapan teori. Bagi memperkuuhkan lagi kajian, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang (1989) sebagai deduktif kepada sistem sosial yang terkandung dalam teks yang dikaji agar ia mencapai objektif yang ditetapkan. Rentetan itu, fokus perbincangan utama pada bab ini adalah aspek sistem sosial yang terkandung dalam teks yang kemudiannya diperkuuhkan lagi dengan penjelasan teori. Oleh yang demikian, agar kajian lebih sistematik, sistem sosial ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu politik, ekonomi, agama dan budaya.

#### 4.2 Politik

Politik merupakan sebuah kata yang merujuk kepada ilmu khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran, pemerintahan dan juga kenegaraan. Rentetan itu, politik dalam konteks sistem sosial merujuk kepada salah satu aspek penting dalam mengawal selia sesebuah negara atau pentadbiran. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (1996) menyatakan bahawa politik merupakan sebuah proses yang melibatkan sesebuah keputusan dan juga turut memberikan pengaruh dalam pemerintahan, juga seringkali melibatkan isu-isu berkaitan agama dan etnik. Politik juga merangkumi kekuasaan, atau cara-cara yang diambil dalam membuat sesuatu keputusan akan memberikan kesan kepada masyarakat.

Manakala, menurut Abdulkadir Nambo dan Muhamad Rusdiyanto (2005) pula menyatakan bahawa politik merupakan satu kata dasar yang menjadi suatu fenomena yang mendasari terhadap hubungkait antara kehidupan masyarakat. Tambahnya lagi, keperibadian seseorang individu itu sendiri juga boleh didasari oleh faktor dan pengaruh politik. Oleh itu, melalui pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa kata politik itu bukan hanya dikaitkan dengan kerajaan atau mana-mana parti, tetapi ia juga merupakan salah satu aspek penting yang berfungsi sebagai alat dalam mengurus sesebuah pentadbiran dan juga hubungan, sama ada dalam kelompok, individu maupun masyarakat. Oleh hal yang demikian, politik ini boleh dilihat dari berbagai sudut pandang seperti hubungan diplomatik, perkahwinan, pengaruh kuasa dan lain-lain.

#### 4.2.1 Hubungan Diplomatik

Hubungan merujuk kepada kata kerja yang memiliki kepelbagaiannya makna kerana ia tergantung kepada konteks penggunaannya. *Kamus Dewan* (2017) pula mendefinisikan hubungan sebagai sebuah rangkaian atau pertalian dalam konteks masa kini kerana ia saling berkait dengan kehidupan manusia. Pengertian hubungan berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh M Dhany Al Sunah (2019), merujuk kepada satu kegiatan atau aktiviti kerana ia akan memberikan kesan kepada kegiatan yang lain atau dengan kata lain hubungan adalah cara atau proses yang dapat mempengaruhi sesuatu perkara demi mendapatkan perkara atau objek lain. Menurut Umar Suryadi Bakary (2017) pula mengemukakan makna hubungan sebagai sebuah jalinan interaksi sama ada antara individu, kelompok atau negara kerana ia berupaya mempengaruhi sumber daya, kekuasaan, pengaruh dan sebagainya.

Hubungan diplomatik atau hubungan antara negara atau juga dikenali sebagai hubungan internasional merupakan sebuah jalinan yang terhasil akibat kerjasama yang dilakukan oleh dua buah negara atau lebih. Tujuan hubungan ini dijalankan adalah bagi memberi faedah dan kemudahan kepada negara tersebut kerana mereka dapat berkongsi masalah dan menyelesaikan masalah yang dihadapi secara bersama. Menurut Umar Suryadi Bakary (2017) menyatakan bahawa hubungan diplomatik ini merupakan sebuah bidang yang sering berkait dengan urusan dan keputusan yang bakal diambil oleh sesebuah negara dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku. Oleh yang demikian, politik dalam konteks hubungan diplomatik ini dapat dilihat menerusi naratif lisan yang bertajuk *Asal Usul Pengkalan Datu*. Petikan 1 berikut memperlihatkan adanya hubungan diplomatik:

Petikan 1

“Dahulu dikatakan kerajaan Thailand ini diperintah oleh seorang raja namanya Raja Alauddin yang telah memeluk agama Islam pada ketika itu. Pemerintahan yang kukuh dapat dilihat daripada struktur pertahanannya. Pada ketika itu, kerajaan Thailand masih menerima ufti bunga emas daripada kerajaan

Terengganu. Kerajaan Terengganu akan menghantar ufti bunga emas selang tiga bulan sekali sebagai tanda berlindung di bawah kerajaan Thailand. Pengambilan bunga ufti tersebut telah dilakukan oleh pemuda ufti namanya Datu. Tugas ini diarahkan oleh Raja Thailand pada ketika itu..."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 1)

Kisah ini memperlihatkan adanya hubungan diplomatik dalam konteks politik yang berlaku antara negara Thailand dengan Kerajaan Terengganu. Hubungan atau jalinan yang berlaku antara dua buah kerajaan ini boleh dilihat pada frasa "ufti" kerana ia secara tidak langsung jelas menunjukkan adanya hubungan dari sudut politik. Hubungan antara dua buah kerajaan ini terjalin dengan adanya gerak kerja dari seorang pemuda yang dikenali sebagai Datu. Datu merupakan salah seorang masyarakat yang berada di bawah naungan kerajaan Thailand dan beliau ditugaskan oleh Raja Thailand untuk menjadi orang tengah dalam mengambil bunga ufti dari Kerajaan Terengganu. Sekiranya diteliti dengan lebih mendalam, hubungan diplomatik yang berlaku tersebut disebabkan oleh seorang pemuda yang sanggup berkorban demi menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepadanya. Disebabkan kesanggupan Datu untuk mengambil ufti bunga emas, maka terjadinya hubungan antara dua buah kerajaan tersebut. Manakala, dari sudut pandang lain pula, ufti bunga emas yang dihantar oleh Kerajaan Terengganu adalah sebagai tanda atau simbolik ke atas perlindungan yang diberikan oleh Thailand kepada Kerajaan Terengganu pada ketika itu. Hal ini, kerana Kerajaan Thailand pada ketika itu merupakan salah satu kerajaan yang memiliki kekuatan tempur dan pertahanan yang kukuh. Oleh yang demikian, mana-mana kerajaan yang berlindung di bawah Kerajaan Thailand akan lebih selamat daripada serangan musuh.

Selain itu, menerusi cerita *Kegemilangan Pengkalan Datu* turut memaparkan hubungan diplomatik seperti petikan 2 di bawah:

Petikan 2

“Sultan Omar pada ketika itu bertindak menyatakan kembali negeri Kelantan dalam satu pentadbiran... Baginda melihat Pengkalan Datu ini mempunyai potensi jika diangkat sebagai tempat penjanaan ekonomi bagi negeri Kelantan. Lalu, baginda telah menitahkan agar dibuka satu kawasan untuk tanaman padi dan menggiatkan aktiviti perdagangan di Sungai Pengkalan Datu tersebut. Baginda telah memulakan satu perhubungan luar dengan negeri-negeri yang lain seperti Patani, China, Jawa dan Terengganu. Pengkalan Datu telah muncul sebagai pusat perdagangan besar di Kelantan pada waktu itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 14)

Penglipurlara mengisahkan tentang kembalinya kegemilangan sebuah kerajaan kerana kerajaan tersebut dikenali sebagai Pengkalan Datu. Pada ketika itu, Pengkalan Datu merupakan merupakan salah satu kerajaan yang hebat kerana memiliki pembesar-pembesar yang ternama dan juga kukuh dari sudut ekonomi khususnya bijih timah. Akan tetapi kerajaan tersebut hampir tewas kerana adanya serangan mengejut yang dilakukan oleh pihak Siam kerana iri hati akan pencapaian kerajaan Pengkalan Datu. Serangan tersebut telah menyebabkan tapuk pemerintahan pada ketika itu ghaib entah kemana. Melihat keadaan kerajaan yang haru-biru telah mendorong seorang sultan yang dikenali sebagai Sultan Omar. Di bawah pemerintahannya, beliau telah berjaya mengembalikan kedamaian kerajaan tersebut bahkan beliau juga berjaya menjadikan kerajaan Pengkalan Datu tersebut gah seperti sebelumnya. Bukan itu sahaja, Sultan Omar juga telah berjaya mewujudkan hubungan diplomatik kerana hubungan tersebut secara tidak langsung telah memberikan faedah kepada kerajaan sewaktu pemerintahan beliau. Hubungan diplomatik ini boleh dilihat melalui contoh petikan teks di atas kerana ia jelas menunjukkan bahawa Sultan Omar telah berjaya menjalinkan hubungan dengan beberapa buah negeri seperti Patani, China, Jawa dan Terengganu. Dalam konteks ini jelas membuktikan wujudnya hubungan diplomatik yang dilakukan oleh Sultan Omar terhadap negeri-negeri lain sama ada dari aspek politik maupun ekonomi dan sosial.

Hubungan antara negara ini bertepatan dengan pandangan yang diberikan oleh Mohtar Mas'oed (1994) kerana beliau menyatakan hubungan diplomatik merupakan sebuah hubungan lebih kompleks berbanding hubungan antara individu atau kelompok. Hal ini dikatakan demikian kerana, hubungan diplomatik ini memerlukan persetujuan dari kedua-dua belah pihak malah harus mengikuti ketepatan dan perjanjian yang telah dipersetujui. Di samping itu, hubungan antara negara ini juga turut mendatangkan faedah yang tersendiri khasnya kepada kerajaan yang terlibat pada ketika itu. Sebagai contoh, cerita *Asal Usul Pengkalan Datu* jelas membuktikan adanya faedah yang diperoleh oleh Kerajaan Terengganu kerana pada ketika itu, Thailand merupakan sebuah kerajaan yang kukuh dan apabila Kerajaan Terengganu menghantar ufti bunga emas, maka secara automatik Kerajaan Terengganu berada di bawah perlindungan Thailand. Hal ini lebih menguntungkan Terengganu kerana musuh-musuh tidak berani menyerang Kerajaan Terengganu kerana dikhuatiri akan diserang balas oleh pihak Thailand.

Sekiranya diteliti kembali akan cerita di atas, jelas menunjukkan berlakunya sedikit kerugian kepada Kerajaan Terengganu kerana menghantar bunga emas, akan tetapi ia setimpal dengan keselamatan dan jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Thailand pada ketika itu. Hal ini, kerana pada ketika itu, Kerajaan Terengganu masih kurang kekuatan dari segi ketenteraan berbeza pula dengan Kerajaan Thailand. Justeru itu, penulis cuba mengajak masyarakat untuk menyelami dan meneliti makna yang cuba disampaikan melalui hubungan dan keputusan yang diambil oleh seorang pemimpin demi keselamatan rakyatnya. Melalui cerita *Asal Usul Pengkalan Datu* ini, apa yang cuba ditekankan oleh penulis adalah aspek hubungan antara negara dan perkara ini jelas dipaparkan kepada pembaca melalui sikap pemimpin yang berwawasan. Pemimpin yang berwawasan merujuk kepada pemimpin atau ketua yang mempunyai pemikiran yang lebih terkedepan atau dengan kata lain berfikiran jangka panjang kerana di dalam

pemikiran tersebut terselitnya rencana yang begitu teratur dan berstruktur (P. Julius F. Nagel, 2018). Melalui pendapat yang dikemukakan oleh sarjana tersebut, dapat dijelaskan bahawa pemerintah Kerajaan Terengganu pada ketika itu merupakan seorang pemimpin yang berwawasan kerana beliau mengambil kira aspek keselamatan rakyatnya dari terjebak dengan peperangan dan serangan musuh.

Manakala, cerita yang kedua pula yakni cerita *Kegemilangan Pengkalan Datu* juga turut memaparkan hubungan diplomatik tetapi dari aspek perdagangan kerana hubungan perdagangan ini boleh dilihat apabila Sultan Omar menjalinkan hubungan dengan negara luar demi kepentingan negeri Kelantan. Hal ini, kerana selepas Kelantan diserang oleh Siam, ia telah menjelaskan sektor di negeri Kelantan pada ketika itu, lalu setelah Sultan Omar mengambil alih, baginda mula melihat akan potensi yang ada di negeri tersebut lalu menjalinkan hubungan perdagangan. Dalam konteks ini, jelas memaparkan bahawa Sultan Omar juga merupakan seorang pemimpin yang berwawasan kerana beliau menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara luar kerana beliau tahu akan kesan jangka panjang sekiranya perdagangan atau aktiviti yang ada di negeri Kelantan tidak dikembangkan dan berkemungkinan negeri Kelantan akan mengalami kemunduran sekiranya Sultan Omar tidak menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara luar.

Sehubungan dengan itu, hubungan diplomatik bertunjangkan kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana pendekatan kemasyarakatan ini boleh dijadikan sebagai satu alat dalam membentuk dan melahirkan masyarakat yang hidup sejahtera di samping dapat membentuk iman yang kukuh serta memiliki ketakwaan yang dapat memberikan kebaikan kepada masyarakat (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, kajian politik dalam konteks hubungan antara negara ini jelas dipaparkan melalui naratif lisan di atas kerana ia jelas membuktikan bahawa pemimpin pada ketika itu sangat mengambil berat akan kebijakan dan keperluan orang yang berada di bawahnya.

Perkara ini secara tidak langsung telah memberikan kesan emosi kepada masyarakat sekiranya mereka berada di posisi sebagai pemimpin. Jelaslah bahawa cerita *Asal Usul Pengkalan Datu* dan *Kegemilangan Pengkalan Datu* sememangnya terkandung aspek hubungan antara negara dan perkara ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada para pemimpin di luar sana.

#### 4.2.2 Perkahwinan

Pada hakikatnya, perkahwinan merupakan sebuah ikatan yang sah antara lelaki dan wanita dan kemudian mereka digelar suami isteri (*Kamus Dewan*, 2017). Kahwin atau perkahwinan ini merupakan sesuatu fitrah semulajadi manusia kerana perkahwinan ini berlaku apabila sepasang kekasih ingin membina sebuah mahligai yang kekal sepermima yang diimpikan. Menurut Sri Harianti (2015) menyatakan kahwin adalah sebuah perjanjian yang tidak hanya pada sudut jasmani malah turut melibatkan rohani. Manakala, menurut Kartono (2006) pula menyatakan perkahwinan itu adalah suatu peristiwa yang melibatkan sepasang suami isteri yang dipertemukan secara rasmi di depan ketua atau kepala agama dan kemudian melalui ritual atau adat sepermima ketetapan ajaran agama masing-masing. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Wan Abdul Fattah et al., (2018) menyatakan bahawa perkahwinan merupakan sebuah tuntutan agama kerana ia adalah fitrah semulajadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT dan setiap manusia yang diciptakan akan hidup secara berpasang-pasangan.

Berdasarkan definisi yang telah diberikan oleh tokoh, dapat dirumuskan bahawa perkahwinan merupakan suatu ikatan yang sah dan diterima oleh masyarakat berdasarkan kepercayaan agama masing. Bahkan, perkahwinan ini merupakan sesuatu yang baik dan positif kerana ia dapat mengelakkan seseorang itu melakukan hubungan yang bertentangan dengan ajaran agama khususnya mereka agama Islam.

Oleh yang demikian, politik dalam konteks perkahwinan ini dapat dilihat dalam naratif lisan bertajuk *Kota Jembal*. Berikut merupakan petikan 3 yang memaparkan peristiwa perkahwinan:

Petikan 3

“Kemudian diceritakan lagi bahawa keturunan Raja Jembal ini akhirnya telah dikembangkan apabila Raja Besar mengahwini Raja Sakti dengan Puteri Mani Kemenyang. Maka dari situ bermulalah perkembangan salasilah Raja Jembal di Kelantan. Sejak dari itu, Kelantan mula berkembang maju dan pesat melalui aktiviti perdagangan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 10)

Berdasarkan pembuktian kisah naratif lisan ini jelas memperlihatkan berlakunya ikatan perkahwinan yang ditonjolkan oleh watak Raja Sakti dengan Puteri Mani Kemenyang. Contohnya, perkahwinan yang dilakukan oleh Raja Besar antara Raja Sakti dengan Puteri Mani Kemenyang yang adalah bertujuan untuk memberikan faedah jangka panjang kepada penerusnya. Hal ini, kerana Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyang merupakan anak angkat kepada Raja Besar dan mereka telah dipelihara dan dijaga oleh Raja Besar sejak kecil lagi. Apabila genap usia dan dilihat layak, maka Raja Besar mengambil keputusan untuk mengahwinkan mereka berdua. Keputusan yang telah diambil oleh Raja Besar merupakan satu tindakan yang bijak yang dilakukan oleh seorang pemimpin pada ketika itu. Hal ini kerana, dengan mengahwinkan Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyang, ia sekali gus dapat mengelakkan fitnah yang mungkin timbul kerana mereka berdua tidak mempunyai pertalian darah dan sekiranya fitnah tersebut mula tersebar, ia secara tidak langsung dapat menggugat pentadbiran dan membuka ruang kepada musuh untuk melakukan perkara yang boleh menjatuhkan pemerintahan pada ketika itu.

Bukan itu sahaja, politik dalam konteks perkahwinan ini juga turut dipaparkan dalam cerita *Kegemilangan Pengkalan Datu* seperti petikan 4 berikut:

#### Petikan 4

“... telah datang tiga orang anak dari Pengkalan Tua (Raja Patani) menghadap Sultan Omar. Mereka adalah anak kepada Raja Patani. Mereka ialah Tuan Sulong (Long Sulong. Tuan Senik (Long Senik) dan Tuan Besar (Long Bahar). Long Bahar kemudiannya telah dikahwinkan dengan puteri baginda Sultan Omar iaitu Raja Pah...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 14)

Menerusi kisah ini telah membuktikan bahawa politik dalam konteks perkahwinan dapat dipaparkan melalui watak Long Bahar dan Raja Pah. Contohnya, sewaktu Pengkalan Datu muncul sebagai pusat perdagangan yang besar di Kelantan, maka telah datang tiga orang anak dari Raja Patani. Kemudian, salah seorang dari anak tersebut telah menjadi pilihan hati Sultan Omar dan beliau kemudian mengahwinkan anaknya Raja Pah dengan Long Bahar. Hal ini, kerana apabila Raja Pah telah berkahwin dengan Long Bahar, maka ia secara tidak langsung telah memperluaskan lagi hubungan antara Pengkalan Datu dengan Patani. Pada masa yang sama, jelas memperlihatkan adanya penerus kepada pemerintahan di Pengkalan Datu dan ia dapat dilihat menerusi petikan 5 di bawah:

#### Petikan 5

“...Long Bahar kemudiannya telah dikahwinkan dengan puteri baginda Sultan Omar iaitu Raja Pah. Setelah berlangsungnya perkahwinan baginda bertindak menyerahkan Kota Senang kepada Raja Pah dan suaminya. Tidak lama kemudian, Sultan Omar telah mangkat lalu takhta kerajaan telah diserahkan kepada Raja Pah. Raja Pah telah menyerahkan takhta kerajaan kepada suaminya Long Bahar”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 14)

Berdasarkan situasi yang telah dipaparkan melalui naratif lisan di atas, jelas bertepatan dengan pengertian yang dinyatakan oleh para sarjana yang menyatakan bahawa perkahwinan adalah salah satu dari proses atau fitrah kehidupan manusia. Contohnya, Raja Sakti dengan Puteri Mani Kemenyang yang akhirnya membawa perkembangan salasilah dan kemajuan aktiviti perdagangan. Begitu juga perkahwinan antara Long Bahar dengan Raja Pah. Maka apa yang cuba ditekankan kepada pembaca atau masyarakat adalah tentang pentingnya perkahwinan agar diri dapat menghindari

perbuatan yang dilarang khususnya Agama Islam. Hal ini, kerana dalam konteks Islam, hubungan tanpa ikatan yang sah merupakan satu perbuatan yang tergolong dalam dosa besar yang dikenali sebagai zina.

Sekiranya diteliti, pokok kepada permasalahan tersebut adalah disebabkan oleh adanya masalah dalam sosial kerana masalah sosial ini bergantung kepada budaya sesebuah masyarakat. Hal ini wujud disebabkan timbulnya ketidakseimbangan, ketidakadilan atau ketidaksetaraan yang wujud dalam masyarakat sehingga tercipta satu penderitaan bagi sebahagian besar penduduk di kawasan tersebut. Tambahan pula, masalah sosial ini sebenarnya melibatkan pelbagai isu yang kompleks kerana merangkumi politik, ekonomi, masyarakat dan kehidupan sosial. Sebagai contoh perkara yang dapat mendorong kepada berlakunya hal yang sedemikian adalah kemiskinan, diskriminasi, pengangguran dan lain-lain.

Bila menyentuh berkaitan masalah sosial, sebagai contoh kemiskinan, ia merupakan hal yang tidak asing lagi yang wujud dalam kalangan mana-mana penempatan. Disebabkan dengan kemiskinan juga, boleh mendorong masyarakat atau kaum tersebut berbuat sesuatu yang tidak sepatutnya. Sebagai contoh melakukan perbuatan menjual tubuh demi mendapatkan wang untuk bertahan hidup. Walaupun ia dilihat sebagai satu pekerjaan, namun perkara tersebut dilarang oleh agama dan ia merupakan satu perbuatan dosa besar dan tergolong dalam konteks zina.

Zina merujuk kepada perbuatan bersetubuh atau bermukah tanpa adanya hubungan yang sah (*Kamus Dewan*, 2017). Di samping itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa masyarakat di alam Melayu ini sememangnya berpegang kepada ajaran Agama Islam dengan meninggalkan perkara yang telah dilarang oleh Allah SWT. Sesungguhnya, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan).  
(Surah Al-Israa, 32)

Sehubungan itu, petikan terjemahan ayat tersebut jelas menggambarkan kepada kita (manusia) untuk tidak melakukan perbuatan keji dan hina tersebut. Hal ini kerana, Allah SWT telah menegaskan bahawa barang siapa yang terjebak dengan zina maka ia menuju lembah kebinasaan yang akhirnya akan membawa kepada kerosakan diri yang tidak berpenghujung. Dalam konteks ini, jelas memaparkan kepada kita bahawa Agama Islam itu melarang manusia mendekati perbuatan yang boleh menjerumuskan diri ke dalam zina dan turut menyatakan kesan sekiranya seseorang manusia itu terjebak dalam lembah penzinaan.

Sehubungan dengan itu, penulis cuba memberikan penekanan kepada khalayak berkaitan dengan perbuatan zina. Maka apa yang dapat masyarakat pelajari ialah zina atau hubungan yang tidak sah merupakan satu perbuatan yang sangat keji dan harus dielakkan oleh setiap individu. Justeru itu, bagi mengelakkan berlakunya hal yang sedemikian, maka jalan terbaik adalah dengan melakukan perkahwinan. Perkahwinan merupakan salah satu dari pintu rezeki yang dijanjikan oleh Allah SWT. Hal ini, kerana perkahwinan merupakan satu tuntutan fitrah manusia yang dan sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan manusia itu secara berpasang-pasangan, jika tidak di dunia, akan dipertemukan di akhirat kelak. Justeru itu, melalui perkahwinan ia secara tidak langsung telah menyahut seruan Allah SWT.

Lanjutan daripada itu, pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan amat bertepatan dengan analisis di atas. Hal ini, kerana pendekatan kemasyarakatan ini berfungsi sebagai alat dalam mengekalkan kehidupan bermasyarakat. Menurut, Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa sastera merupakan sebuah wadah yang boleh mengajak seseorang untuk melakukan kebaikan

dan meninggalkan kemungkaran khususnya melalui kaca mata Islam. Melalui cerita yang dinyatakan di atas jelas memperlihatkan penulis sangat menekankan berkaitan hal perkahwinan. Contohnya, analisis politik dalam konteks perkahwinan jelas membuktikan bagaimana masyarakat terdahulu menjalinkan hubungan yang tidak hanya tertumpu pada hubungan diplomatik semata. Sesungguhnya, perkahwinan merupakan satu perkara yang elok dan juga boleh memberikan kesan emosi dalam diri manusia agar bersikap lebih terbuka apabila membincangkan tentang topik perkahwinan. Justeru itu, perkara ini jelas membuktikan bahawa pendekatan kemasyarakatan ini selari dengan tuntutan agama kerana perkahwinan ini dapat mewujudkan keharmonian bukan sahaja dalam konteks keluarga malah, dapat mendatangkan faedah buat masyarakat yang lian.

#### 4.2.3 Pengaruh Kuasa

Secara umumnya, bila membincangkan berkaitan perihal pengaruh ia seringkali merujuk kepada pemahaman di mana keupayaan seseorang atau kumpulan dalam mempengaruhi masyarakat atau komuniti sekeliling untuk mengikuti kehendaknya. *Kamus Dewan* (2017), mendefiniskan pengaruh ini sebagai kuasa atau kekuatan yang dimiliki oleh individu atau kelompok tertentu yang boleh mengubah tingkah laku, daya bahkan kepercayaan masyarakat. Menurut pandangan yang dikemukakan oleh Lucky Riana Putri (2020) menyatakan bahawa pengaruh ini boleh diertikan sebagai satu kuasa atau daya yang wujud dalam diri seseorang atau benda dan daya tersebut mampu membentuk tingkah laku dan kepercayaan seseorang. Natijahnya, apa yang dapat disimpulkan berdasarkan pengertian yang diberikan oleh para sarjana berkaitan pengaruh adalah sebagai suatu daya atau kuasa yang boleh mempengaruhi individu maupun kelompok agar mengikuti kemahuannya.

Manakala, kuasa pula merujuk kepada kemampuan atau daya seseorang dalam melakukan atau mengerjakan sesuatu tindakan (*Kamus Dewan*, 2017). Akan tetapi

pengertian kuasa ini berbeza dan bergantung kepada sudut pandang seseorang sama ada positif mahupun negatif. Dennis Dalton (2012) menyatakan bahawa istilah kuasa ini merujuk kepada potensi yang dimiliki oleh seseorang kerana individu tersebut mampu untuk membimbing, mengawal, mengubah atau mempengaruhi individu lain. Manakala menurut Podsakoff dan Schriesheim (1985) menyatakan bahawa dasar bagi kata kuasa merujuk kepada kawalan atas tingkah laku orang lain. Kenyataan ini disokong oleh Schermerhorn et al., (1982) mendefinisikan kuasa sebagai sumber kekuatan yang ada dalam diri seseorang dan kemampuan untuk mengawal orang lain. Berdasarkan pandangan yang telah diberikan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa pengaruh dan kuasa merupakan satu bentuk kuasa atau daya yang boleh menarik seseorang mahupun kelompok untuk mengikuti gerak tanduk yang dipacu oleh seorang ketua atau pemimpin.

Politik dalam konteks pengaruh kuasa ini dapat dilihat melalui kisah yang berjudul *Nik Mat Keturunan Raja Banjar*. Berikut merupakan petikan yang memaparkan pengaruh kuasa:

Petikan 6

“Sewaktu pemerintahan ini berlaku, tiada pihak yang berani melawan pemerintahannya ketika itu, kekuatan askar dan strategi perang yang sukar ditafsir oleh pihak musuh telah membuatkan Raja Jembal ditakuti musuh...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 78)

Kisah di atas menceritakan tentang kehebatan pemerintahan yang dikenali sebagai Raja Jembal. Penglipurlara memulakan penceritaan dengan memaparkan kehebatan Raja Jembal yang berjaya memerintah memerintah Kota Jembal dan juga Kampung Kedondong. Kehebatan dan kekuasaan yang dimiliki oleh Raja Jembal tidak terhenti di situ sahaja, bahkan baginda telah berjaya memperluas pengaruh dan kekuasaan sehingga hampir separuh kawasan negeri Kelantan telah berjaya berada di dalam genggaman baginda. Bukan itu sahaja, Raja Jembal juga dikatakan berketurunan Raja

Siong dan keturunan tersebut memang terkenal akan sistem pemerintahan dan juga keperibadian yang tinggi dalam pentadbiran. Selain itu, sewaktu pemerintahan beliau, tiada pihak yang berani melawan kerana baginda terkenal dengan strategi peperangan yang sukar ditafsir oleh pihak musuh. Akan tetapi, selepas baginda mangkat, pemerintahan tersebut telah diambil alih oleh keturunannya iaitu Raja Banjar. Namun, pemerintahan yang masih baharu itu telah membuka celah kepada musuh untuk menjatuhkan kerajaan Jembal pada ketika itu yang akhirnya menyebabkan Raja Banjar berundur ke tempat lain.

Melalui kisah tersebut, jelas memperlihatkan pengaruh kuasa yang dimiliki oleh watak Raja Jembal. Contohnya, sewaktu Kota Jembal berada di bawah pemerintahannya, tiada pihak yang berani melawan kerana baginda terkenal dengan kehebatan ketenteraan dan pandai dalam mengatur strategi peperangan. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa Raja Jembal merupakan seorang pemimpin yang memiliki pengaruh kuasa yang besar sewaktu pentadbiran. Malah, pengaruh dan kekuasaan baginda jelas kelihatan apabila berjaya menakluk separuh kawasan di negeri Kelantan. Akan tetapi, selepas kemangkatan Raja Jembal, tapok pemerintahan yang baharu tidak sekuat Raja Jembal dan telah menyebabkan pihak musuh berjaya menyerang Kota Jembal.

Melalui pembuktian kisah di atas, apa yang cuba ditekankan oleh penulis adalah berkaitan dengan pengaruh kuasa yang dimiliki oleh seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang itu memiliki aura kepimpinan, maka ia secara tidak langsung dapat menimbulkan pengaruh kepada masyarakat di sekeliling. Setelah masyarakat atau seseorang itu terpengaruh, maka mereka akan mengikuti jejak serta langkah yang dilakukan oleh individu tersebut. Hal ini jelas dipaparkan melalui watak Raja Jembal yang mempunyai pengaruh kuasa yang besar khususnya pada kekuatan

askar. Ini kerana, tanpa pengaruh kuasa, tidak mungkin askar-askar yang berada di bawah pimpinannya berani berperang tanpa adanya persediaan yang jitu.

Selain itu, politik dalam konteks pengaruh kuasa ini juga turut mengajarkan kepada kita agar berani dalam setiap tindak-tanduk yang dilakukan. Ini kerana, sekiranya kita tidak yakin dengan apa yang dilakukan, maka potensi untuk gagal adalah tinggi. Oleh yang demikian, penulis cuba mengajak pembaca untuk menjadi berani dalam tindakan agar tidak kecewa di kemudian hari. *Kamus Dewan* (2017) mendefiniskan berani sebagai gagah atau bukan pengecut atau dengan lain kata tidak merasa takut menghadapi bahaya. Menurut Mustari (2014), keberanian sebagai satu kemampuan dalam menghadapi ketakutan, risiko, bahaya atau intimidasi. Kenyataan ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang menyatakan keberanian ini merupakan sifat yang ada dalam diri manusia yang meliputi kesanggupan, tidak gentar akan cabaran, tidak gusar, tabah dan berani mengambil risiko dalam menghadapi pelbagai rintangan yang mendarat. Sehubungan itu, apa yang dapat disimpulkan berkaitan dengan keberanian adalah ia merupakan satu sifat yang wujud dalam diri seseorang yang memiliki hati yang cekal dan siap berjuang serta tidak takut dan gentar akan sebarang halangan yang bakal dihadapi.

Rentetan daripada pengaruh kuasa, maka akan lahirnya sifat keberanian dalam diri seseorang. Keberanian ini boleh dilihat menerusi kisah bertajuk *Pengunduran Raja Patani* melalui petikan di bawah:

#### Petikan 7

“Keberaniannya dalam berperang tidak dapat ditandingi oleh raja-raja lain di sekeliling negerinya. Baginda sangat berpengaruh dalam meluaskan kuasanya ke pelosok dunia. Baginda dianggap sebagai “Raja Kuning” kerana kejayaannya dalam menakluki negeri-negeri lain. Strategi pemerintahannya yang sistematik di Patani membuatkan penakluk-penakluk yang lain merasa gerun untuk bertindak menyerang negeri Patani pada ketika itu. Mereka takut jika mereka menyerang Patani kemungkinan besar negeri mereka turut akan diserang kembali. Sikap beraninya itu menjadikan sistem pemerintahan di Patani bertambah kukuh di persada alam.”

Suatu ketika dahulu, terdapat sebuah yang terkenal dan masyhur yang dikenali dalam kalangan raja-raja dan juga para bangsawan dari negeri lain. Negeri tersebut dikenali sebagai negeri Patani. Dikatakan pada ketika itu, negeri Patani amat berpengaruh dengan agama Hindu. Namun, setelah adanya pengaruh Islam yang mula meresap ke dalam negeri, banyak perubahan yang telah berlaku bahkan tapok kepimpinan pada ketika itu yang diperintah oleh Raja Phya Tu Nakpa turut berubah dengan memeluk agama Islam. Setelah itu, baginda menukar namanya kepada Sultan Ismail Shah Zolallah Fi Alam. Walaupun baginda telah memeluk agama Islam, tapi keberanian dan kehebatan yang dimiliki dalam diri baginda sama sekali tidak berkurang sehingga baginda diakui oleh raja-raja yang berada di sekelilingnya. Disebabkan keberanian yang dimiliki oleh baginda, beliau telah berjaya meluaskan pengaruh serta kuasanya ke pelosok dunia sehingga beliau digelar sebagai "Raja Kuning". Pemerintahan yang sistematik juga menjadikan negeri Patani sukar ditembusi oleh pihak musuh dan mereka merasa gerun untuk menyerang Patani kerana dikhuatiri akan diserang balas.

Menerusi kisah tersebut dapat membuktikan bahawa adanya sifat keberanian yang muncul dalam diri Sultan Ismail Shah yang bertitik tolak daripada pengaruh kuasa yang dimiliki oleh beliau. Contoh, keberanian yang dimiliki baginda dibuktikan apabila baginda digelar "Raja Kuning" kerana telah berjaya menakluki negeri-negeri lain bahkan turut dikenali oleh raja dan juga bangsawan dari negeri lain. Selain itu, keberanian baginda juga terserlah apabila baginda berani menyerang negeri lain demi memperluaskan kuasa takluknya. Dengan perancangan dan strategi yang teliti, baginda telah berjaya menundukkan beberapa buah negeri untuk berada dalam genggaman baginda. Dan pada masa yang sama, keberanian yang dimiliki oleh Sultan Ismail Shah juga telah menjadikan negeri Patani semakin kukuh di persada dunia. Dalam konteks ini jelas, membuktikan bahawa keberanian yang dimiliki oleh Sultan Ismail Shah telah mendorong

tentera dan askar Patani agar lebih berani dan tidak gentar sewaktu menghadapi musuh ketika perang kerana mereka yakin akan strategi yang dibuat oleh Sultan Ismail Shah.

Tambahan pula, politik dalam konteks pengaruh kuasa melalui sikap berani ini juga boleh dilihat menerusi kisah yang bertajuk *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu*:

**Petikan 8**

“...benteng pasir yang dibina telah membuatkan kapal tersebut tidak mampu bergerak ke mana-mana. Ia telah membuatkan para lanun menjadi panik tidak tahu untuk melakukan apa-apa tindakan. Melihat kapal lanun telah tersekat semua pedagang turun bagi menangkap lanun-lanun tersebut. Mereka cuba untuk melarikan diri supaya tidak ditangkap oleh para pedagang tetapi tidak berjaya. Setelah mendapati dan diselidiki punca kejadian. Puteri Saadong menjadi murka”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 12)

*Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* ini dikatakan disampaikan dari mulut ke mulut sejak berzaman lagi. Cerita dimulakan dengan memperlihatkan bagaimana seorang wanita yang digelar Puteri Saadong berjaya mengangkat negeri di bawah takluknya yakni Pengkalan Datu sebagai sebuah negeri yang pesat dan menjadi pusat segala perdagangan dalam negeri Kelantan. Kepesatan ini tergambar apabila ramai pedagang-pedagang dari luar datang berdagang di negeri tersebut. Akan tetapi kemajuan dan kepesatan Pengkalan Datu telah menimbulkan iri hati daripada beberapa pihak termasuklah pihak lanun. Hal ini, kerana pedagang-pedagang dari negeri lain merasa gerun dan takut untuk berdagang kerana bimbang akan serangan lanun. Namun berbeza pula dengan pedagang-pedagang yang datang berdagang ke Pengkalan Datu tanpa ada rasa takut dan gusar sekiranya lanun datang menyerang. Hal ini telah menimbulkan tanda tanya kepada pihak lanun. Bertitik tolak dari itu, pihak lanun mula merancang strategi untuk melakukan rompakan terhadap pedagang-pedagang yang datang ke Pengkalan Datu. Setibanya pada hari yang dirancang, iaitu hari di mana air sedang surut telah terdengar kata “serang!!”. Kata-kata tersebut telah membuatkan para

pedagang lari bertempiaran. Akan tetapi, satu perkara yang terlepas pandang oleh para lanun adalah beting pasir yang dibina di Pengkalan Datu. Beting pasir tersebut telah menyebabkan kapal para lanun tersangkut dan pihak lanun mula cemas dan gelisah. Melihat keadaan lanun yang mati akal, para pedagang memberanikan diri untuk turun dan menangkap para lanun yang membuat onar. Keadaan yang haru-biru telah berjaya dijernihkan kembali. Para lanun yang telah ditangkap telah dibawa menghadap Puteri Saadong.

Berdasarkan kisah *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu*, penglipurlara memperlihatkan keberanian yang dimiliki oleh para pedagang ketika menentang para lanun. Contohnya, keberanian dalam diri para pedagang mula muncul apabila melihat kapal lanun tersekat. Keberanian yang dimiliki oleh para pedagang telah berjaya menumpaskan rancangan lanun untuk menyerang Pengkalan Datu. Dalam konteks ini jelas, membuktikan bahawa keberanian yang muncul dalam diri pedagang juga disebabkan oleh pengaruh kuasa yang dimiliki oleh Puteri Saadong pada ketika itu, Selain itu, para pedagang juga percaya akan keselamatan yang disediakan oleh Pengkalan Datu. Hal ini boleh dibuktikan melalui petikan berikut:

#### Petikan 9

“...bagi pedagang yang sering ke Pengkalan Datu, mereka tidak merasa takut untuk berdagang kerana mereka tahu akan pertahanan Pengkalan Datu tersebut...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 12)

Rentetan daripada kisah ini, penulis cuba memberikan nilai tambah kepada pembaca dan juga khalayak khasnya berkaitan dengan keberanian. Hal ini dikatakan demikian, sekiranya para pedagang tidak mempunyai sikap berani dalam diri sudah pasti barang dagangan yang dimiliki akan dirampas oleh lanun dan tidak mustahil akan melibatkan nyawa. Sekiranya diteliti, tumpasnya para lanun ini kerana munculnya semangat kerjasama dalam diri para pedagang untuk sama-sama mengatasi masalah lanun ini.

*Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan kerjasama sebagai satu usaha yang dibuat secara

bersama-sama atau dengan kata lain tolong-menolong. Kerjasama ini juga berlaku apabila adanya gabungan kekuatan yang bagi mencapai objektif yang ditetapkan secara bersama (Tangkilisan, 2005). Berdasarkan pandangan yang telah diberikan oleh sarjana jelas, memperlihatkan pengertian kerjasama ini melibatkan gabungan atau usaha sama yang dilakukan bagi mencapai matlamat yang sama dan perkara ini boleh dibuktikan melalui tindakan para pedagang dalam menyekat kemaraan pihak lanun ke Pengkalan Datu.

Seterusnya, pengaruh kuasa dalam konteks keberanian ini juga turut diselitkan dalam kisah *Asal Usul Kampung Babong*, melalui petikan di bawah:

Petikan 10

“... Tok Babong atau nama sebenarnya Datuk Babong merupakan orang yang berperanan penting dalam perkampungan ini suatu ketika dahulu. Beliau seorang yang berani dalam menentang perkara-perkara yang tidak sewajarnya terjadi di perkampungan tersebut. Tok Babong juga merupakan seorang yang handal dalam menentang musuh atau sesiapa sahaja yang berani melakukan perkara yang tidak baik di Kampung Dabong yang berada di bawah pentadbirannya pada ketika itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

*Asal Usul Kampung Babong* ini mengisahkan tentang seorang individu yang banyak membuat jasa dan menabur bakti di kampung tersebut sehingga namanya diambil dan dijadikan sebagai nama kampung tersebut. Nama kampung tersebut diambil dari individu yang dikenali sebagai Tok Babong atau nama sebenar beliau adalah Datuk Babong. Beliau merupakan pemimpin kepada kampung tersebut. Dikatakan juga, beliau merupakan seorang yang berani dan handal dalam menentang segala hal yang melibatkan perkara yang tidak baik di kampung itu. Ada juga yang mengatakan bahawa Tok Babong ini seorang yang panas baran. Hal ini, kerana sesiapa yang tersalah kata atau terkasar bahasa di depannya akan ditampar oleh beliau. Akan tetapi, masyarakat di kampung tersebut sangat menghormati beliau. Ini kerana, sepanjang hayatnya, Tok Babong ini banyak membantu golongan-golongan yang memerlukan bahkan turut

membantu mereka yang terkena musibah. Beliau juga seorang yang dermawan kerana sering kali mengadakan kenduri dan menjemput warga kampung untuk makan di rumahnya. Melalui sikap yang ditunjukkan oleh beliau, menyebabkan masyarakat memandang tinggi Tok Babong. Apabila Tok Babong telah tiada, maka kampung itu dinamakan Kampung Babong bagi menghormati dan mengenang jasa Tok Babong.

Menerusi kisah *Asal Usul Kampung Babong* ini, penulis menggambarkan nilai keberanian ini menerusi watak Tok Babong yang telah berjaya menjadikan Kampung Babong bebas daripada perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Keberanian yang dimiliki oleh Tok Babong ini dapat dibuktikan apabila beliau berani menentang perkara-perkara yang tidak sewajarnya berlaku di kampung itu sewaktu pemerintahan beliau. Selain itu, keberanian Tok Babong turut dipaparkan apabila beliau berani menampar sesiapa sahaja yang berkata tidak elok di hadapanya. Perkara ini boleh dibuktikan melalui lampiran di bawah:

Petikan 11

“...beliau juga dikatakan seorang yang panas baran kerana berani menampar sesiapa sahaja yang tersalah kata terhadapnya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

Melalui kisah di *Asal Usul Kampung Babong* ini, penulis cuba mengajak kita untuk membudayakan amalan berfikir. Hal ini, kerana kata “berani” boleh hadir dalam pelbagai cara. Sekiranya keberanian itu digunakan pada tempat yang salah, maka ia turut akan mengundang bahaya. Contoh, berani mencuba sesuatu yang tidak sepatutnya seperti merokok, minum minuman keras dan sebagainya. Dalam konteks ini jelas, keberanian yang dimiliki oleh seseorang itu haruslah selari dengan akal fikiran, kerana jika hanya dengan keberanian, berkemungkinan akan mendorong kepada dua jalan sama ada positif atau negatif.

Oleh yang demikian, pengaruh kuasa ini bersesuaian dengan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan. Berdasarkan kisah *Nik Mat Keturunan Raja Banjar, Pengunduran Raja Patani, Pertahanan Benteng Pengkalan Datu dan Asal Usul Kampung Babong* menunjukkan bahawa pengkarya berhasil memberikan pendedahan kepada masyarakat khasnya berkaitan konsep kebaikan dan keadilan berdasarkan sudut pandang Islam. Ini selari dengan pandangan Hashim Awang (2002) yang menyatakan bahawa pendekatan kemasyarakatan ini bukanlah merujuk pada konteks ibadah semata-mata malah turut meliputi konsep amar makruf nahi mungkar. Buktinya, melalui kisah yang telah dinyatakan di atas jelas membuktikan bahawa dengan adanya pengaruh kuasa akan mendorong keberanian seseorang atau kelompok untuk melakukan sesuatu di luar batas kemampuan mereka. Dalam konteks ini, jelas bahawa dengan adanya pengaruh dan kuasa akan menjadikan kemahuan seseorang itu tidak terbatas. Namun, harus diingat bahawa pengaruh, kuasa dan keberanian ini harus disertai dengan akal fikiran yang cerdas agar terhindar dari perkara yang tidak sepatutnya.

#### 4.2.4 Kewibawaan Pemimpin

*Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan kewibawaan sebagai sebuah kuasa, hak, atau keupayaan yang membolehkan seseorang itu menguasai atau mempengaruhi orang lain. Menurut Daniel Goleman (2004) berpendapat bahawa kewibawaan ini mempunyai hubungkait dengan kecerdasan emosi dalam konteks sosial. Tambahnya lagi, ketua yang berwibawa mampu membina rangkaian yang positif serta dapat memahami emosi orang lain serta mampu memberikan motivasi. Berdasarkan tafsiran yang dinyatakan oleh sarjana, kewibawaan ini boleh boleh diertikan sebagai sifat atau keperibadian seseorang individu yang dapat memberikan daya tarikan atau pengaruh kepada orang lain. Natijahnya, kewibawaan pemimpin ini merujuk kepada keyakinan dan juga penghormatan yang diberikan oleh orang lain kepada pemimpin atau ketua dan mereka

ini merupakan orang kepercayaan dan diakui. Kewibawaan pemimpin ini dipaparkan melalui cerita bertajuk *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*, melalui petikan teks di bawah:

**Petikan 12**

“Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan pembesar dan rakyat masih setia kepada rajanya. Mereka menebas segala pohon-pohon yang tumbuh di hutan belantara untuk dijadikan tempat berteduh. Mereka hidup dalam suasana yang aman sentosa tanpa merasa takut dengan perang yang berlaku di Patani pada ketika itu. Raja Patani pada ketika itu turut bersama-sama membantu mereka dalam menyiapkan penempatan mereka. Baginda sanggup mencemar duli dalam aktiviti bergotong-royong bersama-sama dengan rakyat jelata. Kehadiran mereka di kawasan itu tidak diketahui oleh sesiapa bahkan penduduk sekitar yang waktu itu juga tidak mengetahui identiti mereka sebagai rakyat Patani.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 26)

Penglipurlara mengisahkan tentang perang dan pergolakan yang berlaku di Patani sehingga menyebabkan raja, pembesar dan sebilangan rakyat telah berundur dan mencari sebuah penempatan baharu. Mereka telah masuk ke hutan belantara agar tidak dicari oleh musuh. Setelah menjumpai tempat yang dianggap sesuai didiami, mereka sama-sama menebang dan menebas segala pohon-pohon yang ada untuk dijadikan tempat berteduh. Bahkan, pada ketika itu, Raja Patani juga turut sama-sama membantu mendirikan petempatan mereka. Selain itu, beliau juga sanggup mencemar duli dengan melakukan aktiviti gotong-royong bersama rakyat jelata. Bukan itu sahaja, Raja Patani dan juga para pembesar turut merahsiakan identiti mereka kerana bimbang pihak musuh akan mencari mereka dan hal ini juga akan memberikan kesan dan membahayakan nyawa penduduk di sekitar kawasan itu.

Berdasarkan petikan cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*, cerita ini mengisahkan sikap seorang pemimpin yang begitu berwibawa dalam tindakan sehingga beliau menjadi ikutan masyarakat. Contohnya, selepas berundur dari pergolakan politik yang berlaku di Patani, Raja Patani turut sama-sama mencari serta membersihkan kawasan yang bakal dijadikan penempatan baharu mereka. Bukan itu sahaja, baginda juga turut sama-sama bergotong royong dengan masyarakat dalam

membersihkan kawasan tersebut tanpa mengambil kira pangkat yang disandang olehnya. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa walaupun baginda seorang raja, namun beliau juga mampu mampu untuk bergaul dengan rakyat jelata bahkan mampu melakukan kerja-kerja harian sepertimana yang dilakukan oleh rakyat jelata yang lain.

Perkara ini boleh dibuktikan melalui petikan teks di bawah:

Petikan 13

“...Raja Patani turut sama-sama berdikari dalam menjalani kehidupan mendarat. Walaupun baginda seorang raja, namun baginda sendiri turun ke kebun. Baginda sanggup turut sama berkebun hatta keadaan matahari sedang memancar ke arah muka baginda. Kesanggupan ini dilakukan dengan rela hati demi mengisi sesuap nasi ke mulut...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 26)

Walaupun baginda seorang raja, ia tidak menjadi asbab untuk seseorang itu bermalas-malasan. Sikap yang dipaparkan oleh Raja Patani ini menyerlahkan lagi kewibawaannya sebagai seorang pemimpin. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya seorang pemimpin itu mampu untuk melakukan kerja-kerja sedemikian, mengapakah rakyat jelata tidak mampu untuk melakukannya. Hal ini juga bertepatan dengan pengertian kewibawaan yang mana ia dapat mempengaruhi orang lain untuk mengikuti jejak langkahnya. Dalam konteks ini, jelas memaparkan bahawa setiap manusia itu pada hakikatnya adalah sama. Hal ini, kerana setiap manusia haruslah berusaha untuk menjalani kehidupan seharian walaupun seseorang itu berada di pangkat yang tinggi.

Situasi di atas jelas melihat bahawa pangarang cuba untuk memaparkan sikap berdikari yang wujud dalam diri Raja Patani. Berdikari ini merujuk kepada sikap yakin akan diri sendiri, berkebolehan, amanah dan mampu melaksanakan sesebuah tugas dengan sebaik mungkin (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Oleh yang demikian, penulis cuba mengajak pembaca untuk menerapkan sikap berdikari dalam kehidupan seharian. Ini kerana dengan berdikari, kita mampu melakukan sesebuah tugas tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain. Bukan itu juga, melalui sikap berdikari ini juga dapat memberikan kesedaran dalam diri seseorang individu. Contoh, sekiranya

seorang anak itu sudah pandai berdikari dan mampu untuk mencari sumber kewangan sendiri, sudah pasti dia akan lebih menghargai jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh ibu bapa mahupun penjaga yang menjaganya.

Perkara ini jelas membuktikan bahawa, dengan sikap berdikari ini juga mampu memberikan kesedaran kepada seseorang. Berbalik kepada kisah *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*, dapat memberikan kesan kepada raja, ini kerana Raja Patani sendiri yang turun ke kebun. Hal ini secara tidak langsung, memberikan kesedaran kepada Raja Patani bahawa untuk mendapatkan sesuatu itu tidaklah mudah dan melalui sikap berdikari ini akan timbulnya sikap untuk lebih menghargai para pengikutnya yang selama ini setia dan membanting tulang dalam menyediakan kemudahan dan makanan kepada baginda.

Politik dalam konteks kewibawaan pemimpin ini juga dapat dilihat menerusi kisah bertajuk *Asal Usul Kampung Babong*:

#### Petikan 14

“... diceritakan dahulu Tok Babong telah banyak membantu golongan yang menghadapi musibah tak terduga. Beliau telah membantu mereka yang ditimpa kesusahan hidup sepanjang hayatnya ada. Beliau juga memiliki hati pemurah kerana sering mengadakan kenduri dan memanggil para penduduk setempat untuk makan di rumahnya. Ini menyebabkan Tok Babong sangat dihormati oleh masyarakat. Walaupun beliau bukanlah seorang yang kaya dengan wang ringgit tetapi beliau tetap memanggil orang datang ke rumahnya untuk menjamu selera dengan kadar yang termampu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

Merujuk kepada petikan di atas, sikap kewibawaan pemimpin ini dipaparkan oleh seorang tokoh bernama Tok Babong ketika beliau menjadi pemimpin di kampung tersebut. Contohnya, walaupun Tok babong bukanlah seorang yang berada, namun beliau suka memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan. Selain itu juga, beliau seringkali membuat kenduri bagi menjamu masyarakat di kampung tersebut. Melalui sikap yang ditunjukkan oleh Tok Babong juga boleh memberikan kesan positif

kepada masyarakat lain untuk sama-sama melakukan kerja-kerja kebajikan serta membantu mereka yang memerlukan. Dalam konteks ini jelas membuktikan kewibawaan dalam diri seseorang itu hadir secara alami dan ia tidak bergantung kepada kekayaan harta benda semata-mata.

Maka, melalui tindakan yang dilakukan oleh Tok Babong terdapat beberapa perkara yang dapat pembaca atau masyarakat perolehi sebagai contoh sikap pemurah. Pemurah merujuk kepada individu yang suka memberi atau dengan kata lain, tidak kedekut. Menurut Hashim Musa (2008) mendefinisikan sikap pemurah ini merujuk kepada manusia yang suka memberi sedekah dan tidak berkira dalam sesuatu perkara. Tambahnya lagi, manusia yang mempunyai sikap pemurah ini juga suka melakukan kerja-kerja kebajikan tanpa mengharapkan balasan atas pertolongan dan usaha yang sumbangkan. Kenyataan ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang menyatakan sikap pemurah ini boleh diertikan sebagai tidak kedekut dan mereka ini tergolongan dalam kalangan manusia yang suka menderma dan ikhlas dalam melakukan sesuatu pekerjaan tanpa mengharapkan pembalasan. Berdasarkan pandangan yang telah dikemukakan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa pemurah ini lahir dari hati dan ia dilakukan oleh manusia yang mempunyai hati yang bersih dan suka menghulurkan tangan kepada mereka yang memerlukan. Tuntasnya, sebaik-baik manusia adalah mereka yang dapat memberikan bantuan dan manfaat bagi orang lain.

Rentetan itu, kewibawaan pemimpin bertepatan dengan pengaplikasian pendekatan moral. Hal ini, kerana pendekatan moral ini berfungsi sebagai pendekatan yang diperoleh melalui pengalaman dalam kehidupan kerana ia merangkumi kepercayaan, kejiwaan, agama, persekitaran dan lain-lain yang membabitkan daya dan kreativiti seseorang (Hashim Awang, 2002). Tegasnya, kewibawaan pemimpin yang terkandung dalam kisah di atas dapat memberikan nilai dan ajaran positif kepada masyarakat agar

sentiasa melakukan kebaikan. Demikianlah menerusi kisah *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah* yang memaparkan nilai berdikari. Manakala, Asal Usul Kampung Babong pula mengajarkan kepada kita untuk sentiasa ikhlas dalam memberikan pertolongan dan juga bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

#### 4.2.5 Inovasi

Inovasi merupakan sebuah kaedah yang digunakan untuk mencari jalan atau gaya baharu dalam sesuatu perkara sama ada produk, perkhidmatan dan sebagainya. *Kamus Dewan* (2017) mentakrifkan kata ‘inovasi’ sebagai sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain. Menurut Barbara J. Spencer (1994), menyatakan bahawa inovasi ini merupakan sesuatu perkara yang dianggap baharu dan lebih baik daripada yang lama. Manakala, menurut H. A. Rusdiana (2014) pula mentakrifkan inovasi ini sebagai idea, barang, atau kaedah baru bagi seseorang individu maupun kelompok masyarakat. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa inovasi ini merupakan suatu kaedah atau cara baru yang digunakan oleh seseorang individu atau kelompok dalam menyelesaikan sesebuah masalah yang timbul.

Inovasi ini boleh dilihat menerusi kisah *Serangan Basikal Berkuala Genetik di Pantai Mek Mas* seperti lampiran berikut:

##### Petikan 15

“Tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengangkutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. Mereka telah melakukan satu renovasi terhadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan di Jepun. Ianya merupakan satu kelebihan kepada pihak Jepun kerana berjaya mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi menakluki tanah jajahan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 33)

Alkisah bermulanya serangan di Pantai Mek Mas ini bertitik tolak daripada kebangkitan tentera Jepun setelah mereka mengalami kekurangan sumber pertanian dan juga sumber makanan. Rentetan itu, mereka telah mula menjadikan Tanah Melayu sebagai lokasi penjajahan mereka demi mencapai objektif yang ditetapkan. Dikatakan, penjajahan Jepun ini bertitik tolak apabila Jepun telah mendarat di Pantai Mek Mas dan kemudian melancarkan serangan ambitu di Kota Bharu dan serangan tersebut telah menyebabkan berlakunya penyebaran ke seluruh Tanah Melayu. Sewaktu Jepun menjajah Tanah Melayu, mereka sememangnya sudah memiliki sistem pengangkutan iaitu basikal. Akan tetapi, basikal tersebut tidak mampu untuk digunakan sepenuhnya kerana dia bergantung kepada tenaga manusia sepenuhnya. Lalu, pihak Jepun telah melakukan inovasi pada basikal yang sedia ada dengan menjadikannya motor berkuasa genetik. Kesan daripada inovasi tersebut telah memberikan satu kelebihan baharu kepada pihak Jepun dan sekaligus telah memudahkan mereka untuk berkomunikasi sesama mereka.

Berdasarkan petikan kisah *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas*, kisah ini dengan jelas menggambarkan berlakunya inovasi yang dilakukan oleh pihak Jepun dalam menakluki dan meluaskan penjajahan di Tanah Melayu. Perkara ini boleh dibuktikan apabila Jepun telah melakukan inovasi terhadap basikal yang mereka gunakan dengan menjadikannya sebagai motor berkuasa genetik. Setelah itu, motor tersebut telah digunakan sebagai alat komunikasi bagi tentera jepun di Tanah Melayu. Bukan itu sahaja, inovasi ini juga turut dipaparkan melalui kegunaan jet pejuang oleh tentera Jepun dan mereka menggunakan minyak pokok jarak sebagai bahan bakar kepada jet pejuang tersebut. Hal ini dibuktikan melalui petikan berikut:

#### Petikan 16

Selain penggunaan motor genetik, tentera Jepun juga telah menggunakan minyak pokok jarak bagi mengisi minyak jet pejuang Jepun pada ketika itu. Ianya merupakan sesuatu yang unik dalam aktiviti penaklukan yang tidak pernah dilakukan kerana mempunyai strategi strategik dalam perlaksanaannya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 33)

Inovasi dalam konteks politik juga turut tergambar dalam kisah lisan bertajuk

*Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* dan ia dibuktikan melalui petikan di bawah:

**Petikan 17**

“...sewaktu di hadapan para pembesar, baginda telah bertilah “Wahai para pembesar beta. Beta merasakan beta telah menemui jalan bagaimana hendak memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Beta rasa beta mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja.” Ia telah membuatkan para pembesar berpandangan sesama sendiri. Walaupun merasa cadangan itu tidak bernas namun dituruti segala perintah baginda.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Penglipurlara mengisahkan tentang bagaimana kembalinya kepesatan perdagangan pada sebuah kerajaan yang dikenali dengan nama Pantai pengkalan Datu. Kisahnya dimulakan apabila penglipurlara memperkenalkan kepada khalayak bahawa dahulunya ada sebuah pantai yang dijadikan sebagai pusat perdagangan yang terawal di negeri Che Siti Wan Kembang dan pantai tersebut dikenali sebagai Pantai Wan Jala dan kemudian diubah kepada Pantai Pengkalan Datu. Selain terkenal akan kepesatan dalam aktiviti perdagangan, negeri tersebut juga terkenal kerana ianya diperintah oleh seorang puteri cantik lagi rupawan yang dikenali dengan nama Puteri Saadong. Beliau bukan sahaja memiliki paras rupa yang cantik, malah bijak dalam mengurus dan mengatur strategi sewaktu pemerintahannya. Akan tetapi, lama kelamaan telah banyak kawasan yang mula muncul sebagai pusat perdagangan sehingga menyebabkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu tidak pesat seperti dahulu. Hal ini secara tidak langsung telah mendatangkan kegusaran dan dukacita kepada Puteri Saadong sehingga menyebabkan baginda memikirnya siang dan malam. Malah, hal ini sekaligus membuatkan para pembesar susah hati dengan sikap baginda. Suatu hari, baginda telah keluar bersiar-siar di luar istana. Setelah melihat keadaan para nelayan yang menurunkan ikan dari kapal, telah membuatkan baginda mendapat idea bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pedagang yang datang ke Pantai Pengkalan Datu. Tidak berapa

lama, Pantai Pengkalan Datu telah kembali pesat dan mula membangun kembali seperti waktu dahulu.

Berdasarkan kisah *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*, penulis menceritakan tentang kebijaksanaan yang dimiliki oleh Puteri Saadong dalam mengangkat kembali Pantai Pengkalan Datu sebagai pusat perdagangan. Contohnya, di awal pemerintahannya, baginda telah menjadikan Pantai Pengkalan Datu ini sebagai pusat perdagangan pertama di Kelantan. Disebabkan Pantai Pengkalan Datu merupakan tempat pertama yang menjadi pusat perdagangan, maka ramai pedagang-pedagang dari luar datang berdagang di kawasan tersebut. Akan tetapi, perdagangan tersebut tidak sepesat negeri lain kerana para pedagang tiada tempat untuk menginap, ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Petikan 18

“...mereka berdagang secara rukun dan damai. Namun, aktiviti perdagangan tersebut tidak berlaku sepesat negeri-negeri lain. Hal ini kerana para pedagang tiada tempat untuk menginap di kawasan terbabit. Hal ini telah menimbulkan dukacita kepada Puteri Saadong melihat hal begitu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Lanjutan dari itu, telah menyebabkan Puteri Saadong mati akal memikirkan bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah tersebut sehingga pada suatu hari baginda telah mendapat idea iaitu dengan melakukan inovasi terhadap cara atau kaedah perdagangan yang digunakan di Pantai Pengkalan Datu iaitu dengan mengadakan jualan di atas kapal. Perkara ini digambarkan melalui petikan berikut:

Petikan 19

“Wahai para pembesar beta. Beta merasakan beta telah menemui jalan bagaimana hendak memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Beta rasa beta mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Setelah inovasi tersebut dilakukan. Maka, lama-kelamaan Pantai Pengkalan Datu mula membangun dan semakin pesat sehingga menarik banyak perhatian pedagang-pedagang untuk berdagang di kawasan tersebut kerana mereka tidak perlu risau dan tidak perlu memikirkan soal penginapan. Bukan itu sahaja, apabila para pedagang berdagang di atas kapal dagang masing-masing, barang dagangan mereka akan lebih selamat dan lebih mudah diuruskan serta menjimatkan masa. Dalam konteks ini, jelas membuktikan berlakunya inovasi dari segi cara perdagangan di Pantai Pengkalan Datu dan inovasi tersebut telah memberikan kesan positif kepada negeri tersebut. Inovasi dari segi jualan atas kapal dibuktikan melalui petikan berikut:

Petikan 20

“Setelah tidak berapa lama, pantai ini mula membangun dengan pesat. Hal ini telah dilihat jualan di tebing-tebing telah mendapat perhatian daripada golongan pedagang pada ketika itu. Ini kerana mereka tidak perlu memikirkan soal penginapan dan keselamatan barang jualan di atas kapal. Jualan mereka juga telah meningkat dengan adanya jualan sebegini...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Melalui kisah-kisah dan juga peristiwa yang telah dinyatakan sebelum ini jelas menunjukkan berlakunya inovasi dan daripada inovasi tersebut, terdapat perkara yang boleh dipelajari oleh pembaca dan khayalak iaitu mengelakkan diri dari terus berada dalam zon selesa. *Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan pengertian zon sebagai lingkungan yang terbahagi mengikut garisan lintang dan juga suhu. Manakala, selesa pula bermaksud tidak sempit dan selesa ketika duduk dan lain-lain. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa zon selesa bermaksud keadaan yang biasa-biasa dan tidak cuba untuk keluar dari kebiasaan atau tidak mencuba untuk memperbaiki atau menambah baik sesuatu perkara agar ia lebih mendatangkan manfaat dan memberikan nilai tambah.

Tegasnya, melalui kisah di atas, dapat dilihat bahawa pihak Jepun dan juga Puteri Saadong tidak kekal dalam zon selesa. Malah, mereka cuba untuk keluar dari zon selesa

tersebut untuk menjadikan masa depan mereka lebih bermanfaat. Contoh, dalam kisah *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas*, memaparkan tentera Jepun telah melakukan pengubahsuaian dari basikal kepada motor genetik. Manakala, kisah *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*, pula memaparkan corak dan gaya perniagaan yang diubah oleh Puteri Saadong iaitu dari perdagangan di atas darat kepada perdagangan secara terus di atas kapal. Oleh yang demikian, melalui inovasi tersebut dapat menjana kepada pembentukan minda khalayak agar tidak terlalu selesa akan pencapaian sesuatu perkara. Hal ini, kerana bila kita tidak berganjak dari kedudukan selesa (zon selesa) maka, kita tidak akan berkembang dan hanya berada pada satu titik pencapaian sahaja. Sebagai contoh, berbalik kepada kisah *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*, sekiranya Puteri Saadong tidak keluar dari zon selesa, sudah pasti aktiviti perdagangan di pantai Pengkalan Datu itu semakin lama-semakin kurang aktiviti kerana tidak mampu untuk melakukan daya saing dengan pelabuhan atau perdagangan di tempat lain.

Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa inovasi ini boleh dijalankan dengan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan gunaan. Hal ini, kerana pendekatan gunaan ini berfungsi sebagai alat yang dapat menimbulkan kesan keindahan dan melahirkan rasa kagum akan ciptaan Allah SWT, malah karya sastera yang dihasilkan juga turut dikategorikan sebagai salah satu objek alam yang tercipta atas izin dan restu dari Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Contohnya penulis memperlihatkan pihak Jepun menggunakan minyak pokok Jarak sebagai bahan bakar, manakala, cetusan idea yang dimiliki oleh Puteri Saadong juga boleh dikategorikan sebagai restu yang diberikan Allah SWT kepada hambanya. Natijahnya, kisah *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas* dan *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* yang terkandung unsur inovasi ini sememangnya dapat memberikan pengajaran kepada khalayak akan memperbaiki kehidupan pada masa akan datang.

## 4.3 Ekonomi

Perkataan ekonomi merujuk kepada ilmu yang berkaitan dengan hal-hal atau perkara berkenaan pengeluaran, penggunaan barang-barang dan pengagihan serta perkhidmatan yang ditawarkan. Menurut Adam Smith (1776) pula mendefinisikan pengertian ekonomi ini sebagai sebuah disiplin ilmu dan penyelidikan yang bersangkutan dengan keadaan serta kekayaan sesebuah negara. Menurut Frank William (2013) menyatakan bahawa ekonomi ini merupakan satu pelajaran yang dipelajari oleh umat manusia khasnya untuk digunakan dalam urusan sehari-hari seperti menghasilkan wang dan membelanjakan wang tersebut demi kelangsungan hidup. Rumusnya, melalui pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana berkaitan ekonomi ini merujuk kepada satu bidang ilmu yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan wang. Oleh yang demikian, sistem sosial dalam konteks ekonomi ini akan membincangkan berkaitan tuntutan sistem pemerintahan, pemodenan infrastruktur dan ufti bunga emas.

### 4.3.1 Tuntutan Sistem Pemerintahan

Maksud tuntutan merujuk kepada sesuatu yang dituntut, permintaan yang mendesak atau dakwaan (*Kamus Dewan*, 2017). Seterusnya, kata sistem pula merujuk kepada cara atau kaedah dalam melakukan sesuatu perkara agar lebih teratur dan tersusun. Manakala, pemerintahan pula merujuk kepada kata perbuatan yang meliputi cara atau sistem sesebuah pentadbiran. Tuntasnya, apa yang dapat berkaitan definisi yang telah dinyatakan, jelas menerangkan bahawa tuntutan sistem pemerintahan ini merujuk kepada satu keperluan yang harus dilakukan atau dilakukan agar dapat melancarkan sesuatu proses pekerjaan. Oleh itu, tuntutan sistem pemerintahan ini jelas digambarkan kisah *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* seperti mana petikan di bawah:

### Petikan 21

“Pantai ini dahulunya telah dijadikan pusat perdagangan terawal di negeri Cik Siti Wan Kembang ini... Dahulunya pemerintahan ini telah diperintah oleh seorang puteri yang cantik rupawan bernama Puteri Saadong. Puteri yang bijaksana dalam mengatur pemerintahan negeri. Pemerintahan negeri yang diatur dengan menjadikan Pantai Pengkalan Datu sebagai pusat perdagangan terbesar negeri tersebut. Ramai pedagang telah datang untuk berdagang di kawasan ini... Namun, aktiviti perdagangan ini tidak berlaku sepesat negeri-negeri lain. Ini kerana para pedagang tiada tempat untuk menginap di kawasan terbabit. Hal ini telah menimbulkan dukacita kepada Puteri Saadong melihatkan hal begitu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Berdasarkan kisah *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* tersebut, penulis menggambarkan adanya tuntutan sistem pemerintahan yang dilakukan oleh Puteri Saadong selaku pemerintah pada ketika itu. Contoh, baginda telah menjadikan Pantai Pengkalan Datu ini sebagai pusat perdagangan terawal di negeri Kelantan. Hal ini, kerana dengan mengadakan aktiviti perdagangan di negeri tersebut, maka akan adanya aliran kewangan dan pada masa yang sama dapat memberikan pulangan keuntungan kepada negeri Cik Siti Wan Kembang. Akan tetapi aktiviti perdagangan di pelabuhan tersebut tidak sepesat negeri lain kerana para pedagang tidak memiliki tempat tinggal. Hal ini telah mendorong Puteri Saadong untuk melakukan perubahan atas dasar tuntutan sistem pemerintahan. Jika tidak, aktiviti perdagangan di Pantai Pengkalan Datu akan terjejas dan para pedagang mungkin berpindah untuk berdagang di negeri-negeri lain. Oleh itu, tuntutan sistem pemerintahan yang dilakukan oleh Puteri Saadong ini jelas digambarkan melalui petikan di bawah:

### Petikan 22

“Wahai para pembesar beta. Beta merasakan beta telah menemui jalan bagaimana hendak memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Beta rasa beta mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja.” Ia telah membuatkan para pembesar berpandangan sesama sendiri. Walaupun merasa cadangan itu tidak bernas namun dituruti segala perintah baginda. Setelah tidak berapa lama, pantai ini mula membangun dengan pesat. Hal ini telah dilihat jualan di tebing-tebing telah mendapat perhatian daripada golongan pedagang ketika itu... Secara tidak langsung jualan sebegini telah meningkatkan ekonomi negeri Kelantan pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Menerusi contoh petikan tersebut, tuntutan yang diinginkan oleh Puteri Saadong jelas dituruti dan dilakukan seperti mana kehendak baginda. Rentetan itu, aktiviti perdagangan di pantai tersebut kembali pesat bahkan ia telah menarik lebih banyak perhatian para pedagang untuk turut sama bermiaga di tebing-tebing pantai. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa tuntutan yang dilakukan oleh Puteri Saadong merupakan satu tindakan yang wajar kerana baginda mengambil kira aspek dan kesan yang bakal diperoleh bukan sahaja kepada negeri baginda, malah turut memberikan nilai kepada rakyatnya.

Justeru itu, melalui perbincangan dalam konteks tuntutan sistem pemerintahan, penulis cuba menegaskan kepada khalayak atau pembaca betapa pentingkan sifat yakin terhadap sesuatu perkara yang dilakukan. Yakin bermaksud betul-betul percaya tentang kebenaran, kemampuan, tidak ragu-ragu (*Kamus Dewan*, 2017). Yakin juga merujuk kepada sikap yang dimiliki oleh manusia yang mempunyai kecerdasan dan mampu melakukan sebarang tugas atau pekerjaan dengan semangat yang bersungguh-sungguh agar mencapai perkara yang diinginkan (Jumali Selamat, 2001; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh para sarjana dapat dirumuskan bahawa sikap yakin itu harus ada dalam diri setiap individu. Hal ini, kerana apabila seseorang itu memiliki sifat yakin dalam diri, maka mereka akan lebih percaya diri dan mampu melakukan sesuatu perkara. Bukan itu sahaja, orang yang memiliki keyakinan diri ini juga akan mengerjakan sesuatu kerja itu dengan lebih bersungguh-sungguh kerana mereka yakin akan perkara yang mereka usahakan. Contohnya, Puteri Saadong telah turun sendiri untuk melihat keadaan para pedagang yang datang berdagang di negeri baginda. Setelah mendapat ilham, baginda telah menitahkan kepada para pembesar agar aktiviti perdagangan dilakukan secara atas kapal sahaja. Walaupun cadangan yang dikemukakan oleh baginda dianggap tidak bernalas namun tetap diturutkan oleh para

pembesar. Sifat yakin dalam diri baginda untuk mengadakan aktiviti jualan atas kepala telah membawa hasil apabila ia berjaya menarik perhatian pedagang dan secara tidak langsung meningkatkan ekonomi negeri Kelantan pada ketika itu. Oleh itu, melalui tuntutan sistem pemerintahan ini dapat mengajarkan kepada masyarakat atau pembaca untuk lebih yakin dengan apa jua tindakan yang dilakukan dan sekiranya seseorang itu tidak yakin akan tindakan yang dilakukan maka akan timbul perasaan was-was atau ragu dalam diri yang akhirnya akan menyebabkan kerja yang dilakukan itu tidak mendapat hasil yang baik.

Di samping itu, ekonomi dalam konteks tuntutan sistem pemerintahan ini juga telah mendorong kepada berlakunya persaingan antara negara dan perkara ini boleh dirujuk menerusi kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu*, adalah seperti petikan di bawah:

### Petikan 23

“Diceritakan dalam riwayat, bumi Kelantan pada zaman dahulu telah diperintah oleh seorang puteri yang cantik rupawan bernama Puteri Saadong. Dalam pemerintahannya, pangkalan ini menjadi bertambah pesat dan maju sehingga pangkalan ini menjadi pusat perdagangan serantau. Dalam keadaan yang pesat itu, timbul perasaan hasad dengki daripada pihak luar termasuk pihak Siam.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 13)

Cerita *Kegemilangan Pengkalan Datu* ini mengisahkan tentang kehebatan para pembesar dan juga pemimpin pada zaman dahulu kala. Cerita dimulakan menyatakan bahawa Pengkalan Datu ini mempunyai perkaitan dengan kerajaan Negeri Perak kerana mempunyai kaitan dengan bijih timah di kawasan Larut sewaktu pemerintahan Long Yunus. Seperti mana yang dinyatakan pada kisah sebelum ini, Pengkalan Datu ini sememangnya pesat dengan aktiviti perdagangan sehingga menjadi pusat perdagangan serantau. Akan tetapi kemajuan yang dimiliki oleh Pengkalan Datu telah menimbulkan rasa isi hati pihak luar termasuk juga pihak Siam. Pihak Siam telah bertindak menyerang Pengkalan Datu sehingga menyebabkan Puteri Saadong hilang entah kemana.

Kemudian, tampuk pemerintahan telah diambil alih oleh Sultan Omar dan baginda telah berjaya mengembalikan Pengkalan Datu sebagai pusat perdagangan besar di Kelantan.

Berdasarkan kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu*, penulis memperlihatkan tuntutan sistem pemerintahan yang dilakukan oleh Puteri Saadong juga boleh mengundang perasaan negatif masyarakat yang berada di sekitarnya. Contoh, sewaktu Pengkalan Datu berada di bawah pemerintahan Puteri Saadong, Pengkalan Datu telah menjadi pusat perdagangan serantau dan hal ini telah menyebabkan timbulnya hasad dengki dari pihak luar termasuk Siam kerana iri hati dengan perkembangan dan kemajuan Pantai Pengkalan Datu di bawah pemerintahan Puteri Saadong. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa kemajuan dan kehebatan sesebuah negara juga boleh menjadi pemicu kepada gejala yang kurang sihat yang akhirnya akan mendorong kepada hal-hal yang lebih mengerikan.

Rentetan itu, hasad dengki merupakan sebuah penyakit hati yang wujud dalam diri seseorang dan golongan ini tidak boleh melihat seseorang yang mempunyai perkara yang melebihi dirinya. *Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan perkataan hasad dengki ini sebagai satu sifat yang menaruh perasaan dengki yang disertakan dengan niat jahat. Bukan itu sahaja, individu yang memiliki sifat hasad dengki dalam diri ini sebenarnya mempunyai masalah yang berkait dengan penyakit mental (Hassan Langgulung, 1986). Kenyataan ini selari dengan pandangan yang diberikan oleh Muhammad Naim Che Berahim (2013), yang menyatakan bahawa hasad dengki in sebuah perasaan yang tidak senang hati apabila melihat seseorang itu mendapat pencapaian atau kesenangan atas sesuatu perkara. Berdasarkan pandangan yang telah diberikan oleh para sarjana, dapat dirumuskan bahawa perasaan atau penyakit hasad dengki ini merupakan satu penyakit yang berkait dengan hati dan perasaan yang akhirnya boleh mendorong kepada perbuatan tercela. Oleh yang demikian, hasad dengki ini boleh dilihat melalui kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu*, seperti petikan berikut:

#### Petikan 24

“Dalam keadaan yang pesat itu, timbul perasaan hasad dengki daripada pihak luar termasuk pihak Siam. Pihak Siam dikatakan iri hati dengan kemajuan pentadbiran di bawah Puteri Saadong pada ketika itu. Pihak Siam telah mengambil tindakan untuk menyerang Pangkalan Datu ini...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 13)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas memaparkan sikap dengki yang ditonjolkan oleh pihak Siam dan akhirnya telah mendorong mereka mengambil keputusan untuk menyerang Pengkalan Datu sehingga menyebabkan berlakunya huru-hara dan kehilangan nyawa. Dengan ini dapat dilihat bahawa apabila seseorang itu memiliki sifat dengki dalam diri dan kemudian melakukan kejahatan atas sifat dengki tersebut, nescaya Allah SWT akan menurunkan balasan kepadanya. Hal ini, kerana kita sebagai hamba-Nya harusnya menjauhkan sifat iri dan dengki dalam hati dan perasaan kerana setiap hasil dan kejayaan yang diperoleh oleh seseorang itu merupakan kurniaan dari Allah SWT dan kita sebagai hambanya harus meminta kepadaNya agar terhindar dari sifat sedemikian sepetimana Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya”

(Surah al-Falaq, 5)

Sehubungan itu, apa yang cuba ditekankan oleh penulis adalah berkaitan dengan sifat dengki kerana sifat ini boleh merosakkan hati dan akhirnya boleh merosakkan diri seseorang itu. Oleh itu, sebagai seorang hamba, kita haruslah sentiasa memohon perlindungan dari Allah SWT agar dijauhkan dari golongan-golongan yang memiliki sifat dengki ke atas diri kita. Lain dari itu, dari sifat hasad dengki ini, akan ada satu sifat yang menjadi lawan kepada hasad iaitu bersyukur. Dalam hal ini, penulis bukan sahaja memberitahu kita agar menghindari perbuatan hasad dengki, malahan penulis juga turut mengajak pembaca dan khalayak untuk belajar dan menerapkan sifat syukur dalam diri

atas nikmat dan kurniaan yang diberikan oleh Allah SWT. Hal ini kerana, apabila seseorang itu mempunyai sifat syukur dalam diri, maka sifat hasad dengki ini tidak akan lahir dalam diri kerana mereka tahu bahawa setiap rezeki yang dimiliki oleh seseorang itu merupakan ketentuan dan ketetapan Allah. Pada masa sama juga, dapat mendidik minda, hati dan juga jiwa untuk lebih percaya terhadap janji Allah SWT.

Sehubungan itu, tuntutan sistem pemerintahan ini boleh diaplikasikan menggunakan pendekatan moral kerana pendekatan ini berfungsi sebagai cerminan daripada pengalaman yang dilalui oleh setiap kehidupan manusia sama ada pengalaman tersebut dari sudut positif atau negatif (Hashim Awang, 2002). Contohnya, melalui kisah *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* yang memperlihatkan Puteri Saadong yang memiliki sifat gigih, tekun, prihatin, bertanggungjawab, tidak berputus asa dan yakin dalam tindakan yang dilakukan. Begitu juga dengan kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu*, kerana memperlihatkan kesan yang berlaku sekiranya seseorang itu memiliki sifat dengki dalam diri. Sesungguhnya, setiap manusia itu memiliki hak dan berkuasa penuh atas apa jua tindakan dan juga pilihan yang diambil dalam melakukan sesuatu perkara atau keputusan. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa kisah di atas dapat memberikan kebaikan kepada khalayak dan sekaligus dapat membuka minda masyarakat khasnya berkaitan naratif lisan.

#### 4.3.2 Pemodenan Infrastruktur

Pemodenan merujuk kepada perihal yang berkaitan dengan sebarang kegiatan, usaha dan sebagainya. *Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan kata pemodenan ini sebagai sebuah perbuatan atau tindakan dalam memodenkan sesuatu perkara atau memberikan pembaharuan terhadap perkara yang telah ada. Manakala infrastruktur pula secara umumnya merujuk kepada istilah yang memberi makna saluran komunikasi, rangkaian sosial, kepercayaan dan lain-lain. Selain itu, kata infrastruktur ini merujuk kepada

struktur asas sesebuah organisasi, sistem dan sebagainya. *Kamus Dewan* (2017) pula mentakrifkan kata infrastruktur ini sebagai kemudahan atau perkhidmatan asas yang disediakan seperti kemudahan pengangkutan, kesihatan, air, bekalan elektrik dan lain-lain yang bertujuan untuk membangunkan sesebuah masyarakat.

Selain itu, menurut Robertson dan Sribar (2002) pula menyatakan bahawa istilah infrastruktur ini merujuk kepada istilah yang berkait dengan makna yakni “lapisan-lapisan yang berada di bawah struktur dan saling menyokong antara satu dengan yang lain. Berdasarkan pandangan yang telah dikemukakan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa pemodenan infrastruktur merujuk kepada hal-hal atau perkara yang menjadikan kehidupan masyarakat lebih mudah dan pada masa yang sama turut memberikan pulangan kepada sesebuah penempatan khususnya sudut ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam konteks masa kini pemodenan infrastruktur menjadi salah satu keperluan dan setiap negara harus mengikuti perkembangan tersebut. Oleh yang demikian, pemodenan infrastruktur ini boleh dilihat melalui kisah bertajuk *Kepesatan Pengkalan Datu* sepertimana yang tergambar pada petikan berikut:

#### Petikan 25

“Dikatakan di kawasan sungai ini juga suatu ketika dahulu terdapatnya beberapa buah perahu kayuh bagi kemudahan masyarakat menjalankan aktiviti perdagangan. Kadangkala masyarakat luar turut datang ke situ untuk penghantaran barang seperti rotan dari hulu untuk dijual di pengkalan Sungai Babong. Pangkalan ini telah banyak memberikan kemudahan kepada penduduk setempat dan masyarakat luar untuk mendapatkan bekalan dan kebanyakan mereka akan menetap di situ selama dua atau tiga hari bagi memastikan bekalan yang akan diperoleh mencukupi.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 34)

Penglipurlara memulakan penceritaan dengan memberikan gambaran bahawa pada ketika itu telah berlakunya satu aktiviti perdagangan yang begitu pesat dan perdagangan tersebut berlaku di sekitar Sungai Babong. Dikatakan juga terdapat pelbagai jenis barang yang dijual di kawasan tersebut dan kawasan yang paling terkenal yang berada di Sungai Babong ialah Pengkalan Parit. Pengkalan Parit menjadi sebuah

pangkalan yang pesat apabila kawasan tersebut dijadikan sebagai pusat dalam urusan perdagangan serta jual beli. Penglipurlara turut menyatakan bahawa Pengkalan Parit ini bukan sahaja dikunjungi oleh masyarakat setempat malah turut menarik perhatian masyarakat dari negeri luar seperti Patani, Siam dan lain-lain. Salah satu faktor yang menjadikan Pengkalan Parit ini sebagai pilihan pedagang dan juga pembeli adalah kerana adanya kemudahan yang disediakan oleh pemerintah sebagai contoh perahu kayuh. Kemudahan perahu kayuh yang disediakan di Pengkalan Parit telah memudahkan lagi masyarakat untuk melakukan aktiviti perdagangan. Selain itu, kemudahan pengangkutan tersebut juga secara tidak langsung telah menjimat masa penduduk dan juga orang luar sewaktu datang ke Pengkalan Parit. Akhirnya, lama kelamaan kawasan Pengkalan Parit menjadi semakin pesat kerana kemudahan infrastruktur yang disediakan semakin bertambah dan memudahkan urusan sehari-hari masyarakat.

Menerusi Kisah *Kepesatan Pengkalan Parit*, jelas memperlihatkan adanya pemodenan infrastruktur yang dilakukan oleh pemerintah pada ketika itu. Contoh, di kawasan Pengkalan Parit telah menyediakan beberapa buah pengangkutan iaitu perahu kayuh. Tujuan perahu kayuh ini disediakan adalah bagi memberikan kemudahan kepada masyarakat sewaktu menjalankan aktiviti perdagangan. Bukan itu sahaja, dengan adanya perahu kayuh ini barang-barang yang berada di hulu boleh dihantar terus ke pengkalan Sungai Babong. Dalam konteks ini, jelas menggambarkan adanya pemodenan infrastruktur yang dilakukan di Pengkalan Parit dan perkara ini boleh dibuktikan melalui petikan di bawah:

#### Petikan 26

“Pengkalan ini telah banyak memberikan kemudahan kepada penduduk setempat dan masyarakat luar untuk mendapatkan bekalan dan kebanyakan mereka akan menetap di situ selama dua atau tiga hari bagi memastikan bekalan yang akan diperoleh mencukupi. Persekutuan sungai yang sangat bersih suatu ketika dahulu telah merancakkan lagi aktiviti perdagangan dan jual beli yang dijalankan di kawasan sekitar sungai tersebut”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 34)

Melalui petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa melalui kemudahan infrastruktur yang disediakan, ia bukan sahaja dapat merancakkan aktiviti perdagangan, malah ia secara tidak langsung dapat memberikan sumber pendapatan tambahan kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut apabila ada pedagang-pedagang dari luar datang menyewa sementara menunggu dan memastikan barang yang ingin dibeli mencukupi. Selain dari kemudahan infrastruktur, kebersihan sungai juga merupakan salah satu faktor yang turut menjadi pendorong kepada kepesatan aktiviti perdagangan di Pengkalan Parit. Hal ini juga jelas digambarkan seperti mana petikan berikut:

Petikan 27

“Persekutaran sungai yang sangat bersih suatu ketika dahulu telah merancakkan lagi aktiviti perdagangan dan jual beli yang dijalankan di kawasan sekitar sungai tersebut”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 34)

Menerusi petikan *Kepesatan Pengkalan Parit*, jelas menggambarkan betapa bersihnya Pengkalan parit pada ketika itu. Kebersihan di Pengkalan Parit tidak dapat disangkal lagi apabila penglipurlara menggunakan kata penguat “sangat” bagi memberikan gambaran dan unsur penekanan makna kepada khalayak tentang kebersihan sungai di kawasan tersebut. Sekiranya dilihat pada satu sudut pandang yang lain, kebersihan sungai di Pengkalan Parit sebenarnya bertitik-tolak dari pengaruh pemimpin dan juga faktor agama. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti penduduk di Pengkalan Parit beragama Islam. Menurut Muhammad Redzuan Othman (1988) menyatakan bahawa pemodenan telah berlaku dari dahulu lagi dan ia semakin meluas apabila Alam Melayu menjalinkan hubungan intelektual dengan Mekah dan sekaligus menjadikan Alam Melayu sebagai pusat pendidikan serantau bagi umat Islam sedunia pada ketika itu. Oleh yang demikian, bertepatan dengan ajaran agama, kebersihan merupakan salah satu perkara yang dituntut dalam agama Islam dan dalam hadis juga ada menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W pernah bersabda “kebersihan itu sebahagian daripada iman”. Perkara ini juga selari dengan masyarakat di Alam Melayu yang pada ketika itu sangat

berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Jadi, tidak mustahil sungai di Pengkalan Parit merupakan salah satu sungai yang sangat bersih.

Melihat dalam konteks masa kini, kebersihan merupakan salah satu perkara yang harus diterapkan dalam setiap jiwa masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menjaga kebersihan diri, sekitar dan negara ia dapat menjadikan sesebuah negara itu jauh dari gejala penyakit yang berbahaya. Justeru itu, amalan kebersihan ini harus ditanam dalam diri sejak kecil lagi. Selain itu, negara kita juga turut memperkenalkan Dasar Kebersihan Negara kerana dasar tersebut bertujuan untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera. Akan tetapi, untuk menjaga kebersihan sesuatu perkara atau kawasan itu bukanlah suatu kerja yang mudah. Sudah pasti akan ada tangan-tangan kotor yang akan menyebabkan berlakunya pencemaran. Sebagai contoh, pencemaran sungai. Hal ini berlaku disebabkan oleh individu-individu yang tidak mempunyai sikap tanggungjawab dalam diri dan kemudian mencemarkan sungai dengan barang-barangan seperti sampah sarap, sisa kimia dari kilang, pembalakan secara haram sehingga menyebabkan hakisan tanah dan berbagai-bagi lagi.

Berdasarkan masalah sosial yang dinyatakan di atas, jelas menggambarkan bahawa, sebenarnya untuk menjaga kebersihan sesebuah tempat itu harus bermula dalam diri individu itu sendiri. Sekiranya individu terbabit tidak mementingkan diri, sudah pasti sungai akan terjaga dan bebas dari sampah sarap serta sisa kimia yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit. Berbalik kepada kisah *Kepesatan Pengkalan Parit*, dapat dibuktikan bahawa masyarakat serta pedagang luar yang datang ke Pengkalan Parit, sama-sama menjaga kebersihan sungai tersebut agar ia tidak tercemar. Sikap menjaga kebersihan persekitaran merujuk kepada manusia yang dapat menjaga kebersihan diri, jiwa serta persekitarannya agar sentiasa bersih dan selesa untuk kegunaan harian (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Melalui kisah tersebut, apa yang

ingin ditekankan kepada pembaca adalah berkaitan dengan pemodenan infrastruktur. Hal ini, kerana sekiranya Pengkalan Parit tidak melakukan permodenan dari segi pengangkutan, berkemungkinan aktiviti perdagangan di kawasan tersebut menjadi biasa-biasa saja seperti mana kawasan perdagangan yang lain.

Sehubungan itu, berdasarkan perbincangan yang dibahaskan, pemodenan infrastruktur ini bertepatan diaplikasikan dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana pendekatan kemasyarakatan ini merupakan sebuah pendekatan yang dianggap sebagai alat dalam menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan kebaikan yang dapat membawa kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian berkaitan ekonomi dalam konteks pemodenan infrastruktur telah membuktikan bahawa penglipurlara menggambarkan dengan jelas tentang pemodenan yang dilakukan di Pengkalan Parit sehingga kawasan tersebut menjadi pesat dan membangun. Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa mendekatkan masyarakat ini dapat melahirkan masyarakat yang hidup secara rukun. Oleh itu, menerusi kisah *Kepesatan Pengkalan Parit* yang didalamnya terkandung pemodenan dapat memberikan nilai tambah sekaligus membuka minda masyarakat bahawa Alam Melayu pada waktu dahulu telah mempunyai pemodenan yang dapat memberikan pembaharuan dalam kehidupan masyarakat.

#### 4.3.3 Ufti Bunga Emas

Kata ufti merujuk kepada istilah yang digunakan oleh negara pramoden sebagai simbolik kepada hubungan tertentu dan hubungan tersebut biasanya dijalinkan dengan negara yang lebih kuat. Ufti juga merujuk kepada pemindahan kekayaan yang ada di sesebuah negara seperti emas, bahan mentah, hasil-hasil dalam negara dan lain-lain. *Kamus Dewan* (2017) pula mendefinisikan kata ufti sebagai sebuah persembahan yang akan dipersembahkan kepada raja atau negara yang mempunyai kekuatan, kekuasaan dan

penaklukkan. Ufti tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk emas, wang dan lain-lain. Tuntasnya, melalui pendefinisan yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa ufti ini merujuk kepada persembahan wang atau kekayaan sesebuah negara kepada negara yang lebih berkuasa dan pada masa yang sama turut menjalinkan hubungan tertentu yang dapat memberikan manfaat kepada kedua belah pihak. Berdasarkan definisi tersebut, jelas menggambarkan bahawa bunga emas merupakan salah satu simbolik kepada ufti yang melambangkan hubungan tertentu antara dua negara.

Oleh yang demikian, sistem sosial dalam konteks ekonomi melalui ufti bunga emas ini boleh dilihat melalui kisah yang bertajuk *Asal Usul Datu* dan seperimana lampiran di bawah:

Petikan 27

“Dahulu dikatakan kerajaan Thailand ini diperintah oleh seorang raja namanya Raja Alauddin yang telah memeluk agama Islam pada ketika itu. Pemerintahan yang kukuh dapat dilihat daripada struktur pertahanannya. Pada ketika itu, kerajaan Thailand masih menerima ufti bunga emas daripada kerajaan Terengganu. Kerajaan Terengganu akan menghantar ufti bunga emas selang tiga bulan sekali sebagai tanda berlindung di bawah kerajaan Thailand. Pengambilan bunga ufti tersebut telah dilakukan oleh pemuda ufti namanya Datu. Tugas ini diarahkan oleh Raja Thailand pada ketika itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 1)

Kisah *Asal Usul Datu* dimulakan dengan memperkenalkan kerajaan Thailand yang dikenali sebagai Patani dan diperintah oleh seorang raja yang telah memeluk agama Islam iaitu Raja Alauddin. Penglipurlara menggambarkan kehebatan dan kekuasaan Patani melalui struktur pertahanannya pada ketika itu. Kisah disambung apabila kerajaan Terengganu menghantar ufti bunga emas kepada kerajaan Thailand selang tiga bulan sekali. Tujuan kerajaan Terengganu menghantar ufti bunga emas tersebut adalah sebagai simbolik dan perlindungan kerajaan Terengganu di bawah Thailand. Disebabkan jarak agak jauh, maka Raja Thailand telah memerintahkan seorang pemuda yang dikenali sebagai Datu untuk menjadi sebagai pengantara dalam mengambil bunga emas yang dikirimkan oleh kerajaan Terengganu. Untuk mengambil bunga emas

tersebut, Datu terpaksa menyeberangi dan merentasi pelbagai halangan untuk sampai ke Terengganu. Disebabkan hanya Datu sahaja yang menjadi orang tengah dalam mengambil ufti tersebut. Maka jalan yang berliku itu telah menjadi sebatian dalam dirinya. Akan tetapi tidak lama kemudian, kerajaan Thailand telah dikejutkan dengan serangan musuh yang telah lama menyimpan dendam terhadap Thailand. Serangan tersebut telah mengejutkan Thailand yang tidak melakukan sebarang persiapan. Serangan yang dilakukan oleh musuh, telah menyebabkan ramai nyawa terkorban. Datu merupakan salah seorang yang terkena serangan sewaktu peperangan itu berlaku. Melihat kerajaan Thailand yang tidak mampu bertahan menyebabkan Datu telah berundur dan melarikan diri ke tempat selamat. Akhirnya, Datu telah sampai di sebuah tempat dan kemudiannya menjadikan tempat tersebut sebagai tempat berlindung kepadanya. Hari berganti hari, lama-kelamaan kawasan tersebut semakin ramai. Akhirnya, kawasan tersebut dikenali sebagai Lembangan Pengkalan Datu sempena nama Datu tersebut.

Menerusi kisah tersebut, jelas memaparkan wujudnya hubungan antara kerajaan Terengganu dengan kerajaan Thailand melalui penghantaran ufti bunga emas. Contohnya, penghantaran ufti bunga emas oleh kerajaan Terengganu telah dilakukan oleh seorang pemuda iaitu Datu. Jika dilihat dari satu sudut lain, sebenarnya, orang yang bertanggungjawab untuk menghantar bunga emas tersebut adalah dari kalangan masyarakat Terengganu itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, ufti bunga emas yang dihantar itu kerajaan Terengganu itu merupakan tanda bahawa kerajaan Terengganu berlindung di bawah Thailand dan perkara ini jelas digambarkan dalam petikan berikut:

#### Petikan 28

“Pengambilan bunga ufti tersebut telah dilakukan oleh pemuda ufti namanya Datu. Tugas ini diarahkan oleh Raja Thailand pada ketika itu...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 1)

Tegasnya, tugas mengambil ufti tersebut sepatutnya dilakukan oleh masyarakat yang berada di Terengganu. Akan tetapi, disebabkan rasa hormat akan Raja Thailand pada ketika itu, Datu telah mengambil dan memikul amanah tersebut dengan sebaik mungkin. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa Datu merupakan seorang pemuda yang mempunyai nilai yang tinggi dan amanah. Sikap amanah ini sebenarnya lahir dalam diri individu yang mempunyai sifat keikhlasan dan jujur dalam melakukan sesuatu pekerjaan atau perkara (Jumali Selamat, 2001; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). *Kamus Dewan* (2017) pula mendefinisikan kejujuran sebagai sebuah sifat yang dimiliki oleh individu yang melakukan sesuatu pekerjaan tanpa ada maksud yang terselindung.

Berdasarkan kenyataan yang telah diberikan oleh para sarjana, jelas memaparkan bahawa kejujuran dalam konteks amanah wujud dalam diri Datu. Amanah pula merujuk kepada satu sikap yang memenuhi permintaan orang lain tanpa adanya unsur penipuan dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan. Contohnya, Datu begitu amanah memikul tanggungjawab telah diberikan oleh Raja Thailand kepadanya dan ini terbukti apabila jalan yang menghubungkan Terengganu dengan Thailand Telah menjadi sebatian dalam dirinya. Sekiranya diteliti, pengarang cuba menekankan kepada pembaca berkaitan sikap amanah. Hal ini kerana sikap amanah ini merupakan satu sikap yang sukar untuk dilakukan. Walaupun kata amanah itu terdengar kecil, hakikatnya memerlukan pengorbanan yang amat besar dan kebanyakan masyarakat masa kini kurang menerapkan sifat tersebut dalam diri. Sebagai contoh, dalam konteks pekerjaan, terdapat segelintir individu yang mencuri tulang semasa dalam tempoh pekerjaan dan ada juga segelintir pekerja yang tidak bersungguh-sungguh dalam melakukan pekerjaan. Dengan kata lain, untuk menjadi seseorang yang amanah itu sebenarnya bertitik tolak daripada individu itu sendiri dan amanah ini juga turut berkaitan dengan keadaan jiwa seseorang.

Di samping itu, ufti bunga emas ini juga turut dipaparkan dalam kisah *Tengku Mahmud Muhiyuddin* sepetimana petikan berikut:

Petikan 29

“Keadaan menjadi semakin genting apabila British turut sama campur tangan dalam pentadbiran di Tanah Melayu pada ketika itu. Bagi kerajaan Patani, Jepun perlu dihapuskan kerana telah menyebabkan penerimaan ufti tergendala dalam tempoh yang lama. Pihak Patani bimbang jika Kelantan akan jatuh dalam genggaman Jepun...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 64)

Melalui kisah *Tengku Mahmud Muhiyuddin* jelas memberikan gambaran sepintas lalu berkaitan kisah tersebut yang memberikan fokus terhadap tokoh. Tengku Mahmud Muhiyuddin merupakan nama yang tidak asing lagi bagi masyarakat terdahulu. Beliau merupakan seorang raja Patani yang terkenal akan kehebatan dalam pemerintahan, pertempuran dan bijak dalam melakukan strategi untuk penaklukan sesebuah kawasan. Akan tetapi, ia hanya sementara apabila beliau telah tersilap percaturan apabila memberikan jalan masuk kepada Jepun untuk masuk ke Tanah Melayu. Disebabkan kesilapan tersebut, pihak Jepun telah berjaya memperluaskan penguasaannya di Tanah Melayu. Hal ini telah menyebabkan Raja Patani mula bimbang akan kedudukannya kerana Kelantan pada ketika itu merupakan kawasan yang berada di bawah taklukan baginda. Bukan itu sahaja, apabila kuasa dan pengaruh Jepun mula meluas, ia turut memberikan kesan kepada Patani yang pada ketika itu masih menerima ufti bunga emas dari Kelantan. Perkara ini dijelaskan melalui petikan di bawah:

Petikan 30

“Bagi kerajaan Patani, Jepun perlu dihapuskan kerana telah menyebabkan penerimaan ufti tergendala dalam tempoh yang lama.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 64)

Menerusi petikan di atas jelas memaparkan bahawa sebelum kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Raja Patani iaitu Tengku Mahmud Muhiyuddin telah menerima ufti bunga emas dari kerajaan Kelantan. Akan tetapi, setelah Patani memberikan ruang kepada

Jepun untuk memasuki Tanah Melayu telah menyebabkan ufti yang biasa diterima oleh kerajaan Patani menjadi tergendala dalam tempoh yang agak lama. Rentetan itu, Patani telah membuat satu perjanjian dengan pihak British berkaitan perkara tersebut. Akan tetapi, perjanjian tersebut dianggap sebagai pengkhianatan oleh pihak Jepun yang akhirnya menyebabkan Jepun melancarkan serangan ke atas Patani. Akan tetapi, disebabkan perjanjian yang dilakukan, pihak British telah membala kembali serangan yang dilakukan oleh pihak Jepun. Serangan tersebut telah menyebabkan Jepun mengundur diri dan menyerah kalah. Akan tetapi perjanjian yang dilakukan antara Patani dengan pihak British tidak ditepati sepertimana perjanjian dan hal ini telah menyebabkan Tengku Mahmud Muhiyuddin merasa sedih akan tindakan yang dilakukan lalu membawa diri ke tempat lain. Perkara ini boleh dilihat menerusi petikan berikut:

Petikan 31

“Selepas peristiwa itu, Jepun telah menyerah kalah. Namun, perjanjian yang dilakukan antara pihak British dengan Raja Patani tidak dilaksanakan. Pihak British telah menyerahkan kerajaan Patani kepada kerajaan Siam. Hal ini telah membuatkan Raja Patani merasa sedih dan telah membawa diri ke tempat lain.”  
(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 64)

Menerusi kisah berikut, terdapatnya unsur tidak amanah atau melanggar janji turut memberikan manfaat tambahan kepada pembaca atau khalayak. Kata melanggar merupakan satu kata yang memberikan banyak makna seperti merempuh, melanyak, melanda. tidak menepati perjanjian, menguasai, memusnahkan dan sebagainya (*Kamus Dewan*, 2017). Menurut Salim HS (2014) menyatakan bahawa melanggar janji merujuk kepada suatu tindakan yang tidak memenuhi ketetapan seperti mana yang dijanjikan sebelumnya. Menurut Syarah Aqilah Zulfakar (2023) menyatakan bahawa melanggar janji merupakan perbuatan yang sama dengan mengingkari janji. Tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa melanggar janji merupakan satu perbuatan yang tidak baik dan boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan seseorang terhadap individu yang melanggar janji yang telah dibuat.

Menerusi kisah tersebut, melanggar janji merupakan suatu perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh individu maupun kelompok masyarakat. Hal ini, kerana apabila janji yang dibuat tidak dikotakan, maka akan timbulnya pelbagai isu yang boleh menyebabkan perbalahan atau pergaduhan. Oleh itu, apa yang cuba ditegaskan oleh penulis kepada pembaca adalah berkaitan dengan janji. Kata janji ini sebenarnya diambil dari bahasa Arab iaitu *aqad*. Oleh yang demikian, selaku masyarakat yang maju dalam dunia teknologi dan pendidikan, akhlak dan juga perilaku juga haruslah selari dan berkembang menuju ke arah positif dan melahirkan masyarakat yang lebih berbudi dan mengelakkan berlakunya sengketa. Sesungguhnya, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. Iaitu mereka yang apabila menerima takaran dari orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain mereka mengurangi.

(Surah *al-Mutaffifin*, 1-3)

Sehubungan itu, petikan terjemahan di atas jelas menggambarkan bahawa apabila seseorang itu berjanji haruslah ia tepati. Hal ini, kerana Allah SWT telah menegaskan bahawa celakalah orang-orang yang tidak menepati janji yang telah dibuat dan akan mendapat balasan di akhirat kelak. Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam merupakan agama yang menuntut umatnya untuk bersikap jujur dan amanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan agar dapat melahirkan masyarakat yang makmur dan sejahtera.

Berdasarkan perbincangan tersebut, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral amat bertepatan dengan perbahasan di atas. Hal ini kerana pendekatan moral ini berfungsi sebagai alat yang dapat memperlihatkan pengalaman dan ilmu yang dilalui oleh setiap individu sepanjang hidupnya samada berimpak positif maupun negatif. (Hashim Awang, 2002). Contohnya, sifat amanah boleh dilihat menerusi watak Datu. Manakala, tidak menepati janji pula boleh dilihat menerusi watak

pihak British yang telah melanggar janji yang dibuat dengan Raja Patani. Oleh itu, melalui kisah *Asal Usul Datu dan Tengku Mahmud Muhiyuddi*, dapat memberikan kesan kesedaran kepada masyarakat agar menerapkan sikap amanah dan menepati setiap janji yang telah dilakukan agar dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi dalam diri.

#### 4.4 Keagamaan

Agama merujuk kepada kata yang membawa maksud kepercayaan kepada Tuhan dan percaya akan sifat-sifat serta kekuasaan yang dimiliki di samping menerima dan mengikuti ajaran agama dan perintah-Nya (*Kamus Dewan*, 2017). Menurut Mastura Haji Abd Wahab dan Wan Mohd Fazrul Wan Razali (2021) mendefinisikan agama ini merujuk kepada salah satu perkara yang paling penting dalam kehidupan manusia kerana dengan agama maka akan lahirnya sifat kepercayaan kepada tuhan dan mempercayai sifat serta zat yang dimiliki oleh Tuhan. Manakala, keagamaan pula merujuk kepada perihal agama atau hal-hal yang berkaitan dengan agama. Tuntasnya, pada bahagian ini akan membincangkan berkaitan sistem sosial dalam konteks keagamaan yang merangkumi penyebaran dakwah, berpegang teguh pada agama dan penyebaran agama Islam.

##### 4.4.1 Penyebaran Dakwah

Penyebaran merujuk kepada elemen yang berpecah dan terpisah yang kemudiannya berkembang dalam ruang dan waktu. *Kamus Dewan* (2017) mentakrifkan kata penyebaran sebagai suatu perihal yang melibatkan kegiatan, usaha dan sebagainya. Penyebaran juga merujuk kepada maksud menyebarkan, penaburan atau mengembangkan. Manakala, dakwah pula merujuk kepada seruan untuk beriman kepada jalan Allah SWT dan berimam kepada rasulNya. *Kamus Dewan* (2017) pula

mentakrifkan dakwah ini sebagai suatu kegiatan yang menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan yang dibawa oleh golongan-golongan tertentu. Dakwah juga membawa erti kepada seruan untuk beriman kepadaNya dan juga ajaran yang diutuskan melalui utusanNya dan membenarkan berita-berita yang disampaikan kemudian mentaati perintahNya (Tata Sukayat, 2009). Manakala menurut Ismail dan Hotman (2013) pula mentakrifkan dakwah adalah suatu kegiatan yang mengajak manusia untuk membuat kebaikan dan mengikut petunjuk Allah SWT dan menyeru mereka agar membiasakan diri dengan perkara baik dan melarang mereka membiasakan diri dengan perkara yang buruk agar kehidupan lebih baik di dunia dan akhirat. Tuntasnya, berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa penyebaran dakwah ini merupakan suatu kegiatan yang melibatkan penyebaran agama di samping mengajak dan menyeru umat manusia untuk melakukan kebaikan di dunia dan meninggalkan larangan yang telah ditegah olehNya.

Oleh yang demikian, keagamaan dalam konteks penyebaran dakwah ini boleh dilihat menerusi kisah bertajuk *Che Deraman*, berdasarkan seperti petikan berikut:

#### Petikan 32

“Dalam kalangan masyarakat Che Deraman amat disenangi kerana beliau sering membantu masyarakat sekeliling. Beliau seorang laksamana yang sangat baik dan sentiasa dihormati oleh penduduk sekitar. Ramai penduduk kampung yang mempunyai masalah datang mengadu kepada beliau dan beliau tidak mengabaikannya sebaliknya cuba sedaya upaya untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka....”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 60)

Kisah tersebut menceritakan tentang seorang tokoh yang sangat disanjungi oleh penduduk di Kampung Pengkalan Datu dan tokoh tersebut bernama Che Deraman. Penglipurlara menyatakan bahawa kisah ini bermula sekitar tahun 1800 kerana Che Deraman ini merupakan seorang laksamana yang pernah bekerja sebagai pengawal raja pada ketika itu. Beliau juga dikatakan seorang laksamana yang akur akan setiap titah yang diberikan oleh raja sehingga menyebabkan raja begitu sayang akan Che

Deraman. Selain itu, beliau juga merupakan seorang yang memiliki perwatakan yang baik dan tidak sompong meskipun beliau merupakan seorang laksamana. Perwatakan beliau yang tidak sompong dan suka membantu itu telah menjadikan Che Deraman ini disenangi oleh masyarakat sekeliling dan sentiasa dihormati kemana sahaja beliau pergi. Bukan itu sahaja, ketika masyarakat atau penduduk yang mempunyai masalah, mereka akan datang berjumpa dengan beliau dan mengadu akan masalah yang dihadapi. Disebabkan beliau seorang yang suka membantu, maka beliau akan sedaya upaya mencari jalan penyelesaian agar dapat membantu mereka yang berada dalam kesusahan. Bukan itu sahaja, beliau juga dikatakan seorang yang mempunyai ketinggian ilmu agama. Hal ini kerana, Che Deraman bukan sahaja seorang laksamana, malah beliau juga merupakan seorang pawang di kampung tersebut. Ramai penduduk kampung yang datang ke rumahnya untuk merawat pelbagai penyakit dan beliau dikatakan tidak mengambil sebarang upah kerana beliau tahu akan kewangan yang dimiliki oleh orang biasa. Justeru itu, setiap pertolongan yang diberikan dilakukan dengan ikhlas dan tidak mengharapkan apa-apa balasan.

Melalui kisah tersebut, dapat dilihat wujudnya kegiatan penyebaran dakwah yang kerana ia boleh dilihat pada watak Che Deraman. Contohnya, Che Deraman merupakan seorang laksamana yang mempunyai ilmu agama yang tinggi, beliau juga dikatakan seorang yang suka membantu penduduk kampung yang ditimpa masalah. Che Deraman juga dikatakan seorang pawang yang dapat menyembuhkan pelbagai penyakit dan rawatan serta pertolongan yang diberikan oleh beliau juga merupakan pertolongan yang ikhlas dan tidak mengharapkan apa-apa balasan dari penduduk kampung dan perkara ini dibuktikan melalui petikan berikut:

### Petikan 33

“Che Deraman merawat pesakit tanpa mengharapkan sebarang balasan kerana Che Deraman faham bahawa mereka hanya golongan biasa dan tidak mempunyai harta yang banyak...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 60)

Sikap yang ditunjukkan oleh Che Deraman telah menjadikan dirinya disenangi oleh penduduk kampung tersebut dan kemana sahaja beliau pergi akan dihormati dan disanjung. Dalam konteks ini jelas, membuktikan bahawa dengan pengetahuan agama dan ilmu yang dimiliki oleh Che Deraman telah mendorong beliau untuk melakukan kebaikan sepanjang hidupnya.

Melalui kisah *Che Deraman*, apa yang cuba ditegaskan oleh penulis kepada pembaca atau khalayak adalah berkaitan penyebaran dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana penyebaran dakwah itu tidak semestinya hanya berfokus kepada ajaran agama semata-mata, akan tetapi ia merangkumi seluruh tindak-tanduk, gerak kerja, serta perwatakan yang ditonjolkan oleh seseorang individu. Contoh, melalui watak Che Deraman, penulis menggambarkan sikap Che Deraman yang suka menolong penduduk kampung yang dilanda musibah tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Dalam konteks ini, kita dapat lihat bahawa Che Deraman merupakan seorang yang ikhlas dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Ikhlas merujuk kepada niat yang murni dan tulus dalam mengerjakan sesuatu perkara dan tidak lain hanyalah untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT. Ikhlas juga boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang suci, hati bersih dan suci, tidak mempunyai unsur penipuan, dusta ataupun berpura-pura (*Kamus Dewan*, 2017). Bukan itu sahaja, ikhlas ini merujuk kepada satu sifat mahmudah dan ia merupakan sifat yang sangat dituntut dalam Islam. Oleh yang demikian sifat ikhlas yang wujud dalam diri Che Deraman boleh dijadikan sebagai rujukan, ikutan dan juga panduan kepada pembaca dan juga khalayak agar dapat melahirkan generasi yang harmoni.

Selain itu, penyebaran dakwah ini juga turut disajikan dalam kisah *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu*, seperti petikan di bawah:

#### Petikan 34

“...Setelah mendapati dan diselidiki punca kejadian, Puteri Saadong telah menjadi murka. Para lanun mula menangis agar mereka diampunkan dan berjanji tidak akan melakukan hal seperti itu lagi. Mendengar janji yang telah

dilakukan oleh para lanun telah membuatkan baginda berhenti seketika sambil berfikir. Lalu baginda memaafkan perbuatan lanun-lanun itu...)

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 12)

*Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* ini mengisahkan tentang kehebatan sebuah pelabuhan yang terkenal dan menjadi pusat perdagangan di negeri Kelantan. Selain itu, pengkalan tersebut juga turut terkenal kerana ianya berada di bawah pemerintahan Puteri Saadong. Kepesatan di Pengkalan Datu tersebut telah menarik ramai pedagang-pedagang dari luar untuk datang berdagang di kawasan tersebut. Akan tetapi, dalam kepesatan itu, muncul rasa iri hati dan dengki dari pihak lanun kerana para pedagang yang datang ke Pengkalan Datu tidak takut dengan lanun-lanun pada ketika itu. Perkara ini telah mendorong para lanun untuk melakukan serangan ke atas Pengkalan Datu. Akan tetapi serangan tersebut tidak berjaya dan mereka telah ditangkap dan dihadapkan ke istana. Setelah Puteri Saadong mengetahui akan perkara tersebut, baginda menjadi murka tindakan yang telah dilakukan oleh lanun-lanun tersebut. Melihat akan raut wajah Puteri Saadong yang sedang murka membuatkan para lanun menangis lalu memohon pengampunan dari baginda. Akhirnya, baginda telah mengambil keputusan untuk memaafkan perbuatan lanun tersebut dan sejak itu, Pengkalan Datu menjadi pusat perdagangan yang aman dan damai.

Menerusi kisah tersebut, penyebaran dakwah yang dipaparkan menerusi watak Puteri Saadong tergambar apabila baginda memaafkan kesalahan dan kejahatan yang dilakukan oleh para lanun terhadap kawasan pemerintahannya. Contohnya, sewaktu para lanun dihadapkan di hadapan baginda, baginda tidak terus menjatuhkan hukuman sebaliknya membuat pertimbangan terlebih dahulu dan pertimbangan tersebut akhirnya membawa kepada kemaafan atas kesalah yang dilakukan oleh para lanun. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa Puteri Saadong merupakan seorang pemimpin yang tidak melakukan tindakan secara melulu tanpa adanya usul periksa.

Melalui kisah *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu*, apa yang cuba ditegaskan kepada pembaca atau khalayak adalah berkaitan dengan sifat pemaaf. Pemaaf merupakan sebuah sifat yang lahir dari hati manusia yang ingin memaafkan kesalahan orang lain atas perkara yang dilakukan dengan seikhlas hati. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), menjelaskan bahawa sikap pemaaf ini merupakan sebuah sikap yang wujud dalam diri manusia yang ingin memaafkan kesilapan dan kesahan orang lain tanpa menyimpan dendam atau rasa ingin membala kembali atas perkara yang telah dilakukan. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021) yang menyatakan pemaaf ini merupakan salah satu nilai yang diperlukan dalam diri setiap umat Islam agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni tanpa sengketa. Oleh itu, dapat merumuskan bahawa sikap pemaaf ini merupakan salah satu sikap yang wajib ada dalam diri setiap masyarakat agar dapat mengelakkan diri dari terjerumus dengan perasaan dendam akan sesuatu perkara. Sesungguhnya, Allah SWT telah berfirman berkaitan kemaafan yang bermaksud:

Dan perbuatan kamu memberikan kemaafan itu lebih hampir kepada taqwa  
(Surah *al-Baqarah*, 237)

Sehubungan itu, petikan terjemahan di atas menggambarkan bahawa manusia itu dituntut untuk memiliki sifat pemaaf. Hal ini, kerana dengan menerapkan sikap pemaaf, maka ianya akan menjauhkan diri kita dari sifat sombang dan angkuh. Selain itu, dengan memiliki sifat pemaaf juga akan melahirkan rasa cinta terhadap Allah SWT. Selain itu, sikap pemaaf ini juga merupakan satu perbuatan yang murni dan jika seseorang itu tidak menerapkan sikap pemaaf atau tidak memaafkan kesalahan orang lain, maka dia lebih angkuh dari Allah SWT sedangkan Allah SWT yang merupakan pencipta sekalian alam juga memaafkan hamba-hambanya yang melakukan dosa dan maksiat. Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah *az-Zumar* yang bermaksud:

Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa

dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lahir jua Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.  
(Surah az-Zumar, 53)

Sehubungan itu, kita selaku hamba-Nya harusnya saling bermaaf-maafan sesama manusia dan mengelakkan segala sengketa agar kehidupan akan menjadi lebih harmoni dan direhui oleh Allah SWT.

Di samping itu, kisah *Asal Usul Kampung Dabong* juga turut menyelitkan penyebaran dakwah dan dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Petikan 35

“...diceritakan dahulu Tok Babong telah banyak membantu golongan yang menghadapi musibah tak terduga. Beliau telah membantu mereka yang ditimpa kesusahan hidup sepanjang hayatnya ada.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

Salasilah Kampung Babong ini diambil sempena nama orang yang banyak menabur jasa dan bakti di kampung tersebut. Tok Babong merupakan seorang yang mempunyai peranan penting dalam kampung tersebut. Hal ini dikatakan kerana beliau berani menentang apa sahaja perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku di kawasan pentadbirannya. Beliau juga dikatakan memiliki sifat panas baran kerana berani menampar sesiapa sahaja yang tersalah kata di hadapannya. Akan tetapi, beliau juga masih memiliki sisi baik yang menyebabkan masyarakat sangat menghormati Tok Babong. Dikatakan, Tok Babong ini telah banyak membantu penduduk kampung yang terkena musibah sepanjang hayatnya. Walaupun beliau bukanlah orang yang kaya dan berada, namun beliau sering mengadakan majlis kenduri dengan menjemput orang kampung untuk datang makan di rumahnya dan perkara ini boleh dibuktikan melalui petikan berikut:

Petikan 36

Beliau juga memiliki hati pemurah kerana sering mengadakan kenduri dan memanggil para penduduk setempat untuk makan di rumahnya...walaupun beliau bukanlah seorang yang kaya dengan wang ringgit tetapi beliau tetap

memanggil orang datang ke rumahnya untuk menjamu selera dengan kadar yang termampu..."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 5)

Sikapnya lebih terserlah apabila beliau bergaul dengan penduduk setempat tanpa melihat harta dankekayaan yang dimiliki oleh seseorang. Malah penduduk juga menganggap Tok Babong ini sebagai kawan yang dapat berkongsi suka duka dalam kehidupan. Setelah Tok babong tiada, kampung tersebut dinamakan sebagai Kampung Babong nagi mengenang dan mengingati orang yang telah menyumbang kepada kampung tersebut.

Melalui kisah berikut, keagamaan dalam konteks penyebaran dakwah ini boleh dilihat melalui watak Tok Babong yang sentiasa menabur budi dan bakti sepanjang hayatnya. Contoh, Tok Babong sentiasa menghulurkan bantuan kepada penduduk kampung yang dilanda musibah. Beliau juga sering mengadakan kenduri dengan menjemput penduduk kampung untuk makan di rumahnya. Dalam konteks ini jelas membuktikan Tok Babong melakukan penyebaran dakwah melalui sikap pemurah. Sikap pemurah merujuk kepada manusia yang memiliki sifat tidak bakhil atau tidak kedekut. Orang yang memiliki sifat pemurah ini merupakan seseorang yang suka bersedekah kepada sesiapa sahaja tanpa mengharapkan apa-apa balasan atas sedekah yang diberikan. Hashim Musa, (2008) menyatakan bahawa sikap pemurah merujuk kepada individu yang suka menderma dan memberi kepada mereka yang memerlukan. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) pula menyatakn sikap pemaaf ini merupakan sebuah sikap yang dimiliki oleh manusia yang tidak kedekut dan mempunyai keimanan di sisi Allah SWT. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa sikap pemurah ini merujuk kepada manusia yang suka bersedekah dan juga merujuk kepada mereka yang percaya akan janji Allah kerana sedekah itu tidak akan mengurangkan harta yang dimiliki.

Rentetan itu, berdasarkan analisis dari kisah-kisah di atas, pendekatan moral merupakan pendekatan yang sesuai diaplikasikan. Hal ini, kerana pendekatan moral ini dapat berfungsi sebagai alat yang dapat melihat pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia sepanjang hidupnya tidak kira sama ada pengalaman itu baik mahupun sebaliknya (Hasyim Awang, 2002). Contoh, melalui kisah *Che Deraman* penulis berjaya memperlihatkan nilai ikhlas yang dimiliki oleh Che Deraman. Begitu juga dengan kisah *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* yang memaparkan nilai pemaaf yang ditonjolkan oleh watak Puteri Saadong dan terakhir adalah *Asal Usul Kampung Babong* yang memperlihatkan nilai pemurah melalui watak Tok Babong. Sekiranya diteliti kesemua watak yang memaparkan nilai tersebut beragama Islam dan ini selari dengan pandangan yang diberikan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang menegaskan bahawa masyarakat Melayu ini sememangnya berpaksikan kepada ajaran Agama Islam sepetimana yang diajarkan oleh agama.

#### 4.4.2 Berpegang Teguh Pada Ajaran Agama

Pengertian berpegang menurut *Kamus Dewan* (2017) membawa erti memaut sesuatu dengan tangan, berpaut, berkuat. Manakala, kata teguh pula merujuk kepada pengertian tidak mudah terbongkar atau roboh, kukuh, kuat, erat (*Kamus Dewan*, 2017). Berdasarkan pendefinisian tersebut, dapat dirumuskan bahawa berpegang teguh merujuk kepada pendirian atau pegangan seseorang akan sesuatu perkara. Jika seseorang itu muslim, maka diwajibkan ke atasnya untuk berpegang teguh terhadap ajaran agama Islam sepetimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2021), menyatakan bahawa umat Islam sememangnya disuruh agar berpegang teguh pada ajaran Islam dan mengamalkannya dengan sempurna. Oleh itu, berpegang teguh pada ajaran agama ini boleh dilihat menerusi kisah *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*, seperti petikan berikut:

### Petikan 37

“Setelah beberapa tahun berkhidmat sebagai guru agama, proses pembelajaran tidak dapat berjalan dengan lancar kerana kedatangan tentera Jepun yang mengganggu kedamaian. Tentera Jepun mengarahkan penduduk kampung agar tidak membuka lampu dan duduk dalam keadaan senyap. Tetapi Tok Guru Haji Awang Alim tidak menghiraukan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 69)

Pada zaman dahulu, terdapat sebuah kampung yang diwujudkan di Atas Banggol dan kampung tersebut merupakan salah satu kampung terawal di daerah Kota Bharu dan kampung tersebut dikenali sebagai Kampung Atas Bonggol. Di kampung tersebut juga dikatakan terdapat seorang ulama yang dihormati. Ulama tersebut dikenali sebagai Tok Guru Haji Awang Alim. Beliau juga dikatakan memiliki ketertinggian ilmu agama dan hal ini telah mendorong beliau untuk membuka madrasah-madrasah bagi tujuan penyebaran agama Islam. Walaupun beliau merupakan ketua bagi kampung tersebut, namun hal itu tidak menyebabkan dirinya bongkak, sebaliknya menjadikan dirinya semakin merendah diri dan memiliki hati yang mulia. Sebelum kedatangan Jepun, Tok Guru Haji Awang Alim selaku guru agama di madrasah dapat menyebarkan agama Islam tanpa adanya halangan. Akan tetapi selepas kedatangan Jepun, proses pembelajaran tidak dapat diteruskan seperti biasa kerana Jepun mengarahkan penduduk kampung untuk tidak menyalakan lampu dan berbuat bising di tgh malam. Akan tetapi arahan tersebut tidak didedahkan oleh Tok Guru Haji Awang Alim. Beliau tetap meneruskan proses pembelajaran seperti biasa. Sebenarnya, Kampung Atas Bonggol ini merupakan sebuah kampung yang dijajah oleh Jepun dan kehidupan masyarakat pada ketika itu sangat tragis dan derita. Akan tetapi selepas kedatangan Tok Guru Haji Awang Alim segalanya telah berubah seakan-akan membawa rahmat ke atas kampung tersebut. Pada suatu hari tentera Jepun mula menganas, namun tidak sedikitpun menggugat kehebatan Tok Guru Haji Awang Alim dapat menyampaikan ilmu akhirat.

Menerusi kisah *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* menggambarkan sikap berpegang teguh pada agama yang ditunjukkan melalui watak Tok Guru Haji Awang Alim.

Contohnya, Tok Guru Haji Awang Alim tetap menjalankan proses pengajaran seperti biasa walaupun pihak Jepun telah mengeluarkan arahan untuk tidak menyalakan lampu dan berbuat bising. Akan tetapi, pada suatu malam, madrasah Tok Guru Haji Awang Alim telah didatangi oleh tentera Jepun yang lengkap bersenjata dan mereka bertanya kepada Tok Guru Haji Awang Alim tentang kegiatan yang dilakukan. Peristiwa tersebut digambarkan melalui petikan berikut:

Petikan 38

“Suatu malam, pondok agama tersebut didatangi oleh beberapa orang tentera Jepun yang bersenjata. Mereka bertanyakan kepada Tok Guru Haji Awang Alim apa yang mereka sedang lakukan di dalam pondok tersebut dan mengapa tidak menutup lampu. "Kami sedang berdoa kepada Tuhan kami, Allah SWT. Kami meminta agar kampung ini sentiasa dalam keadaan aman dan tiada perang berlaku" jawab Tok Guru Haji Awang Alim. Pihak Jepun merasa gembira dengan jawapan tersebut dan membenarkan pondok dinyalakan lampu. Selepas kejadian itu, kehidupan di Kampung Atas Banggol menjadi aman dan damai malahan pihak Jepun mendermakan roti kepada madrasah-madrasah untuk menjalani aktiviti keagamaan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 69)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menggambarkan bahawa Tok Guru Haji Awang Alim sangat berpegang teguh dengan agamanya sehingga beliau tidak takut akan ancaman dan arahan dari tentera Jepun. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa Tok Guru Haji Awang Alim merupakan seorang yang berani dan sangat berpegang teguh pada agamanya iaitu agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau merupakan seorang yang memiliki ilmu agama, jadi menyampaikan ajaran agama itu sudah menjadi tuntutan ke atas dirinya dan juga buat seluruh umat Islam di dunia. Perkara ini juga jelas disebutkan dalam hadis Nabi yang bermaksud:

“Sampaikanlah kalian dariku walaupun sepotong ayat”

Hadis riwayat Imam al-Bukhari (3461)

Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa Tok Guru Haji Awang Alim mempraktikkan apa yang disuruh oleh Nabi Muhammad S.A.W. Bukan itu sahaja, menyampaikan ilmu ini juga merupakan sebahagian dari tuntutan agama Islam. Oleh itu, walaupun tentera

Jepun telah mengeluarkan arahan untuk tidak melakukan kegiatan di waktu malam, ia tidak langsung menggugat kekuatan iman dalam diri Tok Guru Haji Awang Alim.

Selain berpegang teguh pada agama, penulis juga cuba menekankan aspek toleransi dalam kehidupan. *Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan toleransi sebagai sebuah sifat atau sikap yang dimiliki oleh seseorang seperti sifat sabar, bertolak ansur atau sikap yang dapat menghormati dan menerima pendapat orang lain. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa toleransi merupakan satu sikap toleran yang dapat melahirkan kefahaman dan kesepakatan dalam hidup bermasyarakat. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa toleransi merupakan sebuah sikap yang boleh dikaitkan dengan tolak ansur kerana ia juga dapat mengelakkan berlakunya pertentangan dari mana-mana pihak. Sikap toleransi ini boleh dilihat melalui petikan di bawah:

Petikan 39

“Pihak Jepun merasa gembira dengan jawapan tersebut dan membenarkan pondok dinyalakan lampu. Selepas kejadian itu, kehidupan di Kampung Atas Banggol menjadi aman dan damai malahan pihak Jepun mendermakan roti kepada madrasah-madrasah untuk menjalani aktiviti keagamaan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 69)

Melalui petikan berikut, jelas memaparkan adanya sikap toleransi antara tentera Jepun dengan Tok Guru Haji Awang Alim. Natijahnya, berpegang teguh pada ajaran agama juga mampu melahirkan sifat toleransi dalam diri individu dan mampu mengelakkan dari berlakunya pertentangan yang akhirnya boleh membawa kepada kemudaratian.

Rentetan itu, apa yang cuba ditegaskan oleh penulis kepada pembaca adalah berkaitan dengan keberanian dan toleransi. Hal ini demikian demikian kerana sebagai seorang masyarakat yang berjiwa merdeka, kita haruslah memiliki sifat berani. Berani merujuk kepada sifat manusia yang sanggup melakukan sesuatu perkara tanpa rasa takut, gusar, mahupun gugup (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Bukan itu sahaja, apabila

seseorang itu memiliki keberanian, maka dia tidak akan takut dengan sebarang ancaman dan berani mengambil risiko yang bakal mendarat. Manakala, toleransi pula dapat mendidik seseorang agar lebih berfikiran terbuka dan menerima pandangan daripada orang lain. Dalam konteks ini jelas bahawa keberanian itu harus ada dalam diri setiap manusia, bak kata mutiara “berani kerana benar, takut kerana salah”. Begitu juga dengan sikap toleransi yang dapat membuka minda seseorang dalam melakukan pertimbangan sebelum membuat keputusan.

Sehubungan itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang bertunjangkan kepada pendekatan moral amat bertepatan dengan analisis tersebut. Hal ini, kerana pendekatan moral ini berfungsi sebagai pendekatan yang diperolehi melalui pengalaman dalam kehidupan seseorang kerana ia merangkumi kepercayaan, kejiwaan, agama, persekitaran dan lain-lain yang akhirnya akan memberikan impak positif atau negatif (Hashim Awang, 2002). Contohnya, melalui sikap berani yang dimiliki oleh Tok Guru Haji Awang Alim menggambarkan bahawa dengan dengan adanya ilmu agama di dada, maka tiada apa-apa yang boleh menghalangnya daripada menyebarluaskan ajaran agama khasnya berkaitan ilmu akhirat. Oleh itu, melalui kisah Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta terkandungan intipati yang boleh memberikan manfaat kepada pembaca dan khalayak, juga boleh dijadikan sebagai pengajaran dan taulan dalam kehidupan seharian.

#### 4.4.3 Penyebaran Agama Islam

Penyebaran merujuk kepada perihal yang melibatkan kegiatan, usaha, penaburan, pengembangan dan sebagainya. *Kamus Dewan* (2017) mentakrifkan kata penyebaran sebagai kata yang memerihalkan perbuatan seperti kegiatan, usaha dan sebagainya. Penyebaran juga merujuk kepada maksud menyebarluaskan, penaburan atau mengembangkan. Seterusnya, kata ‘agama’ pula membawa maksud kepercayaan

kepada tuhan dan percaya terhadap sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dengan menerima dan mengikut ajarannya (Kamus Dewan, 2017). Islam bermaksud penyerahan atau menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SAW. *Kamus Dewan* (2017) mentakrifkan kata ‘Islam’ ini sebagai sebuah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, juga membawa maksud orang beragama Islam. Melalui definisi tersebut dapat dilihat bahawa penyebaran agama Islam ini merujuk kepada kegiatan yang memperluaskan ajaran agama Islam sepertimana yang dituntut oleh agama.

Keagamaan dalam konteks penyebaran agama Islam ini boleh dilihat menerusi kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, seperti petikan berikut:

Petikan 40

“Masjid ini dikatakan mempunyai seorang imam yang berperanan sebagai tokoh agama dalam menyebarkan ilmu dakwahnya. Terdapat juga anak-anak muda yang pergi ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain-lain. Masyarakat kampung amat menghormati imam kerana ilmu pengetahuan yang dimilikinya”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Kisah ini bermula apabila terbinanya sebuah masjid yang indah buatannya. Ukiran serta hiasan masjid tersebut begitu cantik untuk dipandang atau dinilai dengan mata kasar. Masjid tersebut dikenali dengan nama Masjid Pengkalan Datu dan masjid tersebut memiliki seorang Imam yang mahir dan tinggi ilmu agama. Imam tersebut juga merupakan seorang guru di masjid tersebut. Beliau merupakan seorang guru yang mahir dalam bidangnya dan ini terbukti apabila ramai anak muda yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti Mesir, Istanbul Turki dan lain-lain. Oleh itu, penduduk kampung amat menghormati imam tersebut bukan sahaja kerana pengetahuan ilmu yang dimiliki, malah sikapnya yang warak juga menambahkan lagi rasa cinta penduduk kepadanya. Namun begitu, terdapat seorang pemuda yang iri hati akan sikap imam tersebut dan pemuda itu adalah Abu yang dulu merupakan seorang yang memiliki sifat pemurah terhadap penduduk kampung. Disebabkan rasa dengki dan iri hati yang membuat-buak terhadap imam tersebut, maka Abu telah berkomplot dengan seorang

janda yang merupakan kegilaan pemuda kampung iaitu Timah. Mereka rencanakan rancangan jahat mereka agar imam tersebut dihalau oleh penduduk kampung. Setelah perancangan selesai dibuat, mereka memulakan agenda mereka untuk menjatuhkan imam tersebut. Akhirnya, imam tersebut telah jatuh ke dalam perangkap. Rencana yang dibuat oleh Abu dan Timah akhirnya membawa hasil apabila imam tersebut telah dihalau oleh penduduk kampung. Selepas sahaja imam itu diusir dari kampung, tiba-tiba datang gelombang ombak yang besar terus menghempap masjid tersebut dan dengan sekilip mata masjid tersebut tenggelam dan hilang begitu juga dengan imam masjid itu. Abu dan Timah mula menyesal dan mengakui kesalahan yang telah mereka lakukan. Begitu juga dengan penduduk kampung yang kesan kerana bertindak secara melulu tanpa adanya usul periksa. Kini, kawasan tersebut dikenali sebagai Lembangan Pengkalan Datu oleh masyarakat.

Melalui kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, penulis memperlihatkan adanya penyebaran agama Islam melalui watak imam masjid dengan penduduk di kampung Pengkalan Datu. Contohnya, Imam merupakan seorang guru agama yang mahir dalam menyebarkan agama Islam dan ini terbukti apabila ramai anak muda di kampung tersebut telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain-lain. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa ada berlakunya penyebaran agama Islam yang disebarluaskan melalui watak Imam masjid Pengkalan Datu. Beliau menyebarkan agama Islam melalui kaedah mengajar, ia secara tidak langsung dapat menyebarkan luas agama Islam bukan sahaja pada satu tempat malah dalam konteks yang lebih besar lagi.

Melalui kisah tersebut juga, penulis turut menggambarkan bahawa menyebarkan Agama Islam itu bukanlah satu pekerjaan yang mudah dan sudah pasti akan menghadapi cabaran dan juga dugaan dan perkara ini boleh dilihat menerusi petikan di bawah:

**Petikan 41**

“Sikap warak yang dipamerkan ini telah menambahkan rasa penduduk kepadanya. Namun, sikap waraknya telah menimbulkan hasad dengki seorang pemuda yang merupakan penduduk di kampung itu juga. Hal ini kerana dahulunya dikatakan masyarakat kampung sangat menghormati pemuda ini. Pemuda ini bernama Abu sangat dikenali dengan sikap pemurah oleh masyarakat kampung.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Sesungguhnya, melakukan kebaikan itu merupakan perkara yang dituntut oleh setiap agama. Namun, terdapat juga segelintir masyarakat yang mempunyai sikap busuk hati apabila melihat seseorang yang memiliki kelebihan berbanding dirinya. Dalam konteks ini busuk hati tersebut merujuk kepada mereka yang mempunyai masalah hati dan ia mungkin berkait dengan kejiwaan. Perkara ini juga jelas dipaparkan pada watak Abu. Walaupun Abu dikatakan sebagai seorang yang pemurah, namun ia tidak menjanjikan seseorang itu bersih dari sifat negatif. Disebabkan imam tersebut warak, ia telah menimbulkan rasa hasad dengki dalam diri Abu. Hasad dengki merujuk kepada perasaan yang kurang enak atau cemburu yang disertakan dengan niat jahat. Muhammad Naim Che Berahim (2013), yang menyatakan bahawa hasad dengki ialah sebuah perasaan yang tidak senang hati apabila melihat seseorang itu mendapat pencapaian atau kesenangan atas sesuatu perkara. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa sikap hasad dengki ini merupakan sikap negatif yang tidak seharusnya ada dalam diri manusia. Hal ini, kerana apabila seseorang itu memiliki hasad dengki dalam diri, maka hal tersebut akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan niat yang tidak baik. Contohnya, sikap hasad dengki yang wujud dalam diri Abu telah menyebabkan beliau merencanakan hal yang jahat agar imam tersebut dihalau oleh masyarakat dan perkara tersebut boleh dilihat menerusi petikan berikut:

**Petikan 42**

“Setelah berapa lama beliau memikirkan bagaimana cara menghalau imam tersebut dari kampung itu. Akhirnya beliau telah berpaktat dengan seorang janda namanya Timah. Timah merupakan janda kegilaan pemuda-pemuda kampung tersebut. Setelah mereka berdua membuat perancangan yang teliti, akhirnya mereka sepakat melakukan perkara yang dirancang itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 17)

Rentetan itu, menyebarkan agama dan syiar Islam bukanlah suatu perkara yang mudah dan ia memerlukan kesabaran yang tinggi. Dalam konteks masa kini, penyebaran agama Islam dilakukan dengan pelbagai cara seperti ceramah, jemaah tabligh, aktiviti-aktiviti yang melibatkan masjid dan lain-lain. Bukan itu sahaja, penggunaan teknologi dan multimedia juga merupakan salah satu cara yang boleh dilakukan untuk menyebar luas ajaran agama Islam seperti penggunaan youtube, muka buku (*facebook*), *tiktok* dan lain-lain. Tegasnya, dengan kemajuan teknologi yang ada, pelbagai cara dan daya kreatif yang boleh dilakukan untuk menyebarluaskan agama Islam, namun ia bergantung kepada individu atau pihak yang berkenaan untuk memanfaatkan teknologi tersebut.

Sehubungan itu, penyebaran agama Islam yang dipaparkan berdasarkan kisah sebelumnya bersesuaian diaplikasikan dengan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan dakwah ini merupakan sebuah pendekatan yang mampu menjawab segala persoalan tentang kesucian agama Islam dan mampu menarik minat untuk memahami dan mengetahui kelebihan agama Islam dengan lebih baik muslim atau bukan Muslim (Hashim Awang, 2002). Contohnya, melalui kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, dakwah yang disampaikan oleh imam sangat memberikan kesan dan pengaruh kepada masyarakat setempat sehingga ada yang mampu melanjutkan pelajaran dalam bidang agama pada peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, apa yang cuba ditegaskan oleh penulis adalah, selaku umat Islam kita haruslah sentiasa menyebarkan syiar Islam dan ia juga merupakan tuntutan dari nabi Muhammad SAW. Oleh itu, melalui kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* ini sememangnya dapat memberikan nilai dan membuka minda masyarakat khasnya berkaitan dengan agama Islam.

## 4.5 Budaya

Kata budaya merupakan kata yang diambil dari perkataan Sanskrit *buddayah*, yang merujuk kepada kata jamak. Budaya juga boleh merujuk kepada budi pekerti dan perilaku manusia dan biasanya ia membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan manusia. *Kamus Dewan* (2017) pula mentakrifkan budaya merujuk kepada tamadun atau peradaban, cara berfikir, akal budi, kelakuan dan sebagainya. EB Tylor (1871) berpendapat bahawa budaya ini merupakan sesuatu yang kompleks di mana ia melibatkan keyakinan, pengetahuan, seni, etika hukum, adat istiadat dan berbagai-bagi lagi kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat atau penduduk tersempat yang akhirnya membawa budaya. Oleh yang demikian, pada bahagian ini akan membincangkan berkaitan sistem sosial dari aspek budaya yang merangkumi masyarakat yang mempercayai kejadian alam, masyarakat berilmu, masyarakat yang arif ilmu perubatan dan adat resam.

### 4.5.1 Masyarakat yang Mempercayai Kejadian Alam

Kepercayaan merujuk kepada keyakinan atau akuan berkaitan kebenaran yang berlaku dan lain-lain (*Kamus Dewan*, 2017). Menurut Lewicki dan Wiethoff (2000), pula menyatakan bahawa kepercayaan ini merupakan satu keyakinan dan juga kemahuan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tetapi bergantung kepada kata-kata orang lain. Seterusnya, kata ‘kejadian’ pula merujuk kepada perkara yang berlaku, peristiwa, atau sesuatu hal dan lain-lain yang dapat menarik perhatian (*Kamus Dewan*, 2017). Alam pula merujuk kepada satu perkara yang luas seperti bumi, dunia, termasyhur, juga membawa maksud mengalami, merasai atau merempuh hal-hal yang melibatkan kesusahan kesulitan dan lain-lain (*Kamus Dewan*, 2017). Berdasarkan definisi dan juga konsep berikut, dapat dirumuskan bahawa mempercayai kejadian alam merujuk kepada kepercayaan seseorang terhadap perkara atau peristiwa yang berlaku di atas muka bumi

ini. Oleh yang demikian, masyarakat yang mempercayai kejadian alam ini dipaparkan menerusi kisah bertajuk *Misteri Gajah Berkaki Enam*, seperti petikan berikut:

Petikan 43

“Ketua kampung iaitu Tok Harun merasakan ianya satu malapetaka bagi kampung mereka kerana gajah itu berkaki enam. Pada ketika itu binatang yang pelik sebegini dianggap malang oleh penduduk kampung. Oleh itu, Tok Harun mengumpulkan orang kampung untuk mendapatkan pendapat berkenaan permasalahan ini”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 49)

Hatta, masyarakat di sebuah kampung telah menceritakan berkenaan *Misteri Gajah Berkaki Enam* yang muncul di sebuah daerah di negeri Kelantan. Dikatakan sebelum kemunculan gajah berkaki enam itu, penduduk setempat di kawasan hidup secara rukun dan damai tanpa adanya sebarang permusuhan walaupun mereka hidup dalam pelbagai lapisan masyarakat dan agama. Pada suatu hari, dua orang pemuda telah masuk ke dalam hutan belantara mencari rotan untuk dijual. Ketika asyik mencari rotan, salah seorang dari mereka telah terdengar hentakan kaki yang kuat lalu mengajak rakannya untuk bersembunyi. Alangkah terkejutnya mereka apabila melihat hentakan kaki tersebut berasal dari seorang gajah yang memiliki enam kaki. Mereka perlahan-lahan mengusap keluar dari kawasan tersebut lalu memaklumkan hal tersebut kepada ketua kampung. Ketua kampung merasakan ianya sebuah malapetaka bagi kampung mereka kerana binatang yang pelik dianggap malang oleh penduduk kampung. Akhirnya, penduduk kampung telah berpaktat untuk membunuh gajah tersebut dan akhirnya gajah tersebut berjaya dibunuh oleh orang kampung. Akan tetapi selepas kematian gajah tersebut, banyak kejadian-kejadian aneh yang berlaku dan orang-orang luar yang datang ke kampung tersebut dijumpai mati dalam keadaan yang misteri.

Melalui kisah Misteri Gajah Berkaki Enam, memperlihatkan masyarakat yang mempercayai kejadian alam melalui watak ketua kampung dan penduduk setempat. Contohnya, ketua kampung iaitu Tok Harun merasakan kedatangan gajah berkaki enam ke kampung mereka ini telah mendatangkan malapetaka dan perkara ini telah

menimbulkan kegusaran kepada Tok Harun apabila kampung yang di perintahnya dahulu merupakan sebuah kampung yang aman, kini bertukar menjadi haru-biru. Hal ini turut dipaparkan melalui petikan berikut:

Petikan 44

"Pergaduhan itu mencetuskan salah faham antara kaum dalam kampung itu. Hal ini mendarangkan kegusaran di hati Tok Harun melihat suasana kampungnya itu menjadi haru-biru. Beliau merasakan perkara ini berlaku disebabkan kemunculan gajah berkaki enam itu ke kampung mereka. Perkara seperti ini tidak pernah terjadi sebelum ini kerana mereka hidup secara rukun dan bertolak ansur..."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 50)

Selain itu, masyarakat yang mempercayai kejadian alam ini juga dapat dilihat melalui kisah *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu*. Petikan berikut memperlihatkan peristiwa tersebut:

Petikan 45

"Setibanya di rumah ketua kampung, beliau bersetuju dengan penglibatan kumpulan Mail yang ingin menyertai pertandingan itu dan sekaligus membawa nama kampung ke kampung-kampung lain. Akan tetapi ketua kampung ada menyampaikan pesanan orang dulu-dulu. Kata ketua kampung, "Sebelum kamu dan kumpulan kamu nak ke tempat pertandingan dikir tu nanti, kamu mesti pergi kat pokok tanjung yang besar dan membuat persembahan di situ dulu. Jika kamu tak lakukan apa yang dipesankan ini nanti segala alat muzik yang kamu gunakan tak akan keluarkan bunyi"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 6)

Alkisah diceritakan di sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Tanjung Besar yang terletak di kawasan Pengkalan Datu dan dikatakan nama kampung tersebut diambil sempena suatu kisah yang berlaku di kampung tersebut suatu ketika dahulu. Di kampung tersebut, terdapat sebuah pokok tanjung gergasi yang dipercayai tumbuh dengan sendiri. Penduduk di kawasan tersebut percaya bahawa pokok gergasi itu memiliki kuasa ajaib. Kisah bermula apabila terdapat sekumpulan pemuda dari kampung yang meminati dikir barat, lalu mereka telah menubuhkan satu kumpulan dikir barat yang diketuai oleh Mail. Suatu hari, terdapat hebahan berkaitan pertandingan dikir barat yang akan dilakukan di Kota Bharu dan hadianya juga agak lumayan. Mendengar akan hal itu, Mail bersama kumpulannya ingin menyertai pertandingan tersebut. Lalu, mereka

membawa hasrat itu dan pergi berjumpa dengan ketua kampung. Setelah selesai berbincang, ketua kampung sempat berpesan kepada mereka agar melakukan persembahan di depan pokok tanjung gergasi terlebih dahulu sebelum mereka melakukan persembahan. Tapi, malangnya pesanan yang diberikan oleh ketua kampung kepada mereka tidak diendahkan dan setibanya di hari pertandingan alat muzik yang mereka bawa tidak mengeluarkan bunyi dan menyebabkan mereka kalah dalam pertandingan tersebut.

Berdasarkan kisah tersebut, jelas memperlihatkan terdapat masyarakat yang mempercayai akan kejadian alam melalui watak ketua kampung. Contohnya, ketua kampung telah berpesan kepada Mail dan kumpulannya supaya melakukan persembahan di hadapan pokok tanjung gergasi akan tetapi tidak di endahkan oleh mereka. Kesannya, pada hari pertandingan berlangsung, alatan muzik yang dibawa oleh mereka tidak mengeluarkan sebarang bunyi dan perkara ini telah menyebabkan persembahan mereka menjadi hambar. Peristiwa ini boleh dilihat menerusi petikan berikut:

#### Petikan 46

“Ketika persembahan bermula, alat muzik yang digunakan oleh Awang dan Samad tidak mengeluarkan sebarang bunyi. Mail terpinga-pinga mengapa beliau sudah memulakan persembahan tetapi tiada bunyi alat musik selepas itu. Mereka mula berasa hairan kerana baru seketika tadi mereka berlatih alat muzik mereka mengeluarkan bunyi seperti biasa”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 7)

Di samping itu juga, kisah *Pemujaan Pantai* juga turut memperlihatkan masyarakat yang mempercayai kejadian alam, seperti petikan berikut:

#### Petikan 47

“Mengikut orang pada zaman dahulu, sesiapa yang hendak turun ke laut mestilah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Jikalau tidak mahu mengikutnya bala menimpa mereka kerana pernah terjadi pada ketika dahulu apabila sekumpulan nelayan turun ke laut dan ditimpa bala...

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 44)

Penglipurlara mengisahkan tentang kegiatan masyarakat terdahulu yang menjadikan aktiviti turun ke laut sebagai salah satu sumber untuk mereka mendapatkan makanan dan meneruskan kehidupan. Aktiviti turun ke laut itu ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Akan tetapi sebelum turun ke laut, mereka haruslah menjalankan ritual agar mengelakkan diri mereka terkena bala. Hal ini dikatakan demikian kerana, dikatakan suatu ketika dahulu terdapat sekumpulan nelayan yang telah turun ke laut tanpa melakukan ritual sepertimana yang diarahkan dan hal ini telah menyebabkan para nelayan tersebut ditimpas bala sewaktu berada di laut. Oleh itu, bagi mengelakkan hal tersebut dari terjadi lagi, maka seorang bomoh yang dikenali dengan nama Tok Kelahi telah membuat pantang larang dan syarat-syarat tertentu sebelum turun ke laut. Antara syaratnya adalah dengan menyembelih seekor kerbau putih dan setiap bahagian dari kerbau itu harus dihanyutkan untuk diberikan kepada penunggu laut.

Berdasarkan kisah tersebut, kepercayaan terhadap kejadian alam ini boleh dilihat pada watak penduduk kampung sebelum mereka turun ke laut untuk menangkap hasil laut. Contohnya, sebelum turun ke laut, masyarakat di kampung tersebut akan menyembelih seekor kerbau putih dan setiap bahagian itu haruslah sihanyatkan selama tujuh hari berturut-turut dan jika tidak menepati syarat tersebut maka mereka akan mendapat bala ketika berada di laut seperti kapal yang dinaiki terbalik atau tidak mendapatkan hasil apabila menjala. Kepercayaan dan pantang larang ini digambarkan melalui petikan di bawah:

#### Petikan 48

“Menurut Tok Kelahi juga, mereka mestilah melakukan syarat yang ditetapkan itu selama tujuh hari berturut-turut dan dibuat sekali setahun. Jika tidak mengikut syarat yang ditetapkan dan turun ke laut begitu sahaja, akan mendapat bala seperti sampan atau kapal yang mereka naik akan terbalik dan ikan yang mereka jala itu tidak akan mendapat hasilnya...”

...Melihat hasil yang diperolehi oleh mereka begitu banyak, orang kampung yang lain juga percaya akan kata-kata Tok Kelahi tentang pantang larang yang mesti dilakukan sebelum turun ke laut...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 44)

Berdasarkan kisah-kisah yang telah dibincang di atas jelas memaparkan bahawa masyarakat Melayu dahulu mempercayai kejadian-kejadian yang melibatkan alam. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak semua masyarakat terdahulu didedahkan dengan ilmu agama yang mendalam. Justeru itu, apa yang cuba ditegaskan kepada pembaca dan khalayak adalah berkaitan tentang kepercayaan terhadap sesuatu perkara. Sebagai seorang muslim, kita harus mempercayai bahawa di atas dunia ini turut memiliki makhluk lain yang hidup di alam lain atau alam sebalik mata dan kita harus mempercayai kepada perkara tersebut. Akan tetapi harus diingat bahawa kepercayaan terhadap sesuatu perkara itu haruslah berpada-pada agar tidak melebihi batas kepercayaan kepada pencipta iaitu Allah SWT. Ini kerana, jika kita percaya akan perkara yang tahuul dan syirik ianya boleh menyebabkan terpesongnya akidah seseorang dan menjadi jahil lakinatullah.

Lantaran itu, melalui perbincangan di atas dalam konteks masyarakat yang mempercayai kejadian alam sesuai diaplikasikan dengan pendekatan firasat. Hal ini, kerana pendekatan firasat ini berfungsi sebagai alat dalam merakam kejadian alam yang boleh digunakan sebagai pengalaman dalam hidup seseorang (Hashim Awang, 2002). Tuntasnya, menerusi kisah-kisah yang dibincangkan jelas memperlihatkan bahawa penulis cuba memperlihatkan bahawa kita sebagai umat Islam haruslah membuat pertimbangan terlebih dahulu berkaitan sesuatu perkara khasnya hal-hal yang berkaitan dengan ketuhanan agar tidak terpesong dari landasan yang sepatutnya. Oleh yang demikian, menerusi kisah *Misteri Gajah Berkaki Enam, Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* dan *Pemujaan Pantai* sememangnya terkandung ilmu, amanat dan pedoman yang boleh diaplikasikan dalam diri masyarakat.

#### 4.5.2 Masyarakat Berilmu

Kata ilmu membawa erti pengetahuan dalam hal-hal yang berkaitan dengan dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain (*Kamus Dewan*, 2017). Menurut Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1993) menyatakan konsep ilmu merujuk kepada ilmu yang berkaitan agama kerana ia dijadikan asas kepada pembentukan jati diri seseorang individu agar dapat melahirkan insan yang berilmu dan berkeyakinan. Seterusnya, berilmu pula merujuk kepada seseorang yang memiliki ilmu atau pengetahuan tentang sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2017). Berdasarkan kepada takrifan tersebut, dapat dijelaskan bahawa berilmu merujuk kepada seseorang yang memiliki ilmu dan pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu. Manakala, Masyarakat berilmu pula merujuk kepada golongan atau kumpulan manusia yang memiliki ilmu berkaitan kehidupan di dunia dalam pada waktu itu. Oleh itu, menerusi kisah *Pengunduran Raja Patani* ada memaparkan masyarakat yang berilmu, seperti petikan berikut:

##### Petikan 49

"Keberaniannya dalam berperang tidak dapat ditandingi oleh raja-raja lain di sekeliling negerinya. Baginda sangat berpengaruh dalam meluaskan kuasanya ke pelosok dunia. Baginda dianggap sebagai "Raja Kuning" kerana kejayaannya dalam menakluki negeri-negeri lain. Strategi pemerintahannya yang sistematik di Patani membuatkan penakluk-penakluk yang lain merasa gerun untuk bertindak menyerang negeri Patani pada ketika itu. Mereka takut jika mereka menyerang Patani kemungkinan besar negeri mereka turut akan diserang kembali. Sikap beraninya itu menjadikan sistem pemerintahan di Patani bertambah kukuh di persada alam..."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 79)

*Pengunduran Raja Patani* ini mengisahkan tentang kisah seorang raja yang dikenali sebagai Raja Phya Tu Nakpa yang merupakan raja yang beragama Hindu dan begitu juga dengan masyarakatnya. Akan tetapi, selepas kedatangan Islam, Raja Phya Tu Nakpa telah memeluk agama Islam dan nama baginda telah ditukarkan kepada Sultan Ismail Shah Zolallah Fi'Alam. Baginda merupakan seorang raja yang hebat dalam mengatur strategi peperangan sehingga baginda digelar "Raja Kuning" kerana telah berjaya menakluki negeri-negeri lain. Tidak berapa lama, baginda telah gering.

Kemangkatan baginda telah ditangisi oleh seluruh rakyat jelata. Setelah itu, anaknya diangkat menjadi raja. Akan tetapi anak masih muda dan tidak tahu cara untuk memimpin sesebuah negara. Disebabkan itu, mula timbul rasa iri hati dalam kalangan pembesar dan mula merencanakan untuk menjatuhkan raja baharu itu. Setelah selesai perjanjian. Kubang Labu dan negeri Legas telah melancarkan serangan ke atas negeri Patani. Serangan tersebut telah menyebabkan ramai rakyat terkorban. Akan tetapi masih terdapat sebilangan rakyat dan pembesar yang masih setia dengan Sultan dan mereka menyuruh baginda berundur dan bersembunyi. Setelah lama belayar, akhirnya mereka telah berhenti di sebuah tempat dan memulakan petempatan baharu dan kini tempat tersebut dikenali sebagai Pulau Gajah.

Melalui petikan berikut, kisah ini memperlihatkan masyarakat yang memiliki ilmu dan ia boleh dilihat pada watak raja dan juga rakyat jelata. Contohnya, Sultan Ismail Shah merupakan seorang raja dan juga pemimpin yang berilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum baginda memeluk agama Islam, baginda merupakan seorang raja yang hebat kerana berjaya menjadikan negeri Patani sebagai sebuah negeri yang masyhur dan ternama. Bukan itu sahaja, baginda juga turut digelar sebagai “Raja Kuning” kerana kehebatannya dalam menakluki negeri-negeri lain. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa Sultan Ismail Syah merupakan seorang yang berilmu dan ini terbukti apabila baginda berjaya menjadi menjadikan pemerintahannya masyhur dan terkenal dalam kalangan bangsawan di negeri lain.

Selain itu, masyarakat yang berilmu juga turut dipaparkan melalui kisah *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, seperti petikan berikut:

#### Petikan 50

“Maka, lelaki tersebut pun membina satu petempatan yang baharu berhampiran dengan pulau tersebut. Lelaki itu juga terus menebang dan mencari buluh untuk membuat bubu bagi menangkap ikan dan menganyam bakul untuk mengutip hasil hutan yang dijumpainya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 28)

Penglipurlara mengisahkan tentang kehidupan seorang pemuda dalam lingkungan 17 tahun yang tinggal seorang diri dalam hutan belantara. Hidupnya ibarat “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Lelaki tersebut hanya tinggal sebatang kara dan sangat rajin dalam melakukan aktiviti-aktiviti harian. Pada suatu hari, pemuda tersebut telah meneroka hutan belantara yang didiamnya yang akhirnya membawa dia kepada satu tempat baru. Tempat baharu yang dijumpai oleh pemuda tersebut telah membuatkannya terfikir alangkah baiknya jika dia membuat petempatan baharu di kawasan tersebut kerana berdekatan dengan kemudahan air. Rentetan itu, pemuda tersebut terus membina pondok kecil untuk didiami. Dia juga turut mencari dan menebang buluh untuk dijadikan bubu bagi tujuan menangkap ikan dan menganyam bakul untuk dijadikan sebagai bakul bagi menyimpan hasil hutan yang dijumpai. Tidak lama kemudian, telah datang beberapa orang keluarga dan mereka menetap di penempatan itu. Lama-kelamaan tempat itu menjadi semakin raman dan akhirnya menjadi sebuah kampung yang yang memiliki penduduk yang agak ramai. Kini kawasan tersebut dikenali sebagai Kampung Pulau Gajah.

Menerusi kisah *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, penulis menjelaskan bahawa masyarakat berilmu itu boleh dilihat menerusi watak pemuda bertindak sendiri untuk menyara kehidupan apabila tinggal seorang diri dalam hutan belantara. Contohnya, dengan berbekalkan tulang empat kerat, lelaki tersebut jelah menebas hutan, mendirikan petempatan dan membuat alatan seperti bubu dan bakul bagi memudahkan kehidupan di hutan tersebut. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa lelaki tersebut merupakan seorang yang berilmu.

Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya ilmu pengetahuan akan menjadikan kehidupan seseorang itu lebih mudah. Sekiranya lelaki tersebut tidak berilmu, sudah pasti dia tidak mampu untuk hidup dalam hutan belantara itu seorang diri. Akan tetapi, disebabkan lelaki itu berilmu, maka dia dapat bertahan hidup dalam hutan belantara itu.

Malahan, dengan menggunakan ilmu yang dimiliki, lelaki tersebut berjaya menghasilkan bubu untuk menangkap ikan dan juga pandai menganyam bakul.

Melalui kisah-kisah tersebut, apa yang cuba ditegaskan kepada pembaca adalah berkaitan kepentingan ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu merupakan sesuatu yang harus dicari, dituntut dan dipelajari. Namun, ada juga ilmu yang diperoleh melalui pengalaman hidup yang dilalui oleh seseorang. Tegasnya, ilmu yang dimiliki itu haruslah diaplikasikan dalam kehidupan seharian kerana dengan ilmu dapat melahirkan dan mencipta pelbagai perkara baharu. Contoh melalui kisah *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, penulis memperlihatkan bahawa walaupun lelaki tersebut hidup seorang diri, namun ia tidak menjadi penghalang kepada seseorang untuk mencari ilmu. Sekiranya diteliti, lelaki tersebut memiliki pemikiran yang kreatif apabila dia mampu menghasilkan bubu dan menganyam bakul bagi memudahkan kehidupan seharian.

Sehubungan itu, melalui analisis berkaitan masyarakat berilmu bersesuaian diaplikasikan dengan pendekatan moral. Hal ini, kerana pendekatan moral ini dapat berfungsi sebagai alat bagi memperlihatkan pengalaman hidup manusia sama ada memberikan impak yang positif atau negatif (Hashim Awang, 2002). Ini bermaksud setiap pengalaman yang dilalui oleh seseorang itu boleh dijadikan sebagai pedoman dan rujukan untuk generasi akan datang. Oleh itu, menerusi kisah *Pengunduran Raja Patani* dan *Keasyikan Suara Buluh Perindu* senangnya dapat memberikan suatu nilai tambah kepada masyarakat agar sentiasa berusaha untuk mencari ilmu walau apa jua keadaan.

#### 4.5.3 Masyarakat Arif Ilmu Perubatan

Kata arif merujuk kepada yang mengetahui atau kebiasaannya merujuk kepada seseorang yang memahami akan sesuatu perkara dengan mendalam atau mempunyai

pengetahuan yang luas (*Kamus Dewan*, 2017). Ilmu pula merujuk kepada kata pengetahuan berkaitan hal dunia dan kata ‘perubatan; pula merujuk kepada perihal berubat atau hal-hal yang berkaitan dengan usaha mengubati sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2017). Berdasarkan takrifan yang telah diberikan, dapat dirumuskan bahawa masyarakat arif ilmu perubatan merujuk kepada mereka yang masih dan pandai dalam mengubati penyakit yang dialami oleh seseorang. Dalam kisah *Kehebatan Bomoh Siam*, ada memperlihatkan masyarakat yang arif akan ilmu perubatan, seperti petikan berikut:

#### Petikan 51

“Suaru masa dahulu terdapat seorang bomoh Siam yang sangat terkenal dalam ilmu perubatan dan merawat pesakit yang mengalami penyakit pelik. Kehebatanya dalam merawat pesakit melalui kaedah nadi iaitu mengetahui getaran penyakit yang dialami oleh pesakit. Melalui tekanan pada bahagian nadi, bomoh Siam ini dapat menyembuhkan penyakit dalam sekelip mata. Pesakit-pesakit yang pernah datang berubat dengan bomoh Siam ini akan sembuh selepas pulang dari rumahnya...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 40)

Pada zaman dahulu kala, masyarakat di peribumi Melayu sering berkunjung ke rumah bomoh khususnya bomoh Siam bagi mengubati segala macam penyakit. Masyarakat pada waktu itu melakukan pelbagai ikhtiar dan usaha bagi menyembuhkan penyakit yang dihadapi oleh mereka. Dahulu, terdapat pelbagai jenis bomoh, tetapi golongan bomoh Siam paling dipercayai. Di sebuah penempatan, terdapat seorang bomoh Siam yang sangat terkenal dalam ilmu perubatan dan mahir merawat pesakit yang mengalami penyakit-penyakit pelik. Beliau dikatakan dapat mengetahui penyakit seseorang dengan hanya menekan nadi pesakit. Selepas mengetahui penyakit apa yang dihadapi, bomoh tersebut terus merawat pesakit dan dapat menyembuhkannya dalam sekelip mata. Diceritakan juga, terdapat sepasang suami isteri yang telah lama berkahwin tetapi belum dikurniakan anak. Selepas mengetahui ada bomoh Siam yang arif akan ilmu perubatan telah mendorong pasangan tersebut untuk berubat. Akhirnya pesakit pelik yang dialami oleh isterinya berjaya disembuhkan oleh bomoh Siam. Sewaktu hendak pulang, si suami menghulurkan sedikit sumbangan tetapi tidak diterima oleh bomoh tersebut kerana niatnya ikhlas untuk membantu dan semua penawar itu datang dari Allah SWT.

Kehebatan dan kearifan bomoh Siam dalam ilmu perubatan semakin dikenali ramai. Sepasang suami isteri tersebut akhirnya hidup bahagia hingga akhirnya.

Merujuk kepada kisah *Kehebatan Bomoh Siam* jelas memperlihatkan wujudnya masyarakat yang arif berkaitan ilmu perubatan dan hal ini boleh dilihat pada watak bomoh Siam. Contohnya, kearifan bomoh Siam terbukti apabila beliau mampu mengetahui penyakit yang dihadapi oleh pesakit hanya dengan melalui getaran pada nadi. Bukan itu sahaja, kearfannya dalam ilmu perubatan juga terserlah apabila setiap pesakit yang datang berubat dengannya akan sembah dengan serta-merta. Setiap rawatan yang dilakukan oleh bomoh Siam tidak dikenakan sebarang caj kerana beliau ikhlas membantu pesakit-pesakit yang datang berubat dengannya. Dalam konteks ini jelas, membuktikan bahawa dahulunya sudah ada masyarakat yang arif akan ilmu perubatan walaupun pada ketika itu belum ada kemajuan dari segi teknologi.

Selain itu, kisah *Kehebatan Pawang Ali* juga turut menggambarkan wujudnya masyarakat yang arif ilmu perubatan, seperti petikan berikut:

#### Petikan 52

“Kehebatannya dalam ilmu perubatan tidak dapat disangkal oleh sesiapa. Beliau mengubati pesakit hanya dengan ayat-ayat al-Quran dan kadangkala memasukkan sedikit permainan teri untuk penyakit-penyakit misteri yang tidak dapat dirungkai melalui perubatan moden. Ianya menjadi satu kepercayaan masyarakat setempat jika seseorang berkelakuan aneh dianggap tersampuk oleh makhluk ghaib. Masyarakat Kampung Pupuk hidup dalam keadaan aman kerana kehebatan Pawang Ali dalam ilmu perubatan...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

*Kehebatan Pawang Ali* berkisarkan tentang seorang lelaki tua yang telah dimamah usia. Akan tetapi kehebatannya dalam perubatan dan ilmu serta kebijaksanaan tidak dapat ditandingi oleh orang lain. Lelaki tua tersebut dikenali sebagai Pawang Ali oleh orang kampung. Pawang Ali merupakan seorang yang hebat dalam mengubati pesakit. Beliau mengubati pesakit dengan ayat-ayat al-Quran dan ada kalanya memasukkan permainan teri untung mengubati penyakit-penyakit yang misteri. Bukan itu sahaja, masyarakat di

kampung tersebut juga percaya bahawa jika seseorang itu berkelakuan aneh, orang tersebut telah terkena sampuk dan harus mendapatkan rawatan dengan Pawang Ali. Pada suatu malam, satu kampung dikejutkan dengan jeritan yang entah dari mana dan jeritan tersebut mampu didengari oleh setiap pelosok Kampung Pupuk. Setiap pemuda kampung dikerahkan untuk mencari dari mana asalnya jeritan tersebut. Akhirnya, jeritan tersebut berasal dari rumah Karim dan Abu. Pawang Ali segera datang lalu memegang tangan Karin. Tanpa membuang masa terus memulihkan Karim dengan bacaan ayat-ayat al-Quran dan memainkan permainan. Akhirnya, semangat karim yang hilang telah berjaya dipulihkan oleh Pawang Ali.

Melalui kisah tersebut, dapat dilihat bahawa Pawang Ali merupakan seorang yang arif dalam ilmu perubatan. Contohnya, walaupun Pawang Ali merupakan orang yang telah berusia, namun kehebatan dan kearifannya dalam ilmu perubatan tidak tumpul dan beliau masih merawat penduduk kampung yang berjumpa dengannya. Selain itu, Pawang Ali juga merawat pesakit dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan apabila seseorang itu terkena sampuk, maka Pawang Ali akan mengubatinya menggunakan permainan teri. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa Pawang Ali merupakan seseorang yang arif akan ilmu perubatan dan ia tidak dapat di rungkai melalui perubatan moden. Selain itu, dengan ilmu perubatan yang dimiliki oleh Pawang Ali, ianya telah banyak memberikan manfaat kepada penduduk dan masyarakat setempat bahkan dengan kearifannya dalam ilmu perubatan juga telah berjaya mengembalikan keamanan di Kampung Pupuk.

Melalui kisah-kisah yang telah dinyatakan sebelum ini, penulis ini menegaskan kepada pembaca bahawa perubatan tradisional merupakan perubatan yang masih lagi wujud dan diamalkan oleh masyarakat pada masa kini, walaupun dunia telah maju dan berkembang dengan bantuan teknologi. Hal ini, kerana tidak semua penyakit itu boleh dirawat menggunakan perubatan moden. Selain itu, penulis turut menegaskan bahawa

walaupun masyarakat terdahulu menggunakan pelbagai kaedah untuk rawatan, tetapi mereka tidak lari dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran ketika melakukan perubatan. Hal ini kerana kesembuhan sesuatu penyakit itu bukanlah datang dari ubat semata-mata tetapi kesembuhan penyakit yang ada pada diri manusia tidak lain dan tidak bukan adalah dari Allah SWT. Tuntasnya, setiap penyakit itu sememangnya didatangkan dengan penawar kecuali kematian dan setiap kesakitan dan juga kesembuhan itu datangnya dari Allah SWT. Kita sebagai manusia dan juga selaku hambaNya harusnya sentiasa mencari ikhtiar dan berusaha mencari penyelesaian atau penawar sekiranya ditimpa sakit atau musibah.

Rentetan itu, masyarakat arif ilmu perubatan ini bertunjangkan kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini, kerana pendekatan kemasyarakatan merupakan sebuah pendekatan yang berfungsi untuk memberikan kesejahteraan hidup bermasyarakat, memperkuuhkan iman dan ketakwaan yang akan membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contohnya, melalui kedua-dua kisah tersebut, jelas memperlihatkan bahawa masyarakat sangat memerlukan golongan yang arif tentang ilmu perubatan kerana mereka yang mempunyai ilmu perubatan sahaja mampu untuk merawat mereka yang mempunyai penyakit-penyakit tertentu. Tuntasnya, melalui kisah Kehebatan Bomoh Siam dan Kehebatan Pawang Ali, sememangnya terkandung citra masyarakat yang arif akan ilmu perubatan dan dapat membuka minda masyarakat khasnya mengenai perubatan tradisional

#### 4.5.4 Adat Resam

Kata ‘adat’ merujuk kepada peraturan yang sudah diamalkan sejak turun-temurun atau telah wujud sejak dahulukala dalam sesebuah masyarakat (*Kamus Dewan*, 2017). Seterusnya, kata ‘resam’ pula merujuk kepada adat kebiasaan, aturan yang menjadi adat, kebiasaan, sifat, tabiat dan pembawa (*Kamus Dewan*, 2017). Dalam konteks ini

adat resam merupakan suatu tingkah laku atau tindakan yang menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat sehingga ia mempunyai syarat dan hukuman tertentu dalam mengadakan sesebuah acara.

Sistem sosial dalam konteks budaya melalui adat resam boleh dilihat menerusi kisah yang bertajuk *Simbolik Rebana*, seperti petikan berikut.

Petikan 53

“...dalam sesuatu upacara atau majlis kenduri pula, masyarakat di Pulau Gajah ini menyambutnya dengan memalu pelbagai jenis rebana secara bersama-sama untuk menjayakan majlis tersebut...”

“...selain untuk paluan raja, rebana juga digunakan untuk majlis-majlis perkahwinan golongan bangsawan. Perkahwinan ini biasa akan mengambil masa selama tiga hari tiga malam yang menjadi kesinambungan dalam kalangan masyarakat...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 18)

Cerita dimulakan dengan memberikan gambaran bahawa terdapat masyarakat Melayu yang tinggal di sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Pulau Gajah. Penduduk di kampung tersebut boleh diibaratkan seperti adik beradik kerana mereka saling tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu dengan lain. Apabila adanya sesuatu majlis atau upacara, masyarakat di kampung tersebut akan menyambutnya dengan memalu pelbagai jenis rebana. Dikatakan juga, pada zaman dahulu, rebana ini dimainkan bagi menyambut kedatangan golongan raja dan ada juga digunakan untuk majlis perkahwinan bagi golongan bangsawan. Bagi acara perkahwinan pula biasanya akan mengambil masa selama tiga hari tiga malam dan perkara ini telah menjadi budaya dalam kalangan masyarakat di Kampung Pulau Gajah. Kemesraan dan keakraban penduduk di kampung tersebut disatukan dengan permainan rebana yang dapat mengeratkan lagi hubungan sesama mereka.

Melalui kisah *Simbolik Rebana*, adat resam yang wujud dalam kalangan penduduk masyarakat di Pulau Gajah ialah melalui aktiviti rebana. Contoh, setiap kali berlangsung

apa-apa majlis di Kampung Pulau Gajah, masyarakat di kampung tersebut akan memalu dan memainkan pelbagai jenis rebana. Irama dan juga bunyi paluan yang saling sahut menyahut menjadikan ianya lebih sedap didengar. Bukan itu sahaja, rebana ini juga turut digunakan bagi menyambut kedatangan golongan raja dan ada juga rebana yang digunakan untuk hari perkahwinan. Walaupun semua aktiviti yang diadakan di kampung tersebut melibatkan penggunaan rebana. Namun, rentak dan gaya musiknya adalah berbeza. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa masyarakat di Kampung Pulau Gajah menjadikan aktiviti rebana sebagai adat resam dalam kehidupan masyarakat.

Selain itu, *Pokok Tanjung dan Alat Musik yang Bisu* turut memperlihatkan adat resam yang menjadi kebiasaan penduduk, hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

**Petikan 54**

“Pokok tanjung itu juga dikatakan mempunyai keajaiban yang tersendiri yang pernah terjadi kepada orang kampung suatu ketika dahulu. Di Kampung Tanjung Besar itu juga terkenal dengan seni persembahan tradisional dan permainan alat muzik seperti makyung, main puteri, menora, dikir barat, wayang kulit dan sebagainya yang menjadi aktiviti pada waktu lapang penduduk kampung di situ...”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 5)

Penglipurlara mengisahkan tentang sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Tanjung Besar. Nama kampung tersebut diambil sempena nama sebuah pokok gergasi yang dipercaya tumbuh dengan sendirinya. Penduduk di kampung tersebut percaya bahawa pokok tanjung gergasi itu memiliki keajaiban dan ianya pernah terjadi kepada orang kampung suatu ketika dahulu. Di Kampung Tanjung Besar juga dikatakan terkenal dengan seni persembahan tradisional dan permainan alat muzik seperti makyung, main puteri, menora, dikir barat, wayang kulit dan sebagainya. Permainan alat muzik dan persembahan sudah menjadi rutin bagi penduduk di Kampung Tanjung Besar dan biasanya ia dimainkan atau dipersembahkan ketika waktu lapar bagi memberikan hiburan kepada penduduk.

Petikan kisah *Pokok Tanjung dan Alat Musik yang Bisu* tersebut menggambarkan adanya aktiviti yang menjadi adat resam bagi penduduk di kampung tersebut. Contohnya, apabila mempunyai waktu lapang, penduduk di Kampung Tanjung Besar akan mengisi masa lapang tersebut dengan melakukan pelbagai aktiviti seperti persembahan tradisional dan permainan alat muzik seperti dikir barat, makyong, menora dan sebagainya. Hal ini telah menjadi kebiasaan bagi penduduk di kampung tersebut apabila mereka mempunyai masa lapang mereka akan mengisinya dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa adat resam dalam Kampung Tanjung Besar boleh dilihat melalui aktiviti yang dilakukan oleh penduduk kampung ketika waktu lapang dan hal ini dapat meningkatkan lagi nilai kebudayaan dalam diri penduduk kampung dan pada masa yang sama dapat mengeratkan hubungan sesama mereka.

Rentetan dari itu, adat resam ini bersesuaian diaplikasikan dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini, kerana pendekatan kemasyarakatan ini boleh dijadikan sebagai medium untuk mempertingkatkan hubungan antara manusia, mengukuhkan keimanan dan juga ketakwaan yang akan membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contohnya, berdasarkan aspek budaya dalam konteks adat resam ini membuktikan bahawa penulis berjaya menggambarkan dengan jelas berkaitan aturan atau adat atau kebiasaan yang dilakukan oleh penduduk di sesebuah penempatan. Oleh itu, melalui kisah Simbolik Rebana dan Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu sememangnya terkandung adat resam yang dapat memberikan nilai kepada masyarakat. Dalam konteks ini jelas bahawa pendekatan kemasyarakatan mampu mendidik jiwa manusia agar sentiasa melakukan kebaikan demi mewujudkan masyarakat yang aman, damai dan harmoni.

#### 4.6 Penutup

Secara keseluruhannya, analisis dan perbincangan di atas membuktikan bahawa pengkaji telah berjaya berjaya mengeluarkan aspek sistem sosial yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Sistem sosial yang terkandung dalam teks sememangnya dapat memberikan kesan kepada masyarakat. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan dan iktibar dalam kehidupan masyarakat. Selain itu juga, pembahagian daripada sistem sosial ini juga turut memiliki kepentingan yang tersendiri dan pada masa yang sama membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada waktu itu sudah memiliki sistem sosial yang tersendiri bagi menjadikan kehidupan lebih sistematik. Oleh itu, sistem sosial yang terkandung dalam teks tersebut mampu memberikan kesan dan juga implikasi terhadap diri, masyarakat dan negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab kelima ini merupakan bab yang terakhir dalam penulisan penyelidikan ini. Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat satu rumusan ringkas berkaitan bab-bab yang telah dibincangkan sebelum ini. Dalam pada itu, pada bab ini juga pengkaji akan membuat imbasan kembali berkaitan analisis dan dapatan kajian yang terdapat pada bab empat, kemudian pengkaji akan menghuraikan implikasi dan juga kesan daripada kajian penyelidikan yang dijalankan ini. Bukan itu sahaja, pada bahagian ini juga pengkaji akan membuat rumusan berkaitan kajian kerana ia meliputi kefahaman berkaitan naratif lisan, sistem sosial dan juga pengaplikasian teori berdasarkan cerita rakyat terpilih. Seterusnya, pengkaji juga akan menghuraikan secara ringkas berkaitan cadangan yang boleh membantu pengkaji agar kajian penyelidikan yang dihasilkan ini dapat mendatangkan manfaat bukan hanya kepada pengkaji, malah turut mendatang manfaat kepada semua masyarakat khasnya dalam konteks naratif lisan. Dengan ini, ia secara tidak langsung dapat membuka mata dan menjana minda mereka ke arah yang lebih luas dan bersifat terbuka terutama pada hal-hal yang berkaitan dengan naratif lisan. Pada akhir bahagian, pengkaji akan menghasilkan sebuah penutup ringkas bagi menandakan berakhirnya kajian ini.

## 5.2 Rumusan

Berdasarkan hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan, pengkaji telah mendapati bahawa kajian penyelidikan yang dilaksanakan ini tidak dijalankan secara meluas. Hal ini kerana pengkaji telah memerihalkan kajiannya hanya berfokuskan kepada genre naratif lisan sahaja. Merujuk kepada kepelbagaian genre yang ada dalam sastera, pengkaji memilih genre naratif lisan kerana naratif lisan merupakan sebuah cerita yang dekat dengan diri pengkaji malah tidak asing lagi bagi masyarakat di Tanah Melayu. Bukan itu sahaja, kepelbagaian jenis naratif lisan juga merupakan salah satu faktor yang menarik perhatian pengkaji untuk meneliti naratif lisan di samping keseronokan sewaktu membacanya.

Oleh hal yang demikian, naratif lisan ini boleh dertiakan sebagai sebuah cerita atau kisah yang bergerak. Bergerak yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah cara atau gaya sesebuah naratif lisan itu disampaikan seperti dipertuturkan dari mulut ke mulut bahkan penyebarannya semakin meluas dan turut mengalami revolusi dalam bentuk penyampaiannya. Jika dilihat dalam konteks masa kini, naratif lisan telah banyak dibukukan dan diterbitkan oleh pelbagai syarikat. Akan tetapi, walaupun naratif lisan telah dibukukan, namun penyebarannya masih berterusan hingga kini. Contoh, seorang datuk yang menyampaikan dan berkongsi kisah naratif lisan kepada cucunya. Di sini jelas menunjukkan bahawa naratif lisan itu masih lagi bergerak dan disampaikan secara lisan oleh golongan-golongan tertentu.

Selain itu, bila menyentuh berkaitan naratif lisan, ianya bukanlah suatu yang asing khususnya dalam konteks akademik. Hal ini, kerana naratif lisan yang wujud dalam Alam Gugusan Melayu ini sememangnya terkandung pelbagai aspek dan intipati yang menyentuh kepada aspek kehidupan manusia. Contohnya, agama, budaya, kepercayaan, nilai dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian atau penyelidikan

berkaitan naratif lisan dalam konteks sejarah, asal usul, kepercayaan, citra masyarakat dan sebagainya telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Rentetan itu, menerusi pembacaan dan analisis yang telah dijalankan, maka timbul satu persoalan baharu bagi mengisi kelompongan yang wujud melalui kajian lepas. Pengkaji telah memilih topik sistem sosial ini bukan hanya untuk memperlihatkan kelainan semata-mata tetapi untuk mempelbagaikan lagi variasi berkaitan naratif lisan. Dengan melakukan kajian terhadap aspek sistem sosial, ia bukan sahaja membuka ruang kepada pengkaji untuk berkongsi idea dan pandangan melalui penulisan, malah pengkaji juga turut berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat memberikan input ke dalam diri pengkaji khasnya berkaitan sistem sosial. Tambahan pula, melalui tinjauan berkaitan kajian lepas juga, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan sistem sosial dalam konteks naratif lisan ini kurang diberikan penekanan oleh para pengkaji lepas dan hal ini juga telah menjadi salah satu faktor yang mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini.

Seterusnya, teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini merupakan teks yang menjadi pilihan pengkaji berbanding teks-teks lain kerana teks ini telah adanya pembahagian sub topik seperti cerita asal usul, mistik, tokoh dan binatang. Selain itu, penggunaan bahasa dan pemilihan kosa kata juga bersesuaian dan memudahkan pengkaji untuk memahami kisah tersebut. Dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, ia secara tidak langsung memudahkan pengkaji untuk melakukan analisis dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi menjadikan kajian lebih sistematik, pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif terhadap kajian ini.

Pengkaji memilih Teori Pengkaedahan Melayu (1989) yang diperkenalkan oleh Hashim Awang sebagai landasan kajian bagi menjawab persoalan yang telah timbul melalui kajian lepas. Hal ini kerana, teori ini merupakan sebuah teori yang bertepatan digunakan oleh pengkaji khususnya untuk menganalisis karya sastera tempatan. Pendekatan ini

juga dipilih disebabkan oleh pendekatan yang diperkenalkan dalam teori tersebut bertepatan dengan sistem sosial yang ingin dikaji oleh pengkaji. Berpandukan Teori Pengkaedahan Melayu ini, pengkaji dapat membuat huraian dengan lebih sistematik. Ini membuktikan bahawa dengan mengaplikasikan teori ini sebagai deduktif kajian ianya amat bertepatan sebagai alat untuk menghurai karya naratif lisan Melayu.

Setelah selesai membuat kajian terhadap naratif lisan yang terpilih, maka pengkaji telah berhasil mengeluarkan beberapa sistem sosial yang terkandung dalam teks tersebut. Dapat dirumuskan bahawa melalui analisis yang telah dijalankan pada bab empat, pengkaji telah mendapati sistem sosial yang digambarkan dalam teks tersebut merupakan gambaran mengenai bagaimana kehidupan pada zaman dahulu. Selain itu juga, melalui analisis yang telah dilakukan juga telah mendapati bahawa setiap sistem sosial yang berjaya dikenal pasti mempunyai kepentingan tersendiri dan penulis juga berjaya mengajak pembaca untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan seperti mana yang digambarkan dalam cerita dan juga dapat merangsang daya kreatif masyarakat atau pembaca mengenai hal-hal yang berkaitan dengan sistem sosial.

Tuntasnya, kajian berkaitan sistem sosial ini merupakan sebuah kajian yang sangat penting untuk diangkat agar dapat dijadikan sebagai pedoman, rujukan dan santapan minda untuk masyarakat. Hal ini kerana, apabila mereka dibekalkan dengan suatu ilmu yang baharu, maka mereka akan lebih menghargai ilmu tersebut dan diharap dapat membuka minda dan juga fikiran mereka. Dengan memiliki ilmu dan pemikiran yang lebih luas, maka mereka akan memandang naratif lisan ini sebagai sebuah kisah yang dapat memberikan nilai dan impak yang positif. Oleh itu, kajian berkaitan sistem sosial ini jelas memberikan satu ilmu baharu kepada masyarakat dan ia boleh digunakan serta diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

### 5.3 Cadangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengutarkan beberapa pendapat dan cadangan yang boleh dilakukan dan diambil oleh beberapa pihak. Hal ini, kerana dengan mengemukakan cadangan terhadap sesuatu perkara, maka perkara tersebut akan menjadi lebih berkualiti dan mempunyai penambahbaikan dari sebelumnya. Malah, melalui kajian ini juga dapat memperkenalkan kepada komuniti khususnya berkaitan sistem sosial kepada semua lapisan umur, peringkat dan sebagainya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Cadangan pertama ditujukan adalah ditujukan kepada para pengkaji akan datang. Hal ini, kerana menerusi analisis dan perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji, pengkaji telah berjaya mengemukakan sistem sosial yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji menggunakan sebanyak 23 buah naratif lisan dan mengaplikasikannya dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian yang berkaitan dengan sistem sosial ini dijalankan oleh pengkaji-pengkaji akan datang agar kajian berkaitan sistem sosial ini dapat berkembang dengan lebih luas.

Selain itu, bagi pengkaji-pengkaji baharu berminat atau mempunyai hasrat untuk menjalankan kajian berkaitan topik sistem sosial disarankan agar dapat meningkatkan lagi jumlah naratif lisan yang dikaji. Hal ini kerana, pengkaji mendapati dengan meningkatkan jumlah naratif lisan, maka hasil kajian, analisis dan perbincangan akan menjadi lebih jelas dan tepat. Akan tetapi, kajian berkaitan sistem sosial ini bukanlah tertumpu pada naratif lisan semata-mata, tetapi pengkaji lain juga boleh menggunakan karya-karya sastera yang lain seperti cerpen, filem dan sebagainya dengan melihat aspek sistem sosial yang terkandung dalam karya tersebut. Pengkaji juga turut menyarankan kepada pengkaji-pengkaji yang akan untuk mengaplikasikan teori

Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian, namun penggunaan teori atau pendekatan yang lain juga boleh digunakan oleh pengkaji baharu agar kajian dalam sistem sosial ini dapat divariasikan. Justeru itu, berdasarkan cadangan-cadangan di atas adalah diharapkan dapat memberikan penambahbaikan kepada kajian-kajian akan datang. Malahan, melalui kajian-kajian lepas juga secara tidak langsung telah memberikan lontaran idea dan kefahaman tentang sesuatu kajian dengan lebih mendalam dan pada masa sama turut memberikan kemudahan kepada pengkaji lain yang akan melakukan kajian atau penyelidikan.

Selain itu, pihak-pihak pengurusan dan juga penerbitan karya juga boleh dijadikan sebagai salah satu pendorong kepada sesebuah kajian yang bakal dilakukan. Rentetan itu, pengkaji mencadangkan agar pihak penerbitan atau arkib untuk mengeluarkan satu karya sastera yang khusus dalam menyentuh aspek sistem sosial yang terkandung dalam cerita rakyat atau dalam mana-mana genre sastera yang lain. Walau bagaimanapun, sekiranya karya tersebut diterbitkan, ini tidak bermaksud bahawa karya tersebut hanya menyentuh berkaitan sistem sosial sahaja, malah turut disertakan dengan pengolahan dan juga pengertian tentang sesuatu sistem sosial agar tidak menimbulkan unsur kekaburuan kepada pembaca. Selain itu, karya tersebut juga boleh menyelitkan unsur nilai dan juga pengajaran. Hal ini bertujuan agar setiap masyarakat yang membaca karya tersebut mendapat input ke dalam dirinya dan kemudian mengaplikasikannya dalam kehidupan. Contohnya, pada sub topik keagamaan dalam konteks berpegang teguh pada ajaran agama mengajar masyarakat atau pembaca untuk lebih teguh dalam mengamalkan ajaran agama Islam di samping mempunyai sikap hormat akan agama lain bagi melahirkan masyarakat yang lebih harmoni. Seandainya buku tersebut berhasil diterbitkan, pengkaji juga turut mencadangkan agar buku-buku tersebut dijual dan di perluaskan ke pasaran seluruh Malaysia, khususnya di kedai-kedai buku seperti SMO Bookstore, BookXcess, Dakwah Corner Bookstore dan lain-lain kedai buku.

Tegasnya, pengkaji berharap agar setiap cadangan yang telah dikemukakan ini dapat diberikan perhatian dan juga pertimbangan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Di samping memperkenalkan sistem sosial kepada masyarakat dan sekaligus dapat mengangkat kembali naratif lisan melalui aspek sistem sosial agar ia terus ada dan tidak ditelan zaman.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### 5.4 Penutup

Sebagai kesimpulan bagi pengakhiran kajian ini, pengkaji mendapati bahawa setiap kajian atau penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana pihak tidak kira dalam apa jua konteks sekalipun, ianya merupakan suatu ilmu yang begitu berharga bukan hanya memberikan kesan dalam diri pengkaji, malah turut memberikan kesan dan manfaat kepada pengkaji lain dan juga pembaca. Hal ini, kerana nilai sesebuah karya itu berharga apabila ia dihasilkan dan kemudian dapat memberikan manfaat bukan sahaja pengkaji itu sendiri malah ilmu yang dihasilkan itu juga mampu memberikan kesan dan juga kebaikan kepada pihak lain. Dengan itu, pengkaji berharap agar kajian berkaitan sistem sosial ini sedikit sebanyak dapat membantu dan memberikan gambaran kepada pengkaji-pengkaji akan datang. Akhir kata, pengkaji berharap agar kajian berkaitan sistem sosial ini dapat menarik minat dan juga perhatian kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk menjadikan menyebarluaskan lagi kajian berkaitan sistem sosial ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abdulkadir B. Nambo dan Muhamad Rusdiyanto. (2005). Memahami tentang beberapa konsep politik (suatu telaah dari sistem politik). *MIMBAR: Jurnal Sosial Dan Pembangunan*, 21(2), 262-285.
- Adam Smith. (1776). An inquiry into the nature and causes of the wealth of nations: Volume One. London: printed for W. Strahan; and T. Cadell, 1776.
- Anis Nazurah Md Karim. (2023). *Pemikiran penglipur lara dalam teks seuntaian naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, lagenda Kedah dan motif darah putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203-211.
- Azimah Abdul Aziz. (2023). *Nilai moral dalam cerita rakyat legenda Bukit Bagahak menggunakan pendekatan moral*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Bakker. (1984). Dichotic listening ear asymmetry: Patterns of longitudinal development. *Brain and language*, 22(1), 49-66.
- Barbara J. Spencer. (1994). Union attitudes to labor-saving innovation: when are unions luddites. *Journal of Labor Economics*, 12(2), 316-344.
- Braginsky. I.V.(1994). *erti keindahan dan keindahan erti dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Chong Ah Fok. (2017). Teori moral Alamiah: satu gagasan. *Malay Literature*, 30(1), 121-139.
- Chong Ah Fok. (2018). Prinsip dan konsep teori moral alamiah dalam novel S.A.B.A. *Malay Literature*, 31 (2), 311-331.
- Christine M. Johnson dan Kenneth S. Norris. (1986). Delphinid social organization and social behavior. *Dolphin cognition and behavior: A comparative approach*, 335-346.
- Clarice Gallus dan Low Kok On. (2016). Tangon Dusun Liwan: satu analisis tema. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6, 27-54.

- Dale Yoder. (1926) Definisi revolusi semasa. *American Journal of Sociology*, 32(3),433-441.
- Daniel Goleman. (2004). What makes a leader. *Creative Management*, 82-91.
- Dennis Dalton. (2012). *Mahatma Gandhi: Nonviolent power in action*. Columbia University Press.
- Dilah Tuah. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika*, 92(2), 153-168.
- ED Tylor. (1871). *Primitive culture: Researches into the development of mythology, philosophy, religion, art and custom* (Vol. 2). J. Murray.
- Eiffa Yuhanis Roslan. (2022). *Unsur nilai dalam teks seuntaian naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang* (1989). Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Elly M. Setiadi. (2011). *Pengantar Sosiologi: pemahaman fakta dan gejala permasalahan sosial: teori, aplikasi dan pemecahannya*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Ezzah'afifah Nasrudin dan Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 63-79.
- Fadzil Yusoff. (2017). *Pemaknaan kosmologi biotik dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan dari perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Fadzilah Kassim dan Norazimah Zakaria. (2021). Fungsi Binatang dalam pantang larang Melayu berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 37-58.
- Fatimah Yassin. (1990). *Cerita rakyat sebagai alat pendidikan*. satu analisis isi yang bercorak etika. dialog kesusasteraan (Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusoff Hassan, Wahab Ali, Rahmah Kaeh, Fatimah Yassin & Zahir Ahmad, Ed). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 11-12 Mei.
- Fifi Anak Rinyuk. (2017). *Nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu). Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Florina Jumil dan Norjetta Julita Taisin. (2017). Nilai pendidikan dalam tangon masyarakat Kadazandusun. *PENDETA*, 8, 36-46.

- Frank William. (2013). *Principles of economics* (vol.2). Cosimo, Inc.
- H. A. Rusdiana. (2014). *Konsep inovasi pendidikan*. Pustaka Setia
- Halimah Hassan. (1989). Masyarakat dalam sastera rakyat. *Dewan Sastera*. 8: 47-48.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kitab tib: ilmu perubatan Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari mini kesusasteraan*. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hashim Awang. (1993). *Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air*. Dewan Sastera. Februari: 52-57.
- Hashim Awang. (1999). *Teori sastera sendiri: Pengkaedahan Melayu*. Kertas kerja dalam Kolokium Membina Sastera Sendiri Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, Melaka.
- Hashim Awang. (2002). Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu: pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Hassan Langgulung. (1986). *Teori-teori kesihatan mental*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Hazrul Mazran Rusli. (2018). *Adaptasi kesusasteraan rakyat cerita jenaka Melayu dalam karya seni cetakan kontemporari*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hazrul Mazran Rusli. (2020). Adaptasi kesusasteraan rakyat (Cerita Si Luncai) dalam karya seni cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 43-56.
- Ismail dan Hotman. (2013). *Filsafat Dakwah Rekayasa Membangun Agama dan Peradaban Islam*. Kencana.
- Ismail Hamid. (1986). *Perkembangan kesusasteraan Melayu lama*. Selangor: Longman.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid. (2021). Nilai kepahlawanan dalam tangon terpilih Suku Kimaragang di Sabah: Heroism Values in Selected Tangon of the Kimaragang Community in Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 32(1).
- Johari Yahaya. (2015). *Pantun peribahasa Melayu: analisis daripada perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sastera, Universiti Sains Malaysia, Penang.

- Jumali Selamat. (20001). *Nilai-nilai dalam pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Jumali Selamat. (2001). *Nilai-nilai dalam pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2021). Berpegang teguh dengan ajaran Islam. Surah Ali 'Imran (3: 98-103).
- Kamus Dewan*. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartono. (2006). Psikologi wanita mengenal gadis remaja dan wanita dewasa. *Jilid 1*. Bandung: Mandar.
- Kerlinger. (1970). A social attitude scale: evidence on reliability and validity. *Psychological Reports*, 26(2), 379-383.
- Laras Anindya dan Ahmad Jum'a Khatib Nur Ali. (2019). Narasi cerita rakyat Riau asal mula penamaan Pulau Matang dan Pulau Keras. *Jurnal Sinestesia*, 9(1), 1-8.
- Lewicki dan Wiethoff. (2000). *The handbook of conflict resolution: Theory and practice*. California: Jossey-Bass.
- Lucky Riana Putri. (2020). Pengaruh pariwisata terhadap peningkatan PDRB Kota Surakarta. *Cakra Wisata*, 21(1).
- M Dhany Al Sunah. (2019). Hubungan pendidikan kejuruan dengan produktivitas kerja personil polres kerinci: M. DHANY ALSUNAH, S. Pd., M. Pd. *Jurnal Administrasi Nusantara*, 2 (2), 73-94.
- Mastura Haji Abd Wahab dan Wan Mohd Fazrul Wan Razali . (2021). Konsep Agama, Islam, Ilmu Dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 145-154.
- Minah Sintian. (2015). *Personaliti ibu bapa dalam teks cerita rakyat Kadazan Dusun*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohamad Luthfil Abdul Rahman. (2015). Awang Batil dan Pura Taman iaitu suatu perbandingan tradisi penglipur lara dan Orang Asli. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*. 5 (1), 49-64.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Siti Nur Anis Muhammad Apandi dan Shahariah Norain Shaharuddin. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6 (2017), 35-44.
- Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Kesan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan*: satu penelitian teori konseptual kata kunci. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6(2), 121–143.

- Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: satu pengaplikasian sastera warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6(2), 101–120.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita rakyat Melayu: satu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistic (Ijjeal)*. 3, 91-100.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita rakyat Melayu: suatu analisis pancaran jati diri masyarakat melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 3, 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kelantan: UMK Press.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2021). Penemuan nilai-nilai islam dalam cerita lisan Melayu: satu penelitian terhadap pendekatan karya dan khalayak. *Jurnal Melayu*, 20(1), 79-92.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2016). Penerapan nilai murni dalam cerita rakyat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2017). *Penggunaan multimedia ke arah memartabatkan cerita rakyat masyarakat Melayu*. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 5(2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan konsep menjana minda melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (TENIAT)*, 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim. (2015). Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni. *Journal Of Social Development*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori

- Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan. (2021). The Values Of Heroism In Tok Tangok Folklore As A Symbol Of Personality And Identity Of Malay Community: Research On The Perception Students In University Malaysia Kelantan Through Kahoot Application. *Carnival of Research And Innovation (CRI2021)* (pp.592-597). Research Management Innovation Centre (RMIC), Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab.Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari dan Nasirin Abdillah. (2022). Kajian mengenai nilai murni melalui keunikan dialek Kelantan dalam cerita rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1), 15-32.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-nilai murni dalam seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntaian nilai-nilai murni dalam himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-nilai murni dalam seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia* Doktor Falsafah, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). impak cerminan seni budaya berfikir masyarakat Melayu ke arah kemajuan multimedia menerusi cerita rakyat, seminar budi dan nilai murni. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. 22-23.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita rakyat sebagai simbol kekayaan nilai ketamadunan masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan: UMK Press.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Seuntaian naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan: UMK Press.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Akal budi dalam cerita rakyat di Tumpat Kelantan: satu penelitian terhadap pengkaedahan alamiah. *Jurnal Melayu*, 21(1), 129-144.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia*, 40(1), 215-252.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Perwatakan protagonis dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan: satu penelitian hubungan antara karya dengan khalayak. *International Conference On Malay, Arabic And English (ICMAEL 2022)* (pp. 196-207). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek dan Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak. *Jurnal Sains Insani*. 1 (1), 91-98.
- Mohd Saberi Muda. (2017). Puisi ke teater: transformasi karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu*. 16 (1).
- Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan dan Lim Ying Xuan. (2022). Pendekatan moral dan aplikasi dalam teks kumpulan drama zaman yang mencabar karya Agi. *International Conference on Malay, Arabic and English Literature*, 618-628. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Mohd Taib Osman. (1988). *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun dan Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan (Jakun Orang Asli community in Rompin, Pahang: A study on the preservation of oral stories). *Geografa*, 17(2).
- Mohtar Mas'oed. (1994). *Ilmu hubungan internasional: disiplin dan metodologi*. Penerbit PT Pustaka LP3ES.
- Muhamad Firdaus Kamaruzaman. (2023). *Fenomena sosial dalam teks seuntaian naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Muhammad Haji Salleh. (1995). *Beyond The Archipelago: Selected Poems*. Ohio: University Press.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Izzat Farhan. (2021). *Kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih: satu penelitian pendekatan kemasyarakatan*. Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Naim Che Berahim. (2013). Hasad dengki jejas silaturrahim. *Berita Harian*. Hal. 15.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerminan nilai-nilai Islam dalam koleksi 366 cerita rakyat Malaysia: satu pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development*, 9(1), 51-62.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai Islam terhadap pembentukan sosiobudaya kanak-kanak menerusi cerita rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 8(2).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan: satu penelitian Takmilah. *PENDETA*, 12(1), 11-25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu: Satu penelitian terhadap pendekatan karya dan khalayak. *Jurnal Melayu*.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid dan Siti Aishah Jusoh. (2021). Polemik dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral kepada kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 20(2), 194-212.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohd Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 10(2), 48-56.
- Muhammad Redzuan Othman. (1988). The role of Makka-educated Malays in the development of early Islamic scholarship and education in Malaya. *Journal of Islamic Studies*, 9(2), 146-157.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendi. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329.
- Muhammad Syauqi Mat Zawawi. (2022). *Transkripsi lagu rakyat dalam teks naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu analisis nilai-nilai murni berdasarkan teori pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mustari. (2014). *Nilai karakter refleksi untuk pendidikan*. Jakarta: PT. Rajagrafindo Persada.
- Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek dakwah dalam novel suriati berdasarkan pendekatan dakwah teori pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*. 32 (1), 116-144.

- Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan anak-anak menerusi surah Luqman dalam novel ayahanda: Child Education Through Surah Luqman in Ayahanda Novel: MANU: *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (Ppib)*, 103-129.
- Ng Perng Jeu dan Mohd Fairuz Ali. (2018). A Malaysian Folklore Game Design As A Tool Of Culture Preservation And Entertainment: Toyol. In *3rd International Conference on Creative Media, Design and Technology (REKA 2018)*. Advances in Social Science, Education and Humanities Research. Atlantis Press, 207, 198-202.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi. (2016). *Nilai sosiobudaya dalam cerita kanak-kanak pilihan*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, 3, 2-15.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan konflik dalam cerita rakyat Nusantara abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 37-43.
- Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah. (2021). Ritual dalam cerita rakyat di mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 18-29.
- Noraini Abd. Shukor. (2016). *Padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu: pendekatan firasat*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2019. Mitos dalam kepercayaan masyarakat Melayu tradisi berdasarkan teks sastera Melayu Tradisional. *International Conference on Humanities, Education and Society (ICHES 2019)* (pp. 419-427). Edusage Network.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun dan Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur mitos berdasarkan teks sastera Melayu Tradisional. *International Journal on Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 78-87.
- Norfarizah Mohd Bakhir, Mohamad Omar Bidin dan Ahmad Amirul Abdul Aziz. (2018). Preserving and promoting Malay folklores and legends using interactive motion comic: the Fang King (Raja Bersiong). In *SHS Web of Conferences*. EDP Sciences. 45, 1-5.
- Normaliza Abd Rahim dan Nik Ismail Harun. (2016). Students' perception towards Malay folklore songs. *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS)* (pp. 641-648). Springer, Singapore.

- Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2018). Integration of values and culture in Malay folklore animation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 26(1), 359- 374.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Nor Shahila Mansor (2016). *Wacana cerita rakyat Melayu dalam kalangan pelajar Korea. Jurnal Kemanusiaan*, 14 (1), 12-21.
- Nur Ezatul Fadtehah Hedel dan Mari Fatimah Subet. (2020). Peristiwa aneh dalam cerita rakyat “hikayat nakhoda muda”: analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.
- Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: satu penelitian teori pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education and Applied Linguistics*, 11 (1), 48-58.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2021). Citra masyarakat dalam naratif lisan: satu pendekatan teori pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 9(1), 93-106.
- Nur Shahirah Othman. (2020). Akal budi orang Melayu dalam cerita rakyat himpunan 366 cerita rakyat Malaysia: satu pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu. *International Journal of Creative and Heritage (TENIAT)*.
- Nur Suhada Md Arifin dan Kamariah Kamarudin. (2017) Personaliti Islam menurut perspektif Al-ghazali dalam novel tuhan lebih saintifik karya Farhan Hadi. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 25 (1). 1-21.
- Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi dan Nordiana Ab. Jabar. (2022). Kisah sang kancil dan harimau sebagai penerapan nilai budaya tinggi dalam kalangan kanak-kanak. *International Conference On Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)* (pp. 403-412). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Idris (2018). Hikayat Nabi Adam: satu kajian teks dan analisis berdasarkan pengkaedahan keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-15.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Othman Puteh. (1984). *Matra, tasik dan laut*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Othman Puteh. (1996). Konsep nilai dalam kebudayaan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- P. julius F. Nagel. (2018). Pemimpin berinovasi dan berwawasan bisnis guna mewujudkan good governance. Universitas Widya Mandala, Surabaya.
- Pg Haji Yakub Pg Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). Sajak-sajak Badaruddin H.O bertemakan ketuhanan: analisis pendekatan dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMOS)*. 29 (1), 1-15.
- Podsakoff dan Schriescheim. (1985). *Field studies of French and Raven's bases of power: Critique, reanalysis, and suggestions for future research*.
- Qurratul'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei. (2018) Introspeksi puisi 77 Tuju: siri ingatan kepada kawan. *Jurnal wacana Sarjana*. 2(4), 1-15.
- Rabiatal Adawiyah Ab. Samad dan Low Kok On. (2017). Unsur dan kearifan tempatan Orang Bajau dalam kumpulan puisi Iltizam. *Malay Literature*, 30 (1), 99-120.
- Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek dan Sara Beden. (2022). Novel arus denua: perspektif pengkaedahan Melayu. *International Conference on Malay, Arabic, and English Literature*, 1-10. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif 'Melayu malas' dan 'Melayu bodoh' Oleh Barat serta kebenarannya berdasarkan cerita jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Robertson dan Sribar. (2002). *The adaptive enterprise: IT infrastructure strategies to manage change and enable growth*. Addison-Wesley Longman Publishing Co., Inc.
- Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven. (2016). Alam dan budaya masyarakat Melayu dalam hikayat pelanduk jenaka. *Journal of Business and Social Development*, 24(1), 23-49.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada cetak kepada digital: rekonstruksi cerita rakyat di Malaysia. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Salim HS. (2014). Pengantar hukum perdata tertulis (BW). Jakarta: Sinar Grafika.
- Schermerhorn, Myron Fottler, John Wong dan William Money. (1982). Multi-institutional arrangements in health care: Review, analysis, and a proposal for future research. *Academy of Management Review*, 7(1), 67-79.
- Sesilia Seli. (2016). *Kearifan tempatan dalam cerita rakyat Dayak Kanayatn: kajian hermeneutik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1996). The politicization of Islam in Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*, 18 (3), 230-50.

- Siti Aishah Jusoh dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Satu analisis pemikiran mantera pakaian diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 11 (1), 5-13.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2021). Unsur spiritual dalam cerita lisan Melayu. *PENDETA*, 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud. (2019). Kisah sang kancil dan memerang sebagai penerapan adab kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Kesidang*, 4 (2019), 77-89.
- Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Kesinambungan warisan budaya masyarakat Melayu Pantai Timur dalam cerita rakyat Untuk kanak-kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 93-103.
- Siti Zuhaidah Zakeria. (2015). *Gaya penyampaian cerita rakyat Melayu terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sri Hariati. (2015). Kawin kontrak menurut agama Islam, hukum dan realiti dalam masyarakat. *Jatiswara*, 30 (1).
- Suhaini Md Noor dan Faizal Musa. (2021). Fungsi makanan dalam interaksi sosial masyarakat Melayu: satu kajian teks cerita rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9 (2), 56-67.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: esei, proposal tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: analisis teori pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 7 (2017), 47-63.
- Syarah Aqilah Zulfakar. (2023). *Polemik dalam teks himpunan 366 cerita rakyat Malaysia: suatu pengaplikasian teori Takmilah*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (1993). *Epistemologi Islam Teori Ilmu dalam al-Quran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tangkilisan. (2005). *Manajemen publik*. Grasindo.
- Tata Sukayat. (2009). *Quantum Dakwah*. Jakarta: Rineka Cipta, 28.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Kajian pendidikan moral dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak: satu penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Malay, Arabic and English*

- Literature (ICMAEL 2022) (pp. 435-447). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak: satu pendekatan moral. *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)* (pp. 422-434). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur kebudayaan dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: cultural elements in folk narratives at Lembangan Sungai 170 Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic*, 12(1), 27-37.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat kilatan emas mencetus revolusi kepemimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 9(1), 68-80.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan. (2021). Keberkesanan unsur watak dan perwatakan dalam cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja melalui media animasi. *Jurnal Melayu*, 20(2), 230-246.
- Umar Suryadi Bakary. (2017). *Dasar-dasar Hubungan Internasional Edisi Pertama*. Kencana.
- Umar Yunus. (1989). *Stilistik satu pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utley. (1965). *Folk literature: an operation definition*. in dundes, a., ed. the study of folklore New Jersey: Prentice-Hall.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Hasmizam Hashim, Syahirah Abdul Shukor dan Asma Harun. (2018). Faraq perkahwinan bagi pasangan tak sah taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*.
- Wan Muhammad Aiman Wan Aziz. (2018). *Cerminan pemikiran masyarakat Melayu yang terpilih dalam teks himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.

Wan Nurzafirah Wan Zin. (2019). Analisis cerpen terpilih A. Samad Said menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan.

Wan Siti Nur Aini Wan Noor Ajman. (2023). *Identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norsizan Jamian dan Zubir Idris. (2017). Komunikasi bukan lisan: alamat kedutan (denyutan) berdasarkan mujarobat. *Jurnal Melayu Isu Khas* 2017, Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Nama diberi Muhammad Ihad Bin Yahya, berumur 23 tahun dan dilahirkan Kota Bharu Kelantan dan masih bujang. Kini saya menetap di Batu Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan. Penulis merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Penulis mula mendapat pendidikan rendah pada tahun 2007 di Sekolah Kebangsaan Batu Mengkebang. Kemudian, menyambung pula pengajian peringkat menengah di Maahad Rahmaniah pada tahun 2013 dan kini melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Kesusastraan Warisan. Cita-cita yang diimpikan oleh penulis adalah untuk menjadi seorang pendidik yang bergelar guru. Di samping itu, prinsip hidup yang menjadi pegangan penulis adalah, setiap yang berlaku itu merupakan aturan daripadanya dan kita sebagai hamba hanya perlu melalui proses tersebut dengan hati yang terbuka. Akhir kata, matlamat pengkaji adalah untuk menjadi seorang insan yang mampu untuk berdikari dan membala jasa kepada keluarga. Sesungguhnya, di penghujung mimpi ada cita-cita yang tertangguh, cita-cita kita untuk berjaya dan cita-cita keluarga untuk melihat kita bahagia dan berjaya.